

**PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT-  
SYARIKAT TEKSTIL DI NEGERI PERAK**

**MUHAMAD UZAIR BIN GAMAL ABDUL NASIR**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

**PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT-  
SYARIKAT TEKSTIL DI NEGERI PERAK**

**MUHAMAD UZAIR BIN GAMAL ABDUL NASIR**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

## **ABSTRAK**

Kajian ini membicarakan mengenai zakat perniagaan yang dibayar oleh syarikat-syarikat tekstil yang terdapat di Negeri Perak Darul Ridzuan bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui kaedah pembayaran zakat perniagaan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat tekstil di Negeri Perak. Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah metod pengumpulan data dan metod analisis data. Metod pengumpulan data terdiri daripada penyelidikan perpustakaan seperti metod dokumentasi. Dan juga penyelidikan lapangan seperti metod temubual. Manakala metod analisis data terdiri daripada metod induktif, deduktif dan komparatif. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa terdapat dua kaedah pembayaran zakat perniagaan yang diamalkan oleh para pemilik syarikat-syarikat tekstil tersebut iaitu dibayar secara rasmi kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) atau dibayar secara sendiri kepada asnāf-asnāf berkenaan. Walau bagaimanapun, didapati kebanyakan daripada peniaga-peniaga ini lebih cenderung untuk mengeluarkan zakat perniagaan mereka secara tidak rasmi berbanding dibayar secara rasmi kepada MAIPk dan pengetahuan kebanyakan mereka yang membayar secara sendiri terhadap kewajipan zakat perniagaan berada di tahap memuaskan.

## **ABSTRACT**

This study discusses the payment of zakat by textile companies in the State of Perak from 2007 until 2011. The main purpose of this study is to find out the method of zakat payment practiced by textile companies in Perak. The research methodology used in this study is the method of data collection and method of data analysis. The methodology of data collection consisted of the library research such as method of documentation and field research such as interview method. The method of data analysis consisted of the inductive, deductive and comparative methods. Based on the study conducted, it is found that there are two methods of zakat payment practiced by the textile companies. There are payments made to the Perak Council of Islamic And Malay Customs (MAIPk) and directly to the recipients. However, the result shows that most of the companies prefer to pay zakat of their business directly to the recipients. It is also found out that the knowledge of them regarding the role of zakat payment is satisfactory.

## **PENGHARGAAN**

Pujian dan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, telah memberi kekuatan kepada penulis untuk menyempurnakan Disertasi ini yang bertajuk “Pembayaran Zakat Perniagaan Oleh Syarikat-Syarikat Tekstil Di Negeri Perak”. Selawat dan salam juga diucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w yang merupakan penghulu segala Nabi dan Rasul, kaum keluarga dan para sahabat Baginda serta kaum muslimin dan muslimat sekalian.

Setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr Luqman Bin Abdullah yang merupakan penyelia kepada penulis di atas segala bimbingan dan nasihatnya sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya terutamanya yang berada di Jabatan Fiqh Dan Usul di atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penulis belajar di Universiti Malaya. Segala nasihat dan ilmu yang telah dicurahkan kepada penulis tidak dapat dibalas dan dilupakan. Semoga jasa kalian dirahmati dan mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Encik Munawir Bin Muhammad Noh yang merupakan Eksekutif Zakat (Dakwah & Promosi) Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak di atas kesudian beliau untuk meluangkan masa supaya dapat ditemubual dan menjawab segala persoalan yang diutarakan oleh penulis.

Tidak lupa juga penghargaan kepada ayahanda yang dikasihi, Gamal Abdul Nasir Bin Alias dan ibunda yang disayangi, Norsa’ayah Binti Ibrahim di atas segala pengorbanan kalian selama ini dalam membesar dan mendidik penulis supaya dapat menjadi seorang insan yang soleh dan bertakwa. Semoga kalian dilindungi dan diberkati

oleh Allah s.w.t di dunia dan di akhirat. Begitu juga ucapan terima kasih kepada abang penulis, Luqmanul Hakim Bin Gamal Abdul Nasir yang turut serta membantu penulis dalam menyiapkan Disertasi ini dan juga kepada adik-adik penulis sendiri. Buat rakan-rakan seperjuangan pula, terima kasih penulis ucapkan di atas persahabatan yang terbina. Semoga ukhwah yang terjalin ini dapat kekal buat selama-lamanya.

Akhir kata, ribuan terima kasih penulis tujukan kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala yang baik hanyalah datang daripada Allah s.w.t manakala segala kesilapan dan kesalahan adalah disebabkan kelemahan yang terdapat pada diri penulis. Oleh itu, penulis memohon kemaafan di atas segala kekurangan diri ini.

Salam ikhlas,

Muhamad Uzair Bin Gamal Abdul Nasir,

(IGA 110077)

Jabatan Fiqh Dan Usul,

Lot 4445 Kampung Jamuan,

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,

33000 Kuala Kangsar,

50603 Kuala Lumpur.

Perak Darul Ridzuan.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Halaman Tajuk	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Panduan Transliterasi	xiii
Senarai Kependekan	xv
Senarai Jadual	xvi
Senarai Rajah	xvii
Senarai Lampiran	xviii
	vi

## **BAB PERTAMA :**

### **PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Penyelidikan	6
1.6 Skop Dan Batasan Penyelidikan	6
1.7 Kepentingan Penyelidikan	8
1.8 Ulasan Penyelidikan Lepas	8
1.8.1 Kajian Mengenai Hukum-Hukum Berkaitan Zakat Perniagaan	9
1.8.2 Kajian Kes Yang Tertumpu Di Negeri-Negeri Dan Institusi-Institusi Tertentu	11
1.8.3 Kajian Mengenai Kaedah Pengiraan Atau Pentaksiran Zakat Perniagaan	16
1.9 Metodologi Penyelidikan	19

1.9.1 Metod Pengumpulan Data	19
1.9.2 Metod Analisis Data	22
1.10 Susunan Penulisan	23

**BAB KEDUA :**

**ZAKAT PERNIAGAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

2.1 Pendahuluan	26
2.2 Definisi Zakat	27
2.3 Sejarah Pensyariatan Zakat	29
2.4 Konsep Zakat Harta Perniagaan	29
2.4.1 Sumber Pensyariatan Zakat Perniagaan	30
2.4.2 Syarat-Syarat Wajib Zakat Harta Perniagaan	34
2.5 Bentuk-Bentuk Perniagaan Di Malaysia	38
2.6 Konsep Harta <i>Zāhir</i> Dan <i>Bāṭin</i>	47
2.7 Kaedah Penaksiran Zakat Perniagaan Di Perak	48
2.7.1 Perkara-Perkara Asas Dalam Perniagaan	48
2.7.2 Asas Yang Dikenakan Zakat	53

2.7.3 Asas Yang Dikecualikan Zakat	54
2.7.4 Kaedah Taksiran Zakat	57
2.7.5 Contoh Penaksiran Zakat Perniagaan	58
2.7.5.1 Perniagaan Persendirian (Milikan Tunggal)	58
2.7.5.2 Perniagaan Perkongsian	61
2.7.5.3 Perniagaan Perkongsian Orang Islam Dengan Bukan Islam (Sdn. Bhd.)	67
2.8 Kesimpulan	74

### **BAB KETIGA :**

#### **PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DAN PERNIAGAAN**

##### **TEKSTIL DI NEGERI PERAK**

3.1 Pendahuluan	76
3.1.1 Latar Belakang Kuala Kangsar	77
3.1.2 Latar Belakang Taiping	80
3.1.3 Latar Belakang Ipoh	82
3.2 Sejarah Perkembangan Perindustrian Dan Perniagaan Tekstil Di Perak	84

3.3 Sejarah Syarikat-Syarikat Tekstil Di Perak	88
3.3.1 Syarikat Perkongsian	88
3.3.2 Syarikat Milikan Tunggal	91
3.4 Kewajipan Zakat Perniagaan Ke Atas Perindustrian Dan Perniagaan Tekstil Di Negeri Perak	97
3.5 Kesimpulan	99

#### **BAB KEEMPAT :**

#### **ANALISA PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT- SYARIKAT TEKSTIL DI NEGERI PERAK**

4.1 Pendahuluan	101
4.2 Pembayaran Zakat Perniagaan Oleh Syarikat-Syarikat Tekstil	101
4.2.1 Syarikat Perkongsian	102
4.2.1.1 Analisa Amaun Yang Perlu Dizakatkan Dan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat Jenis Perkongsian	108
4.2.1.2 Analisa Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Perkongsian	109

4.2.1.3 Faktor-Faktor Peningkatan Peratus Kadar Zakat Yang	112
Dibayar Syarikat Jenis Perkongsian	
4.2.2 Syarikat Milikan Tunggal	113
4.2.2.1 Analisa Amaun Yang Perlu Dizakatkan Dan Nilai	124
Zakat Perniagaan Syarikat Jenis Milikan Tunggal	
4.2.2.2 Analisa Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat	125
Jenis Milikan Tunggal	
4.2.2.3 Faktor-Faktor Peningkatan Peratus Kadar Zakat Yang	127
Dibayar Syarikat Jenis Milikan Tunggal	
4.3 Kaedah Pembayaran Zakat Perniagaan	128
4.3.1 Pembayaran Secara Ansuran Bulanan Atau Tahunan	129
4.3.2 Pengamalan Pengiraan Zakat Perniagaan	130
4.3.3 Pengamalan Pemilihan Aṣnāf	132
4.3.4 Kaedah Penentuan Aṣnāf	135
4.3.5 Faktor-Faktor Pembayaran Zakat Perniagaan Secara	136
Sendiri	
4.4 Pembayaran Secara Terus Kepada Aṣnāf Berdasarkan	138
Pandangan Fuqaha'	

4.5 Potensi Pembayaran Zakat Perniagaan Oleh Syarikat-Syarikat Tekstil Kepada MAIPk	141
---	-----

4.6 Kesimpulan	143
----------------	-----

## **BAB KELIMA :**

### **PENUTUP**

5.1 Rumusan Kajian	145
--------------------	-----

5.2 Saranan Dan Cadangan	146
--------------------------	-----

5.2.1 Saranan Kepada Pemilik-Pemilik Syarikat Tekstil Di Negeri Perak	146
---	-----

5.2.2 Saranan Kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	148
---	-----

5.3 Kesimpulan	151
----------------	-----

<b>BIBLIOGRAFI</b>	152
--------------------	-----

## **LAMPIRAN**

## **PANDUAN TRANSLITERASI**

Senarai pedoman adalah seperti berikut :

### **1. Konsonan**

Huruf ‘Arab	Transliterasi
ء/ا	a/'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t̤
ظ	z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h/t

## 2. Vokal

### I. Vokal Pendek

Huruf Arab	Transliterasi
ـ (Fatḥah)	a
ـ (Kasrah)	i
ـ (Dammah)	u

### II. Vokal Panjang

Huruf Arab	Transliterasi
ا/ء	ā
ي	ī
و	ū

### III. Diftong

Huruf Arab	Transliterasi
ـ ـ	aw
ـ ـ	ay
ـ ـ	uww
ـ ـ	iy/ī

## **SENARAI KEPENDEKAN**

MAIPk	: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak
RM	: Ringgit Malaysia
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
s.w.t	: <i>Subhānahu wa Ta ’ālā</i>
s.a.w	: <i>SallāAllahu ‘alayhi wa sallam</i>
t.t.	: tiada tarikh
t.tp.	: tiada tempat terbit
t.p.	: tiada penerbit
cet.	: cetakan
<i>Ibid</i>	: rujukan berturut-turut.
et al.	: terdapat editor lain.
no.	: nombor

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 4.1 : Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat M. Salim Sdn Bhd

Jadual 4.2 : Kadar Zakat Yang Dibayar Mohd Haniff Bersaudara

Jadual 4.3 : Kadar Zakat Yang Dibayar Shukeri Enterprise

Jadual 4.4 : Kadar Zakat Yang Dibayar Butik Pesona Indah

Jadual 4.5 : Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Perkongsian (%)

Jadual 4.6 : Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Gesamas Sdn Bhd

Jadual 4.7 : Kadar Zakat Yang Dibayar Ain Hias

Jadual 4.8 : Kadar Zakat Yang Dibayar Afshar Textile

Jadual 4.9 : Kadar Zakat Yang Dibayar FR Zaini Collection

Jadual 4.10 : Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat A & A Carpets

Jadual 4.11 : Kadar Zakat Yang Dibayar Permai Koleksi Enterprise

Jadual 4.12 : Kadar Zakat Yang Dibayar Nurul Koleksi

Jadual 4.13 : Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Milikan Tunggal (%)

## **SENARAI RAJAH**

- Rajah 4.1 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Syarikat M. Salim Sdn Bhd
- Rajah 4.2 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat M. Salim Sdn Bhd
- Rajah 4.3 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Mohd Haniff Bersaudara
- Rajah 4.4 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Mohd Haniff Bersaudara
- Rajah 4.5 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Shukeri Enterprise
- Rajah 4.6 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Shukeri Enterprise
- Rajah 4.7 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Butik Pesona Indah
- Rajah 4.8 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Butik Pesona Indah
- Rajah 4.9 : Perbandingan Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Perkongsian
- Rajah 4.10 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Syarikat Gesamas Sdn Bhd
- Rajah 4.11 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat Gesamas Sdn Bhd
- Rajah 4.12 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Ain Hias
- Rajah 4.13 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Ain Hias
- Rajah 4.14 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Afshar Textile
- Rajah 4.15 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Afshar Textile

- Rajah 4.16 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan FR Zaini Collection
- Rajah 4.17 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan FR Zaini Collection
- Rajah 4.18 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Syarikat A & A Carpets
- Rajah 4.19 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat A & A Carpets
- Rajah 4.20 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Permai Koleksi Enterprise
- Rajah 4.21 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Permai Koleksi Enterprise
- Rajah 4.22 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Nurul Koleksi
- Rajah 4.23 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Nurul Koleksi
- Rajah 4.24 : Perbandingan Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Milikan Tunggal

## **SENARAI LAMPIRAN**

Maklumat Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

# **BAB**

# **PERTAMA**

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Ekonomi merupakan salah satu daripada aspek yang amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Antara sektor yang banyak menyumbang kepada perkembangan ekonomi sesuatu negara adalah menerusi bidang perniagaan. Disebabkan itulah Islam menggalakkan umatnya untuk bermula kerana ia boleh meningkatkan lagi taraf hidup mereka. Dorongan ini dapat dilihat melalui kewajipan terhadap setiap muslim untuk mengeluarkan zakat ke atas perniagaan yang dijalankan olehnya setelah dia memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syara'.

Jika diperhatikan hikmah disyariatkan zakat, antara tujuan difardhukannya adalah untuk mengurangkan golongan fakir dan miskin di samping untuk merapatkan lagi jurang perbezaan di antara golongan yang berada dengan mereka yang kurang bernasib baik dari segi kewangan.<sup>1</sup> Apabila jurang ini dapat dikurangkan, secara tidak langsung negara juga akan menjadi lebih harmoni dan aman damai. Sebab itulah umat Islam di negara ini terutamanya yang mendiami di dalam Negeri Perak perlu melibatkan diri di dalam sektor perniagaan supaya mereka tidak ketinggalan dalam menyelusuri arus pembangunan ekonomi negara yang rata-ratanya dikuasai atau didominasi oleh orang yang bukan beragama Islam. Apabila semakin ramai umat Islam yang terlibat di dalam sektor ini, sudah tentulah mereka yang mengeluarkan zakat perniagaan akan semakin bertambah

---

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (cet. ke-4, Damsyik: Dār al-Fikr, 1996), 2:732.

banyak. Ini secara tidak langsung akan memberi keuntungan kepada umat Islam juga terutamanya mereka yang susah atau yang memerlukan bantuan kewangan.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Secara umumnya sebelum seseorang peniaga itu mengeluarkan zakat perniagaannya, dia perlulah memenuhi dua unsur ini iaitu wujud perbuatan untuk berjual beli dan mempunyai niat untuk mendapatkan keuntungan.<sup>2</sup> Ini bermakna jika dia tidak mempunyai salah satu daripada unsur ini maka barang tersebut tidak dianggap sebagai barang perniagaan. Tetapi sekiranya syarat-syarat ini telah dipenuhi maka dia wajib mengeluarkan zakatnya apabila barang perniagaannya telah cukup niṣāb dan haul.<sup>3</sup>

Jika dilihat di Perak, banyak kemudahan pembayaran zakat telah disediakan oleh kerajaan negeri seperti melalui kaunter-kaunter di tujuh belas buah pentadbiran majlis, agensi-agensi bank, ‘āmil harta dan profesional serta wakil institusi pengajian tinggi sebagai contohnya daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).<sup>4</sup> Berdasarkan pendapat penulis, penyediaan pelbagai kemudahan ini seharusnya tidak menyukarkan umat Islam khususnya para peniaga untuk menunaikan zakat mereka melalui pihak pemerintah berbanding jika dibayar secara sendiri kepada asnāf yang berkenaan.

Selain dikenali sebagai salah sebuah negeri di dalam Semenanjung Malaysia, Perak juga turut diketahui kerana kepesatan pembangunannya di dalam pelbagai bidang dan

---

<sup>2</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh* (cet. ke-7, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 1:373.

<sup>3</sup> Abū Zakariyyā Muhyi al-Dīn ibn Syaraf al-Nawawī, *al-Majmu’ Syarḥ al-Muhadhdhab* (t.t.: Dār al-Fikr, t.t.), 6:55.

<sup>4</sup> Munawir Bin Muhammad Noh (Eksekutif Zakat (Dakwah & Promosi) Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak), dalam temubual dengan penulis, 20 Jun 2012.

lapangan antaranya adalah bidang perindustrian<sup>5</sup> dan perniagaan.<sup>6</sup> Menurut Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, antara sektor perindustrian yang diluluskan untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2009 hingga 2011 di Perak adalah industri tekstil dan barangan tekstil. Pada tahun 2009 dan 2010 adalah sebanyak RM 22,685,568 dan RM 12,999,568 telah dilaburkan dalam industri ini sahaja.<sup>7</sup> Ini menunjukkan bahawa industri ini merupakan salah satu daripada pelaburan yang banyak menyumbang kepada pendapatan kerajaan negeri.

Di samping itu, ini juga boleh difahami bahawa keperluan masyarakat terhadap barangan tekstil ini semakin mendapat sambutan dari semasa ke semasa bersetujuan dengan peningkatan taraf hidup masyarakat pada masa kini. Namun begitu, tahap penyertaan umat Islam yang mendiami Negeri Perak di dalam industri ini masih tidak mampu menandingi penglibatan masyarakat bukan Islam. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa semakin ramai orang Islam yang melibatkan diri mereka di dalam sektor ini.

Oleh sebab itu, penulis mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian terhadap syarikat-syarikat tekstil yang dikendalikan oleh umat Islam di dalam Negeri Perak mengenai cara mereka membayar zakat perniagaan. Dengan kata lain, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sekiranya syarikat-syarikat berkenaan menunaikan zakat perniagaan mereka sama ada di saluran rasmi atau melalui saluran tidak rasmi seperti mentadbir sendiri pengagihan zakat tersebut. Hal ini disebabkan tanggungjawab mengeluarkan zakat

---

<sup>5</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, dicapai 1 Februari 2012, [http://www.perak.gov.my/images/stories/menu\\_atas/rakyat/data\\_asas07/bm/industri.pdf](http://www.perak.gov.my/images/stories/menu_atas/rakyat/data_asas07/bm/industri.pdf).

<sup>6</sup> MARA Negeri, “Perniagaan” (kertas kerja, Seminar Ekonomi Bumiputra Negeri Perak, 1975), 65.

<sup>7</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, “Data Asas Perak 2009-2011,” dicapai 1 Februari 2012, [http://www.perak.gov.my/images/stories/menu\\_atas/rakyat/data\\_asas09-2011/pelaburan\\_mengikut\\_industri.pdf](http://www.perak.gov.my/images/stories/menu_atas/rakyat/data_asas09-2011/pelaburan_mengikut_industri.pdf).

perniagaan ke atas setiap peniaga yang beragama Islam adalah wajib jika dia telah memenuhi syarat-syarat sepermata yang telah ditentukan oleh syara'.<sup>8</sup>

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Penglibatan umat Islam dalam perniagaan tekstil di Negeri Perak merupakan suatu perkembangan yang positif. Namun begitu, menurut sumber rasmi daripada MAIPk, kebanyakan para peniaga yang beragama Islam di Negeri Perak tidak membayar zakat perniagaan mereka melalui saluran yang telah disediakan oleh pihak MAIPk. Walaupun tidak dinafikan terdapat juga peningkatan bilangan mereka yang mengeluarkan zakat perniagaan kepada pihak MAIPk dari semasa ke semasa.<sup>9</sup> Justeru itu, penulis mahu mengkaji sekiranya para peniaga tekstil di Perak termasuk dalam kalangan mereka yang mengeluarkan zakat perniagaan melalui saluran rasmi atau lebih cenderung untuk membayarnya secara sendiri kepada golongan asnāf. Ini disebabkan pembayaran zakat secara sendiri tanpa melalui saluran rasmi dibimbangi tidak menepati kehendak syara' kerana tiada pemantauan daripada pihak yang berautoriti dalam bidang zakat.

Selain itu, kajian ini juga akan melihat sejauhmana potensi industri tekstil atau pendapatan mereka ini mampu untuk memberikan sumbangan kepada pungutan zakat di Negeri Perak. Ini disebabkan pembayaran zakat perniagaan secara terus kepada asnāf oleh syarikat-syarikat berkenaan boleh memberi kesan kepada pungutan zakat oleh MAIPk yang sepatutnya boleh diperolehi dalam jumlah yang lebih besar daripada kutipan sebelumnya untuk diagihkan kepada asnāf yang layak menerimanya. Tambahan lagi,

---

<sup>8</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:358.

<sup>9</sup> Munawir Bin Muhammad Noh (Eksekutif Zakat (Dakwah & Promosi) Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak), dalam temubual dengan penulis, 20 Jun 2012.

pembayaran zakat perniagaan kepada MAIPk berpotensi untuk memberikan manfaat yang lebih berkesan dalam mengurangkan jumlah asnāf yang bergantung kepada sumbangan zakat semata-mata.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Secara umumnya, terdapat beberapa persoalan kajian yang dapat dinyatakan iaitu :

1. Adakah zakat perniagaan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tekstil ini menyumbang kepada pungutan dana zakat di Negeri Perak ?
  
2. Apakah syarikat-syarikat berkenaan mengeluarkan zakat perniagaan berdasarkan kepada panduan dan kaedah pengiraan sepertimana yang telah digariskan oleh syara' ?
  
3. Bagaimanakah pendekatan yang telah diambil oleh syarikat-syarikat tekstil ini untuk membayar zakat perniagaan mereka sama ada pembayaran tersebut menepati kehendak syara' ataupun tidak memenuhi dengan kemahuan syara' ?
  
4. Berapakah jumlah sumbangan zakat perniagaan yang sepatutnya dibayar oleh syarikat-syarikat tekstil ini kepada MAIPk ?
  
5. Siapakah asnāf yang telah dipilih oleh syarikat-syarikat ini ?
  
6. Bagaimanakah syarikat-syarikat tekstil ini menentukan asnāf yang layak ?

7. Apakah punca mereka ini tidak membayar zakat perniagaan kepada MAIPk ?

## **1.5    OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Terdapat beberapa objektif yang telah dikenalpasti dalam menjalankan kajian ini iaitu :

1. Menentukan kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh syarikat-syarikat tekstil dalam menyalurkan hasil zakat yang telah diperolehi daripada perniagaan yang mereka usahakan.
2. Mengenalpasti jika kaedah pengagihan zakat perniagaan secara terus kepada asnāf-asnāf yang diamalkan oleh syarikat-syarikat berkenaan menepati dengan kehendak syara'.
3. Untuk mengetahui potensi jumlah zakat perniagaan yang boleh disumbangkan oleh syarikat-syarikat tekstil ini kepada MAIPk.

## **1.6    SKOP DAN BATASAN PENYELIDIKAN**

Kajian yang dilakukan oleh penulis adalah memfokuskan kepada pengeluaran zakat perniagaan daripada syarikat-syarikat yang berasaskan kepada perniagaan tekstil yang terdapat di dalam Negeri Perak bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Pemilihan tempoh ini disebabkan tahun 2007 hingga tahun 2011 merupakan tempoh yang sesuai bagi menggambarkan kedudukan terkini terhadap maklumat dan data yang diperolehi untuk

dianalisa dalam kajian ini. Selain itu, penulis juga telah membuat penelitian dan telah memilih beberapa buah syarikat yang dimiliki oleh umat Islam berdasarkan kepada daerah-daerah tertentu. Ini bertujuan supaya penulis dapat memberi tumpuan dengan lebih terperinci terhadap subjek kajian yang dikaji. Di samping itu, penentuan batasan kajian ini juga boleh memudahkan penulis bagi menganalisis setiap maklumat yang diperolehi.

Kajian ini hanya melibatkan tiga buah daerah iaitu di Daerah Kuala Kangsar, Taiping dan Bandaraya Ipoh. Pemilihan ini disebabkan daerah-daerah ini merupakan bandar-bandar utama di Negeri Perak.<sup>10</sup> Selain itu, bandar-bandar ini juga menjadi tumpuan kerajaan negeri untuk memajukan sektor perindustrian, pelancongan dan komersial dalam koridor pembangunan negeri.<sup>11</sup> Di samping itu, berdasarkan kepada data-data yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bahawa banyak syarikat tekstil yang dimiliki oleh orang Islam terdapat di dalam daerah-daerah ini.<sup>12</sup>

Berkenaan dengan syarikat-syarikat yang dikaji oleh penulis, hanya terdiri daripada dua jenis syarikat sahaja iaitu yang pertama adalah syarikat yang hasilkan sendiri barang teknikal tersebut untuk dijual kepada pihak lain dan yang kedua pula adalah syarikat yang membeli barang teknikal tersebut daripada pengusaha lain kemudian menjual semula kepada orang lain. Manakala perniagaan teknikal yang dikaji pula adalah terdiri daripada perniagaan seni tekot benang emas, permaidani (karpet), pembuatan dan pemasangan langsir, penghasilan pakaian haji dan umrah serta pakaian untuk lelaki dan wanita.

---

<sup>10</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, “Pengenalan,” dicapai 30 Januari 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/pengenalan>.

<sup>11</sup> *Ibid.*, “Koridor Pembangunan,” dicapai 5 Oktober 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/koridor-pembangunan?limitstart=0>. dan *Ibid.*, “Koridor Pembangunan,” dicapai 5 Oktober 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/koridor-pembangunan?start=2>.

<sup>12</sup> Nuraisida Binti Shaharom (Eksekutif Unit Khidmat Pelanggan & Penolong Pendaftar Syarikat Dan Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Perak), dalam temubual dengan penulis, 18 April 2012.

## **1.7 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

Bagi memastikan kajian yang dijalankan ini menepati tujuan asal penyelidikan, penulis akan menyatakan terlebih dahulu kepentingan kajian ini. Antara kepentingannya adalah :

1. Menjelaskan kaedah pembayaran zakat perniagaan yang telah diamalkan oleh peniaga-peniaga tekstil di negeri Perak.
2. Dapat mengetahui tahap keterlibatan orang Islam di dalam sektor perniagaan tekstil di negeri Perak yang kebiasaannya didominasi oleh masyarakat bukan Islam.
3. Mengkaji salah satu sektor perniagaan yang banyak terdapat di Perak yang sepatutnya boleh memberi sumbangan yang besar kepada MAIPk.
4. Kajian ini boleh mengetahui potensi pembayaran zakat perniagaan yang diperolehi daripada syarikat-syarikat tekstil ini kepada MAIPk.

## **1.8 ULASAN PENYELIDIKAN LEPAS**

Bagi menghasilkan sesuatu penulisan yang berkualiti, penulis telah mengenalpasti beberapa kajian terdahulu yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam menjalankan kajian ini. Ini bagi memastikan kajian yang akan dilakukan oleh penulis tidak sama atau berbeza dari segi konteks perbincangannya dengan kajian-kajian tersebut. Justeru itu, penulis telah

menyenaraikan beberapa kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan kajian ini sepermata berikut :

### **1.8.1 Kajian Mengenai Hukum-Hukum Berkaitan Zakat Perniagaan**

Terdapat beberapa karya ‘ulama’ terdahulu yang membincangkan mengenai persoalan-persoalan dan hukum-hakam secara terperinci berkaitan dengan ibadat zakat perniagaan antaranya adalah *al-Majmu’ Syarḥ al-Muhadhdhab*<sup>13</sup> oleh Abū Zakariyyā Muḥyi al-Dīn ibn Syaraf al-Nawawī yang turut dikenali sebagai Imām al-Nawawī dan *al-Mughnī li Ibn Qudāmah `Ala Mukhtasar Abī al-Qāsim `Umar ibn Husayn ibn `Abd Allah ibn Aḥmad al-Khiraqī*<sup>14</sup> oleh Abū Muḥammad ‘Abd Allah ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah yang lebih dikenali sebagai Imām Ibn Qudāmah. Manakala penulisan ilmuan-ilmuan Islam terkini pula adalah terdiri daripada berikut iaitu :

‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī<sup>15</sup> yang telah membincangkan mengenai persoalan-persoalan ibadat berdasarkan pandangan-pandangan fuqaha’ dalam mazhab yang empat iaitu terdiri daripada Ḥanafiyah, Mālikiyah, Syāfi‘iyah dan Ḥanābilah . Di dalam kitāb ini, beliau juga turut menyentuh mengenai konsep dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat perniagaan mengikut pandangan-pandangan daripada mazhab-mazhab ini.

Selain itu, Wahbah al-Zuhaylī<sup>16</sup> juga turut membahaskan hukum-hukum fiqh berkenaan dengan permasalahan-permasalahan ibadat yang wujud di dalam Islam.

<sup>13</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu’ Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:47-75.

<sup>14</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allah ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah, *al-Mughnī li Ibn Qudāmah `alā Mukhtasar Abī al-Qāsim `Umar ibn Husayn ibn `Abd Allah ibn Aḥmad al-Khiraqī* (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 3:58-66.

<sup>15</sup> ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhāhib al-Arba’ah* (Bayrūt: Dār al-Fikr & Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).

<sup>16</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*.

Antaranya ialah mengenai ibadat zakat perniagaan yang telah dibincangkan secara terperinci oleh beliau berdasarkan dalil-dalil syara' dan pandangan-pandangan para ulama' dari mazhab yang empat. Penulisan yang telah dihasilkan oleh beliau ini, banyak membantu para penyelidik pada masa kini dalam membuat kajian mengenai sesuatu isu yang baru.

Yūsuf al-Qarādāwī<sup>17</sup> pula telah membicarakan mengenai jenis-jenis zakat yang terdapat di dalam syariat Islam. Antara yang dihuraikan oleh beliau adalah tentang zakat perniagaan beserta pendapat-pendapat para fuqaha' yang berkaitan dengannya. Namun begitu, setiap hujah dan pandangan yang diberikan oleh beliau tidak terikat dengan mana-mana mazhab atau pandangan para ulama' yang tertentu. Sebaliknya pandangan beliau banyak berpandukan kepada pendapat para fuqaha' yang mempunyai dalil yang lebih kuat atau *rājih* dalam menyatakan sesuatu hukum. Sebagai contoh penulisan beliau adalah berkaitan dengan perbincangan 'ulama' mengenai hukum pembayaran zakat secara terus kepada asnaf tanpa melalui pihak pemerintah.

Manakala Mahmood Zuhdi Abd Majid<sup>18</sup> pula telah membicarakan mengenai peranan atau fungsi zakat sebagai suatu sistem perbelanjaan yang perlaksanaannya adalah berasaskan kepada ibadat. Selain itu, beliau juga turut membincangkan berkenaan dengan pandangan-pandangan para fuqaha' yang berselisih pendapat dalam sesuatu isu yang berkaitan dengan hukum zakat. Antara topik yang menjadi perbincangan beliau adalah tentang zakat perniagaan serta konsep dan hukum-hakam yang berhubung kait dengannya.

---

<sup>17</sup> Al-Qarādāwī, *Fiqh al-Zakāh*.

<sup>18</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

Berlainan pula dengan Mujaini Bin Tarimin<sup>19</sup>, beliau membincangkan tentang persoalan-persoalan ibadat zakat yang sering dihadapi oleh umat Islam pada masa kini. Menerusi buku ini, beliau telah menghimpunkan koleksi kajian-kajian yang telah dihasilkan oleh beliau sendiri. Antara tajuk kajian yang pernah dibentang oleh beliau dalam seminar adalah mengenai “Zakat Perniagaan : Antara Tanggungjawab Dan Peranan Korporat Muslim”. Menerusi kajian ini, beliau cuba menjelaskan kepada ahli perniagaan muslim bahawa mereka tidak boleh mengelak untuk membayar zakat perniagaan apabila telah cukup syarat-syaratnya. Selain itu, banyak cadangan-cadangan beliau yang mengajak umat Islam khususnya di Malaysia untuk memartabatkan zakat sebagai suatu sistem ekonomi yang penting untuk manfaat umat Islam sendiri.

### **1.8.2 Kajian Kes Yang Tertumpu Di Negeri-Negeri Dan Institusi-Institusi Tertentu**

Mamat Bin Said<sup>20</sup> telah membuat kajian mengenai sistem pentadbiran dan cara pengurusan pembayaran zakat perniagaan yang telah diamalkan oleh Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH). Beliau mengkaji sama ada pengurusan perniagaan agensi ini menepati dengan kehendak syara’ atau tidak. Menurut beliau, Tabung Haji telah melakukan pelaburan di dalam empat sektor yang utama iaitu instrumen kewangan Islam, pemilikan ekuiti dalam syarikat dan subsidiari serta penanaman modal dalam hartanah.

Tuan Sidek Bin Tuan Muda<sup>21</sup> pula telah mengkaji mengenai aktiviti-aktiviti perniagaan yang berpotensi untuk dikenakan zakat ke atasnya. Di samping itu, beliau juga

---

<sup>19</sup> Mujaini Bin Tarimin, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional* (cet. ke-2, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2006).

<sup>20</sup> Mamat Bin Said, “Zakat Perniagaan : Satu Kajian Di Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH)” (disertasi sarjana syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

<sup>21</sup> Tuan Sidek Bin Tuan Muda, “Penerokaan Sumber Zakat Perniagaan : Kesan Aplikasi ‘Illah Dan Perlaksanaannya Ke Atas Individu Dan Syarikat” (disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2004).

cuba mengenalpasti ‘illah yang telah digunakan oleh para ulama’ dalam mewajibkan zakat terhadap sesuatu perniagaan untuk diqiyāskan ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan berkenaan. Selain itu, beliau juga turut sertakan beberapa kaedah supaya kewajipan zakat perniagaan tersebut dapat dilaksanakan ke atas individu dan syarikat. Namun begitu, kajian beliau ini hanyalah tertumpu di Pusat Zakat Selangor, Pusat Zakat Negeri Sembilan, Pusat Zakat Melaka dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

Rosleem Bin Nordin @ Bohari<sup>22</sup> dalam kajiannya di Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula telah menjalankan kajian beliau mengenai kutipan zakat perniagaan yang telah dipungut oleh institusi zakat ini dalam tempoh lima tahun iaitu yang bermula dari tahun 2002 sehingga tahun 2006. Ketika melakukan kajian ini, beliau telah memilih beberapa jenis syarikat di sekitar Kuala Lumpur sebagai bahan kajian beliau dengan tujuan untuk mengkaji sejauhmana tahap kefahaman mereka terhadap kewajipan zakat perniagaan.

Manakala Mazlia Aini Binti Mat Taib<sup>23</sup> pula telah membuat kajian tentang sejauhmana tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk meningkatkan lagi pungutan zakatnya daripada syarikat-syarikat dan agensi-agensi korporat yang menjalankan aktiviti perniagaan mengikut syariat Islam. Setelah dikaji, beliau mendapati bahawa penguatkuasaan undang-undang mengenai zakat masih lemah. Ini menyebabkan para peniaga yang beragama Islam tidak mengambil berat terhadap kewajipan untuk menunaikan zakat perniagaan. Di samping itu, beliau juga ada menyentuh mengenai sistem perundangan dan pentadbiran zakat perniagaan yang telah dilaksanakan di lembaga zakat ini.

<sup>22</sup> Rosleem Bin Nordin @ Bohari, “Pungutan Zakat Perniagaan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” (disertasi sarjana ekonomi, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007).

<sup>23</sup> Mazlia Aini Binti Mat Taib, “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan Di Selangor” (disertasi sarjana syariah, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

Antara kajian yang paling hampir dengan penyelidikan penulis adalah kajian Nik Norazmalinda Binti Abd Aziz<sup>24</sup> yang menjalankan kajian beliau di Kota Bharu, Kelantan mengenai kaedah pembayaran zakat perniagaan yang telah diamalkan oleh pengusaha-pengusaha batik sama ada disalurkan kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) atau dibayar secara sendiri kepada asnāf-asnāf. Menurut beliau, kebanyakan pengusaha batik mengeluarkan zakat perniagaan mereka secara sendiri iaitu secara terus kepada asnāf. Dalam kajian ini juga, beliau telah membahagikan syarikat-syarikat batik tersebut kepada tiga kategori iaitu syarikat besar, syarikat sederhana dan syarikat kecil.

Ram Al Jaffri Saad<sup>25</sup> pula telah menumpukan kajiannya terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi terhadap gelagat kepatuhan zakat perniagaan di kalangan para peniaga di Negeri Kedah Darulaman. Ini disebabkan beliau mendapati bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kurangnya kutipan zakat perniagaan di seluruh negara adalah berpunca daripada gelagat kepatuhan zakat perniagaan yang berada di tahap yang rendah.

Begitu juga dengan kajian<sup>26</sup> yang telah dihasilkan oleh beliau yang turut membincangkan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan tetapi kajian ini pula hanya dijalankan di negeri Perlis sahaja. Di dalam kajian ini, beliau telah menggunakan teori gelagat terancang yang terdiri daripada sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap dalam menerangkan niat dan gelagat kepatuhan terhadap zakat perniagaan. Menurut beliau, niat dan kawalan gelagat ditanggap seperti

<sup>24</sup> Nik Norazmalinda Binti Abd Aziz, “Pembayaran Zakat Dalam Kalangan Pengusaha-Pengusaha Batik Di Kota Bharu, Kelantan” (dissertasi sarjana syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

<sup>25</sup> Ram Al Jaffri Saad, “Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darulaman” (tesis kedoktoran, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2010).

<sup>26</sup> Ram Al Jaffri Saad et al., “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan”, *Jurnal Pengurusan* 30 (Julai 2010).

pengetahuan berkaitan kaedah taksiran zakat perniagaan merupakan faktor penting dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. Selain itu, peranan sikap, kawalan gelagat ditanggap dan norma subjektif yang merupakan pengaruh kumpulan sosial seperti suami, isteri atau ahli keluarga terdekat juga turut disahkan mempengaruhi niat gelagat.

Seterusnya, beliau juga turut menghasilkan dua lagi kajian yang mempunyai kaitan dengan tajuk-tajuk kajian beliau sebelum ini iaitu “Peranan Sikap, Moral, Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan”<sup>27</sup> dan “Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat : Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan”<sup>28</sup> yang kedua-duanya dijalankan di sekitar negeri Kedah juga.

Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Nor Adilah Ahmad Shokori<sup>29</sup> pula, beliau telah memfokuskan kajian terhadap pengusaha stesen minyak atau peniaga bahan api di Pulau Pinang mengenai pematuhan untuk membayar zakat perniagaan di kalangan mereka. Di dalam kajian ini, beliau juga turut menggunakan teori gelagat terancang yang mencari perkaitan di antara sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap dengan niat untuk membayar zakat perniagaan yang menunjukkan kesan yang positif.

Begitu juga dengan Ahmad Radzuan Bin Ghazali<sup>30</sup> yang turut membuat kajian di Pulau Pinang serta menggunakan teori perlakuan terancang yang mencari perkaitan antara pengaruh tahap keagamaan dan akauntabiliti peribadi terhadap sikap, norma subjektif dan

---

<sup>27</sup> Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md Idris dan Zainol Bidin, “Peranan Sikap, Moral, Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan” (kertas kerja, International Conference on Corporate Law (ICCL), Surabaya, Indonesia, 1-3 Jun 2009).

<sup>28</sup> *Ibid.*, “Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat : Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan”, *Jurnal Syariah* 17, no. 3 (2009).

<sup>29</sup> Nor Adilah Ahmad Shokori, “Kepatuhan Terhadap Zakat Perniagaan : Kajian di Kalangan Pengusaha Stesen Minyak di Pulau Pinang” (disertasi sarjana, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2011).

<sup>30</sup> Ahmad Radzuan Bin Ghazali, “Kesan Tahap Keagamaan Dan Akauntabiliti Peribadi Terhadap Niat Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Kontraktor Perniagaan Tunggal Pulau Pinang” (disertasi sarjana sastera, Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2009).

kawalan tingkah laku dilihat dengan niat untuk bayar zakat perniagaan tetapi kajian beliau ini lebih terfokus kepada kontraktor perniagaan tunggal muslim. Hasil kajian beliau menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara pemboleh ubah-pemboleh ubah ini.

Abdul Hafiz Bin Ismail<sup>31</sup> dalam kajiannya telah menumpukan terhadap prestasi Baitulmal/Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam melaksanakan pungutan zakat perniagaan dan kaedah perakaunannya yang diamalkan di wilayah ini. Berdasarkan kajian beliau, bilangan pembayar zakat perniagaan masih belum memuaskan. Ini disebabkan tiada peruntukan khas atau rebat cukai diberikan kepada para peniaga yang membayar zakat perniagaan pada masa itu. Selain itu, perbelanjaan untuk pentadbiran zakat dan asnāf ‘āmil adalah tinggi hingga menyamai pengagihan untuk sasaran-sasaran utama (faqir dan miskin) iaitu melebihi 1/8 daripada jumlah keseluruhan kutipan zakat.

Selain itu, Aidit Ghazali<sup>32</sup> telah membuat penyelidikan berkenaan dengan pentadbiran dan perundangan zakat yang telah diamalkan di Malaysia serta kefahaman masyarakat Islam terhadap tanggungjawab mereka untuk menunaikan zakat. Namun begitu, kajian beliau ini adalah berbentuk umum kerana ia menumpukan kepada pentadbiran zakat di semua negeri dalam Malaysia yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (MAIAIM).

---

<sup>31</sup> Abdul Hafiz Bin Ismail, “Pelaksanaan Zakat Perniagaan Dan Sumbangannya Kepada Pembangunan Ekonomi Umat Islam Di Wilayah Persekutuan” (kertas ilmiah, Sekolah Ekonomi Dan Pentadbiran Awam, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 1989).

<sup>32</sup> Aidit Ghazali, *Zakat : Satu Tinjauan*. (Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd., 1988).

### **1.8.3 Kajian Mengenai Kaedah Pengiraan Atau Pentaksiran Zakat Perniagaan**

Mat Sa'ad Bin Hassan<sup>33</sup> pula telah menghuraikan mengenai kaedah dan syarat-syarat pengiraan yang perlu dipenuhi oleh seseorang peniaga itu sebelum mengeluarkan zakat perniagaannya yang hanya melibatkan dua jenis perniagaan iaitu perniagaan *mudārabah* dan perniagaan perkongsian sesama Islam. Di dalam penulisan ini, beliau telah menjelaskan bahawa pengeluaran zakat perniagaan perlulah dikeluarkan berdasarkan harta semasa sahaja. Jika modal dan untung sahaja digunakan sebagai asas perkiraan akan mengakibatkan pengiraan tersebut tidak menepati kehendak syara'. Ini disebabkan pengiraan modal dan untung sahaja akan mengakibatkan harta tetap tidak ditolak ketika mengeluarkan zakat.

Berbeza dengan kajian beliau yang telah dibentangkan pada tahun 1990<sup>34</sup> yang telah diluaskan perbincangannya yang bukan setakat melibatkan cara-cara pengiraan terhadap perniagaan jenis *mudārabah* dan perkongsian sesama Islam sahaja tetapi juga turut membincangkan mengenai perniagaan perseorangan dan perkongsian orang Islam dengan bukan Islam serta contoh-contoh pengiraan yang telah diamalkan di MAIPk. Selain itu, beliau juga turut mencadangkan supaya zakat harta perniagaan dan saham diselaraskan. Antara cadangan beliau tersebut adalah dilakukan perbincangan sama ada pengiraan zakat diambil daripada modal dan keuntungan atau melalui harta semasa dan pelaburan berdasarkan Lembaran Imbangan Akhir Tahun.

---

<sup>33</sup> Mat Sa'ad Bin Hassan, "Pengiraan Zakat Harta Perniagaan Atau Perusahaan", dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-Undang Dan Taksiran*, ed. Mohd Ali Baharum (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1989).

<sup>34</sup> Ibid., "Cara-Cara Pengiraan Zakat Ke Atas Barang-Barang Perniagaan Dan Saham" (kertas kerja, Bengkel Penyelarasaran Taksiran Zakat, Melaka, 20-22 Ogos 1990).

Zainudin B. Jusoh<sup>35</sup> pula telah mengkaji mengenai kaedah-kaedah pengiraan yang diamalkan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) untuk mentaksir zakat perniagaan. Menurut beliau, PPZ telah menggunakan dua kaedah pengiraan zakat perniagaan iaitu kaedah modal berkembang dan kaedah modal kerja. Selain itu, PPZ juga merupakan institusi zakat yang pertama menggunakan sistem berkomputer untuk melaksanakan segala urusannya.

Ahmad Bin Othman<sup>36</sup> pula telah membuat kajian mengenai kaedah pengiraan zakat perniagaan yang telah digunakan oleh pusat-pusat zakat di Malaysia. Menurut beliau, masih terdapat perbezaan dalam amalan-amalan dan prinsip-prinsip pengiraannya antara setiap negeri. Oleh sebab itu, beliau telah mengenalpasti beberapa aspek yang membawa kepada kepelbagaiannya pengiraan tersebut serta cara-cara untuk mengatasinya supaya wujud keseragaman di antara institusi-institusi zakat berkenaan.

Nor Aini Ali<sup>37</sup> pula telah menerangkan berkenaan dengan aplikasi pengiraan zakat yang telah diamalkan di Malaysia termasuklah zakat perniagaan. Menurut beliau, terdapat dua cara pengiraan zakat perniagaan yang boleh digunakan iaitu kaedah modal berkembang dan kaedah modal kerja. Kaedah-kaedah yang dinyatakan oleh beliau ini adalah sama seperti cara pengiraan yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk).

Seterusnya adalah kajian yang dibuat oleh Zahri Hamat<sup>38</sup> yang menjelaskan tentang perbezaan kaedah-kaedah perakaunan zakat perniagaan yang telah diamalkan di negeri-negeri semenanjung Malaysia. Menurut beliau, terdapat tiga kaedah pengiraan yang

<sup>35</sup> Zainudin B. Jusoh, “Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan : Kajian Di Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan” (latihan ilmiah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).

<sup>36</sup> Ahmad Bin Othman, “Penilaian Aset Dalam Penaksiran Zakat Perniagaan : Amalan Di Malaysia” (disertasi, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2003).

<sup>37</sup> Nor Aini Ali, “Analisis Perakaunan Zakat Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 14, no. 2 (Julai 2006), 35-47.

<sup>38</sup> Zahri Hamat, “Perakaunan Zakat Perniagaan Di Malaysia : Satu Kajian Rintis Pendapat Cendekiawan Zakat” (tesis kedoktoran, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2007).

diamalkan di Malaysia iaitu zakat perniagaan hanya dikenakan ke atas aset semasa, kaedah kedua pula ialah aset semasa dicampurkan dengan keuntungan pelaburan manakala ketiga pula adalah keuntungan perniagaan dicampurkan dengan modal kerja. Oleh itu, beliau telah memberikan dua cadangan iaitu melakukan perbincangan di peringkat kerajaan negeri atau persekutuan untuk menyeragamkan kaedah perakaunan zakat perniagaan dan mencadangkan juga kepada para cendekiawan Islam untuk melakukan pengkajian terhadap kaedah-kaedah pengiraan supaya sentiasa sesuai dengan pelbagai bentuk perniagaan yang terkini.

Kajian Sanep Ahmad dan Ahmad Othman<sup>39</sup> pula lebih kurang sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh Zahri Hamat di atas tetapi kajian mereka ini lebih menumpukan kepada syarat yang melibatkan item perakaunan hutang seperti perbezaan hutang kewangan yang tidak ditolak dengan hutang barang yang perlu ditolak serta item perakaunan inventori perniagaan seperti inventori barang siap, bahan mentah dan barang separuh siap dalam menilai semula kaedah taksiran zakat perniagaan di Malaysia. Ini disebabkan inventori bahan mentah dan barang separuh siap tidak diambil kira dalam pengiraan zakat perniagaan berbanding dengan inventori barang siap sedangkan kedua-dua inventori ini masih mempunyai sifat berkembang tetapi mungkin hanya mengambil sedikit masa untuk menjadi barang siap.

Namun begitu, tajuk yang mahu dikaji oleh penulis masih belum dilakukan oleh mana-mana pihak sebelum ini berdasarkan kepada tinjauan yang telah dijalankan oleh penulis sendiri. Hasil daripada pemerhatian ini, secara tidak langsung dapat membantu penulis untuk melakukan kajian berdasarkan kepada topik yang telah dipilih oleh penulis seperimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

---

<sup>39</sup> Sanep Ahmad & Ahmad Othman, “Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran Zakat Yang Seragam Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 18, no. 3 (2010).

## **1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Penulis telah menggariskan beberapa kaedah yang akan digunakan dalam penghasilan kajian ini yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua jenis metod yang utama beserta huraian-huraianya seperti mana berikut :

### **1.9.1 METOD PENGUMPULAN DATA**

Penulis telah menggunakan kaedah ini dengan tujuan untuk menghimpunkan beberapa data atau maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Ianya pula boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

#### **1. Penyelidikan Perpustakaan**

Penulis telah melakukan pencarian di dalam beberapa perpustakaan dengan tujuan bagi mendapatkan beberapa maklumat yang penting berkaitan dengan kajian ini seperti bahan-bahan ilmiah dan kajian-kajian terdahulu. Di dalam kajian perpustakaan ini, penulis telah mengaplikasikan kaedah berikut :

##### **1.1 Metod Dokumentasi**

Metod dalam bentuk ini digunakan bagi memudahkan pencarian data-data yang kebanyakannya boleh didapati dalam buku-buku atau bahan-bahan yang bertulis seperti penulisan-penulisan yang dikarang oleh para ‘ulamā’ terdahulu yang isi kandungannya

mempunyai hubungkait dengan kajian yang ingin dilakukan oleh penulis. Oleh yang demikian, beberapa buah perpustakaan telah dilawati oleh penulis bagi mendapatkan bahan-bahan tersebut. Antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Perpustakaan Tun Abdul Razak Majlis Bandaraya Ipoh.

## 2. Penyelidikan Lapangan

Dalam menjalankan kajian ini, penulis mendapati bahawa tidak semua maklumat-maklumat berhubung dengan syarikat-syarikat tekstil ini dapat diperolehi melalui bahan bertulis sebaliknya memerlukan juga kepada pengumpulan data-data melalui lisan ataupun secara temubual. Oleh sebab itu, metod seperti berikut digunakan oleh penulis iaitu :

### 2.1 Metod Temubual

Penulis telah menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan beberapa maklumat penting berkaitan dengan syarikat-syarikat tekstil di Perak. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan jenis temubual berstruktur iaitu dengan menyenaraikan beberapa soalan tertentu untuk dikemukakan kepada responden-responden yang dipilih. Manakala kaedah yang digunakan untuk menemubual responden pula dalam bentuk temubual secara bersemuka dan temubual melalui mel elektronik.

Antara responden yang ditemubual secara bersemuka ialah Pengarah Syarikat A & A Carpets, Pengarah Afshar Textile, Penolong Pengurus Permai Koleksi Enterprise, Pengarah Syarikat Gesamas Sdn Bhd, Penolong Pengarah Nurul Koleksi, Penolong Pengurus Shukeri Enterprise, Pengarah Mohd Haniff Bersaudara Dan Farzana Haniff Carpets, Pengarah Butik Pesona Indah, Pengurus Syarikat Ain Hias, Pengarah Syarikat M. Salim Sdn Bhd, Pengarah FR Zaini Collection. Penggunaan bentuk ini bertujuan bagi memperolehi maklumat tentang latar belakang syarikat-syarikat tersebut, cara-cara setiap peniaga ini membayar zakat perniagaan dan maklumat-maklumat lain yang berhubung dengan syarikat-syarikat berkenaan. Bentuk ini juga turut digunakan oleh penulis ketika mahu mendapatkan data-data terkini tentang pengurusan zakat perniagaan di Negeri Perak daripada Eksekutif Zakat (Dakwah & Promosi) Bahagian Zakat MAIPk. Setiap data yang diperolehi tersebut pula telah dirakam oleh penulis supaya mudah untuk dianalisis dalam kajian ini.

Manakala responden yang ditemubual melalui mel elektronik pula adalah Eksekutif Unit Khidmat Pelanggan & Penolong Pendaftar Syarikat Dan Perniagaan SSM Perak. Penggunaan bentuk ini bertujuan untuk mendapatkan data-data lebih terperinci mengenai syarikat-syarikat tekstil yang terdapat di Perak.

Penulis banyak mengaplikasikan kaedah ini dalam Bab 3 iaitu untuk menjelaskan secara ringkas tentang latar belakang syarikat-syarikat yang dikaji dan juga dalam Bab 4 iaitu ketika hendak menganalisis data-data yang didapati daripada responden-responden tersebut.

## **1.9.2 METOD ANALISIS DATA**

Kaedah ini telah digunakan oleh penulis dengan tujuan bagi menganalisa setiap data yang diperolehi sebelum ini iaitu melibatkan tiga kaedah yang utama sepetimana berikut :

- 1. Metod Induktif**

Penggunaan metod ini adalah bertujuan bagi melakukan proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau data-data yang bersifat khusus.<sup>40</sup> Kaedah ini digunakan antaranya adalah untuk menganalisis data-data berkenaan setiap syarikat tekstil yang terdapat di dalam Negeri Perak sepetimana dalam Bab 4. Sebagai contohnya, mengkaji sama ada syarikat-syarikat tekstil tersebut diwajibkan untuk mengeluarkan zakat perniagaan dan didapati bahawa semua syarikat berkenaan tidak terlepas daripada tanggungjawab mereka untuk menunaikan kewajipan ini kerana telah memenuhi semua syarat wajib zakat perniagaan.

- 2. Metod Deduktif**

Metod ini pula boleh dihuraikan sebagai membuat rumusan atau kesimpulan daripada maklumat-maklumat atau fakta-fakta yang bersifat umum kepada maklumat yang bersifat khusus.<sup>41</sup> Kaedah ini digunakan dalam Bab 4 dan Bab 5 iaitu ketika mahu merumuskan hasil kajian yang diperolehi. Sebagai contohnya, mengkaji bagaimana

---

<sup>40</sup> Noresah Bt. Baharom et al., ed, *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), 490.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 282.

syarikat-syarikat tekstil di Perak membayar zakat perniagaan mereka dan didapati terdapat dua kaedah pembayaran zakat perniagaan iaitu dibayar kepada MAIPk atau dibayar secara terus kepada asnāf-asnāf. Hasil kajian mendapati hanya segelintir sahaja yang membayar zakat perniagaan secara sepenuhnya kepada MAIPk.

### 3. Metod Komparatif

Metod ini pula digunakan ketika penulis melakukan perbandingan di antara maklumat-maklumat atau data-data setiap syarikat tekstil berkenaan. Misalnya membandingkan kadar zakat yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tersebut sama ada menepati kehendak syara' ataupun tidak sepertimana yang terdapat di dalam bab 4.

## **1.10 SUSUNAN PENULISAN**

Dalam menyiapkan tesis ini, penulis telah membahagikan penulisan kajian ini kepada lima bab iaitu :

## **BAB PERTAMA**

Bab pertama ini mengandungi pendahuluan dan latar belakang kajian yang mengulas mengenai tajuk ini dalam bentuk yang umum. Selepas itu, penulis menyenaraikan pula beberapa permasalahan kajian serta objektif dan kepentingan untuk menjalankan kajian ini. Hipotesis dan skop kajian juga turut dinyatakan oleh penulis.

Kemudiannya, penulis turut menghuraikan beberapa ulasan kajian lepas dan metodologi penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini serta sistematika penulisan bab.

## **BAB KEDUA**

Bab ini pula akan membicarakan mengenai perihal zakat menurut perspektif syara' serta sejarah pensyariatannya terhadap umat Islam. Selain itu, penulis juga ada menyatakan definisi zakat berdasarkan pandangan ulama' serta konsep harta zahir dan batin. Seterusnya, penulis turut menghuraikan konsep zakat perniagaan, syarat-syarat serta dalil-dalil kewajipannya. Di samping itu, penulis juga menyenaraikan beberapa bentuk perniagaan yang perlu dikenakan zakat apabila telah cukup syarat-syaratnya dan amalan penaksiran zakat perniagaan di negeri Perak.

## **BAB KETIGA**

Dalam bab yang ketiga ini pula penulis akan menyentuh mengenai sejarah perkembangan perindustrian dan perniagaan tekstil serta penubuhan beberapa buah syarikat tekstil kepunyaan orang Islam yang terdapat di dalam negeri Perak.

## **BAB KEEMPAT**

Bab ini pula menumpukan tentang analisis yang akan dilakukan terhadap pembayaran zakat perniagaan yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tekstil berkenaan.

## **BAB KELIMA**

Dalam bab yang terakhir ini, penulis akan membuat kesimpulan atau rumusan secara keseluruhan terhadap hasil kajian yang telah diperolehi melalui perbincangan daripada bab-bab sebelum ini.

**BAB**

**KEDUA**

## BAB 2

### ZAKAT PERNIAGAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### 2.1 PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang sentiasa memberikan keadilan kepada setiap insan ataupun makhluk yang terdapat di muka bumi ini. Antara keadilan agama Islam yang dapat dilihat adalah melalui pensyariatan zakat. Pengeluarannya hanyalah diwajibkan bagi setiap Muslim yang sudah cukup syarat-syaratnya manakala kutipan zakat tersebut pula akan diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya sepertimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an al-Karim. Allah s.w.t telah berfirman :

وَفِي أُمُّهِمْ حَقٌ لِّلْسَّابِلِ وَالْحُرُومَةِ

Al-Dhāriyāt 51: 19

Terjemahan: Dan pada harta-harta mereka itu, terdapat bahagian yang menjadi hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Terdapat pelbagai jenis harta yang diwajibkan zakat. Antara harta tersebut adalah barang-barang perniagaan atau perdagangan.<sup>42</sup> Ini boleh difahami bahawa perniagaan merupakan satu jenis bidang yang sering diceburi oleh manusia sejak dari dahulu lagi dan boleh menghasilkan banyak keuntungan kepada pemiliknya. Zakat yang diwajibkan ke atas para peniaga pula, tidaklah membebankan mereka kerana Islam adalah agama yang adil. Sebaliknya pengeluaran zakat tersebut akan membawa keuntungan kepada mereka bukan

<sup>42</sup> Muḥammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *al-Iqnā' fī Hal Alfāz Abī Syujā'* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.), 1:183.

setakat di dunia tetapi juga di akhirat kerana ini adalah janji daripada Allah s.w.t kepada setiap hambanya yang taat kepada perintahnya.

## 2.2 DEFINISI ZAKAT

Zakat dari segi bahasa bermaksud penyucian (*al-tahārah*) dan perkembangan (*al-nama'*).<sup>43</sup> Selain itu, zakat juga diertikan sebagai keberkatan (*al-barakah*), pertambahan kebaikan (*ziyādah al-khayr*) dan pujian (*al-madh*).<sup>44</sup>

Dari segi syara' pula, terdapat pelbagai takrifan daripada para fuqaha' mengenai zakat. Menurut fuqaha' dalam mazhab Ḥanafī, zakat adalah mengeluarkan sebahagian harta kepada orang Islam yang miskin (*faqīr*) kecuali Banī Hāsyim berdasarkan kadar yang telah ditentukan oleh syara' beserta memutuskan segala pemilikan manfaat daripadanya dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah Taā'lā.<sup>45</sup>

Manakala mazhab Mālikī pula telah mentakrifkan zakat sebagai sebahagian tertentu yang dikeluarkan daripada harta tertentu untuk diberikan kepada mereka yang berhak sekiranya harta tersebut telah mencapai niṣāb serta telah sempurna pemilikan dan haul tetapi tidak termasuk bahan galian dan tanaman.<sup>46</sup>

<sup>43</sup> Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Alī ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Ḥanafī al-Ḥaṣkaṭī, *al-Durr al-Mukhtār Syarḥ Tanwīr al-Abṣār wa Jāmi’ al-Bihār* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 126 dan Muḥammad Amīn ibn ‘Umar ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār Hāsyiah Ibn ‘Ābidīn* (Al-Riyyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003), 3:170.

<sup>44</sup> Al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *al-Iqnā’ fī Ḥal Alfāz Abī Syujā’*, 1:183 dan Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifah Ma’āni Alfāz al-Minhāj* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1:368.

<sup>45</sup> Al-Ḥaṣkaṭī, *al-Durr al-Mukhtār*, 126 ; Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 3:171-173 dan ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad ibn Sulaymān al-Kaybūlī al-Ma’rūf bi Syaikh Zādah al-Ḥanafī, *Majma’ al-Anhur fī Syarḥ Muṭaqā al-Abḥur* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 1:284-285.

<sup>46</sup> Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ‘Alīsh, *Syarḥ Manh al-Jalīl ‘alā Mukhtaṣar al-‘Alāmah Khalīl* (t.p.: Dār Ṣādir, t.t.), 1:322 dan Syams al-Dīn al-Syaikh Muḥammad ‘Arafah al-Dusūqī, *Hāsyiah al-Dusūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr* (t.p.: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 1:430.

Fuqaha' dalam mazhab al-Syāfi‘ī pula telah menghuraikan zakat sebagai kata nama (*ism*) bagi sesuatu tertentu yang diambil daripada harta tertentu berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk diberikan kepada golongan tertentu.<sup>47</sup>

Menurut mazhab Ḥanbalī pula, zakat adalah hak yang wajib pada harta<sup>48</sup> yang tertentu untuk diagihkan kepada golongan yang telah ditentukan berdasarkan kepada waktu yang tertentu.<sup>49</sup> “Golongan yang tertentu” adalah lapan aşnāf sepertimana yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur’ān al-Karīm manakala “pada waktu yang tertentu” pula adalah mengikut jenis-jenis harta yang dikenakan zakat misalnya haiwan ternakan, matawang dan barang perniagaan dikeluarkan zakat apabila telah cukup haul.<sup>50</sup>

Berdasarkan takrifan-takrifan di atas, zakat boleh disimpulkan sebagai mengeluarkan harta yang tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerima beserta dengan syarat-syarat yang tertentu. Takrifan ini adalah berdasarkan kepada takrif yang diulas oleh ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī.<sup>51</sup>

---

<sup>47</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu’ Syarḥ al-Muhadhdhab*, 5:325 dan Al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 1:368.

<sup>48</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 2:427.

<sup>49</sup> Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, 1:590.

<sup>50</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:731.

<sup>51</sup> Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, 1:590.

## 2.3 SEJARAH PENSYARIATAN ZAKAT

Menurut pendapat yang *ṣahīḥ* di kalangan para ulama' bahawa zakat telah disyariatkan pada tahun kedua Hijrah iaitu setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke al-Madīnah al-Munawwarah tidak berapa lama sebelum difadhukan puasa di bulan Ramaḍān.<sup>52</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang lain dari kalangan ulama' yang menyatakan bahawa zakat telah difardhukan oleh Allah s.w.t pada bulan Syawal iaitu tahun kedua Hijrah selepas difardhukan puasa pada bulan Ramaḍān dan zakat fitrah di al-Madīnah al-Munawwarah.<sup>53</sup> Menurut Ibn al-Athīr pula, beliau berpendapat bahawa zakat telah disyariatkan pada tahun kesembilan Hijrah. Manakala Ibn Khuzaymah pula telah mendakwa bahawa zakat telah difardhukan sebelum berlakunya hijrah.<sup>54</sup>

## 2.4 KONSEP ZAKAT HARTA PERNIAGAAN

Dari segi fiqh, barang-barang ('*urūd*) boleh ditakrifkan sebagai barang yang saling bertukar ganti antara satu sama lain dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.<sup>55</sup>

Manakala perniagaan (*al-tijārah*) pula merupakan pertukaran barang dengan barang atau harta dengan harta<sup>56</sup> yang bertujuan untuk memperoleh keuntungan daripadanya.<sup>57</sup>

<sup>52</sup> Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (cet. ke-3, Damsyīk: Dār al-Qalam & Bayrūt: al- Dār al-Syāmiyyah, 1998), 1:271.

<sup>53</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:733.

<sup>54</sup> Al-Ḥāfiẓ Aḥmad ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣahīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī* (t.t.: Dār al-Fikr, t.t.), 3:266.

<sup>55</sup> Al-Khin, al-Bughā dan al-Syarbajī, *al-Fiqh al-Manhajī*, 1:286.

<sup>56</sup> Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 3:194.

<sup>57</sup> Al-Khin, al-Bughā dan al-Syarbajī, *al-Fiqh al-Manhajī*, 1:286 dan Muḥammad ‘Abd al-Raḥīm, *Fiqh al-Nisā’ fī al-Zakāh* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2002), 17.

Menurut para fuqaha', barang-barang perniagaan ('*urūd al-tijārah*) dapat dihuraikan sebagai setiap sesuatu daripada harta yang disediakan untuk perniagaan kecuali matawang (dinar emas dan dirham perak) seperti peralatan-peralatan, barang-barang pakaian-pakaian, barang perhiasan, haiwan-haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya termasuklah hartanah.<sup>58</sup> Manakala sebahagian 'ulama' pula telah mentakrifkan harta perniagaan sebagai setiap sesuatu yang disediakan untuk berjual beli dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.<sup>59</sup>

Oleh sebab itu, zakat perniagaan boleh diertikan sebagai mengeluarkan zakat daripada setiap sesuatu yang dimiliki melalui perniagaan apabila ia telah cukup haul dan mencapai niṣāb pada akhir haul dengan kadarnya adalah 2.5 peratus meliputi modal dan keuntungan.<sup>60</sup>

#### **2.4.1 SUMBER PENSYARIATAN ZAKAT PERNIAGAAN**

Terdapat beberapa dalil berkenaan kewajipan zakat ke atas harta perniagaan. Antaranya adalah seperti berikut :

##### **(1) Sumber Daripada Al-Qur'an**

Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā telah berfirman :

---

<sup>58</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:357.

<sup>59</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:357.

<sup>60</sup> *Ibid.*, 1:358.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِنْ طَيْبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنِ  
الْأَرْضِ

Al-Baqarah 2: 267

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.

Menurut para ‘ulama’ bahawa firman Allah s.w.t : ( مَا كَسَبْتُمْ ) iaitu “hasil usaha kamu” adalah bermaksud ( التِّجَارَةَ ) iaitu “perniagaan”.<sup>61</sup> Pendapat ini telah diriwayatkan juga oleh segolongan daripada ‘ulama’ salaf antaranya ialah al-Hasan dan Mujāhid.<sup>62</sup> Menurut al-Marāghī pula, ayat ini menunjukkan bahawa zakat wajib dikeluarkan daripada harta-harta yang baik-baik iaitu yang diperolehi daripada matawang, barang-barang perniagaan dan haiwan ternakan.<sup>63</sup>

## (2) Sumber Daripada Al-Sunnah

Terdapat beberapa dalil yang boleh didapati daripada hadith Nabi s.a.w, antaranya ialah hadith yang diriwayatkan oleh Samurah Ibn Jundub r.a. Maka beliau telah berkata :

<sup>61</sup> Abū Bakr Muḥammad ibn ‘Abd Allah al-Ma’rūf bi ibn al-‘Arabī, *Ahkām al-Qur’ān* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1:235.

<sup>62</sup> Abū Bakr Aḥmad ibn ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ, *Kitāb Ahkām al-Qur’ān* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1:457.

<sup>63</sup> Aḥmad Muṣṭafā, al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1:39.

فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نَخْرُجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي تُعِدُّ لِلْبَيْعِ

Terjemahan: Maka sesungguhnya adalah Rasulullah s.a.w menyuruh kami supaya mengeluarkan zakat barang daripada apa yang kami sediakan untuk diperniagakan.<sup>64</sup>

Hadith di atas dengan jelas menunjukkan bahawa setiap barang perniagaan, wajib dikeluarkan zakat ke atasnya apabila telah cukup nişāb dan haul. Ini disebabkannya telah menggunakan lafaz *al-amar* (kata perintah) yang menunjukkan hukum wajib.<sup>65</sup> Mereka yang enggan mengeluarkan zakat daripada hasil perniagaannya, dianggap mengingkari perintah Rasulullah s.a.w sebelumnya yang terdapat di dalam hadith di atas.

Selain itu, terdapat juga hadith lain yang telah diriwayatkan oleh Abū Dhar daripada Rasulullah s.a.w. Baginda telah bersabda :

فِي الْإِبْلِ صَدَقَتْهَا وَفِي الْغَنِمِ صَدَقَتْهَا وَفِي الْبَرِّ صَدَقَتْهُ

Terjemahan: Pada unta dikenakan zakat, pada kambing dikenakan zakat dan pada kain dikenakan zakat.<sup>66</sup>

Berdasarkan matan hadith di atas, al-Hākim telah meriwayatkan hadith ini dengan menggunakan kalimah "البَرِّ" iaitu dengan sebutan huruf *rā'*. Walau bagaimanapun, para perawi hadith yang lain telah meriwayatkan bahawa sebutan yang sebenar dalam hadith di atas adalah "وَفِي الْبَرِّ صَدَقَتْهُ" iaitu dengan *fath al-bā'* (*huruf bā'* yang ditarik atas) dan

<sup>64</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-'Urūq Idha Kānat li al-Tijārah [Hal fī hā min Zakāh], no. hadith 1562. Lihat Abū Dāwud Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sijistānī al-Azdī, "Sunan Abī Dāwud" (Bayrūt: Muassasah 'Abd al-Hafiz al-Basāṭ, t.t.), 2:95.

<sup>65</sup> 'Abd al-Rāzik Nāṣir Muḥammad Nāṣir, *Fiqh al-Zakāh fī al-Māl wa al-Badan* (Kaherah: Markaz al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah wa al-Iqtisādiyyah, 2004), 45.

<sup>66</sup> Hadith riwayat al-Hākim, Kitāb al-Zakāh, Zakāt al-Bahāim wa al-Ḥub. Lihat Abū 'Abd Allah Muḥammad ibn 'Abd Allah al-Ma'rūf bi al-Hākim al-Naysābūrī, "al-Mustadrak 'alā al-Šāhīḥayn fī al-Ḥadīth" (Al-Riyāḍ: Maktabah wa Maṭābi' al-Naṣr al-Ḥadīthah, t.t.), 1:388.

dengan huruf *al-Zāy*. Pendapat ini telah dinyatakan juga oleh al-Dāraqutnī dan al-Bayhaqī.<sup>67</sup> Menurut Ibn Qudāmah pula, tiada *khilāf* dikalangan para ulama' bahawa kain tidak diwajibkan zakat ke atasnya. Namun begitu, kain tersebut akan dikenakan zakat sekiranya ia dijadikan sebagai barang perniagaan.<sup>68</sup>

### (3) Sumber Daripada Ijmā' 'Ulamā'

Zakat adalah diwajibkan dalam nilai barang-barang perdagangan berdasarkan pandangan sebahagian besar daripada 'ulama'.<sup>69</sup> Menurut Ibn al-Mundhir pula, para 'ulama' telah bersepakat bahawa barang-barang yang mahu diperniagakan hendaklah zakat dikenakan ke atasnya setelah ia cukup haul.<sup>70</sup> Hal ini telah diriwayatkan daripada 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, Ibn 'Abbās, fuqaha' yang tujuh iaitu Sa'īd ibn al-Musayyib, al-Qasim ibn Muhammad, 'Urwah ibn al-Zubayr, Abū Bakr ibn 'Abd al-Rahmān ibn Ḥarb, Jāriḥah ibn Zayd, 'Ubayd Allah ibn 'Abd Allah ibn 'Utbah dan Salmān ibn Yasār. Selain itu, diriwayatkan juga daripada al-Hasan al-Baṣrī, Tāwus, Jābir ibn Zayd, Maymūn ibn Mihrān, al-Nakha'ī, Mālik, al-Thawrī, al-Awzā'ī, al-Syāfi'ī, al-Nu'mān, Aḥmad, Isḥaq, Abū Thūr dan Abū 'Ubayd.<sup>71</sup>

### (4) Sumber Daripada Al-Qiās

Menurut jumhūr fuqahā', barang-barang perniagaan adalah harta yang boleh berkembang dan bersifat subur. Maka sifat ini menyamai sifat tiga jenis harta yang para

<sup>67</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:47.

<sup>68</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:58.

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> *Ibid.* dan Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:47.

‘ulama’ telah bersepakat diwajibkan zakat padanya iaitu tanaman, binatang ternakan (unta, lembu dan kambing) serta matawang (emas dan perak).<sup>72</sup> Oleh sebab itu, ini menunjukkan bahawa sifat subur adalah ‘*illah* kepada kewajipan zakat terhadap harta perniagaan sekiranya ia telah memenuhi syarat-syarat sepertimana yang telah disebut oleh syara’.

#### 2.4.2 SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT HARTA PERNIAGAAN

Sebelum mengeluarkan zakat perniagaan, seseorang muslim itu mestilah memenuhi beberapa syarat yang telah dikenakan oleh para ulama’ terhadap harta-harta yang diperniagakan atau yang dijadikan sebagai barang perniagaan. Syarat-syarat wajib tersebut adalah sepertimana berikut :

- 1) Harta tersebut dimiliki dengan ‘aqad pertukaran (‘*iwad*).

Antara syarat diwajibkan zakat perniagaan adalah barang berkenaan mestilah diperolehi oleh para peniaga melalui ‘aqad pertukaran seperti melalui jual beli, sewa, nikah dan *khulu*'.<sup>73</sup> Ini merupakan syarat *jumhūr fuqahā'* iaitu mazhab Mālikī<sup>74</sup>, Syāfi'ī<sup>75</sup> dan Hanbalī<sup>76</sup> kecuali mazhab Ḥanafī.<sup>77</sup> Namun begitu, Ibn Qudāmah berpendapat bahawa tiada perbezaan di antara pemilikan secara pertukaran atau bukan melalui pertukaran. Hal ini disebabkan pemilikan barang tersebut hendaklah dengan perbuatannya dan bukan

<sup>72</sup> Abd al-Rāzik Nāṣir, *Fiqh al-Zakāh fī al-Māl wa al-Badan*, 45.

<sup>73</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhaddhab*, 6:48.

<sup>74</sup> Abū al-Barakāt Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Dardīr, *al-Syarḥ al-Ṣaghīr 'alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhāb al-Imām Mālik* (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, t.t.), 1:637.

<sup>75</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhaddhab*, 6:48.

<sup>76</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:59.

<sup>77</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:790.

hanya dengan niat semata-mata seperti ibadah puasa. Dan ini juga merupakan pendapat Abū al-Khaṭṭāb dan Ibn ‘Aqīl.<sup>78</sup>

2) Mempunyai niat untuk berniaga.

Syarat ini telah disepakati oleh para fuqaha' daripada empat mazhab iaitu mazhab Ḥanafī<sup>79</sup>, Mālikī<sup>80</sup>, Syāfi’ī<sup>81</sup> dan Ḥanbalī<sup>82</sup>. Menurut al-Imām al-Nawawī<sup>83</sup> dan Ibn Qudāmah<sup>84</sup>, sesuatu barang itu tidak dianggap menjadi barang perniagaan sehinggalah seseorang itu berniat ketika memiliki barang tersebut untuk diperniagakan.

Namun begitu, para fuqaha' dalam mazhab Hanafī telah mensyaratkan juga bahawa niat tersebut perlulah sesuai dengan sesuatu barang yang mahu diperniagakan.<sup>85</sup> Oleh sebab itu, tanah *kharājīyyah* tidak diwajibkan zakat perniagaan padanya meskipun seseorang itu telah berniat ketika membeli tanah tersebut untuk diperniagakan. Begitu juga tanah ‘usyur maka yang diwajibkan hanyalah cukai *al-‘usyur* bukannya zakat.<sup>86</sup>

Selain itu, para fuqaha' dalam mazhab Syāfi’ī juga telah mensyaratkan bahawa niat tersebut perlulah wujud ketika melakukan ‘aqad pertukaran atau dalam majlis yang sama. Maka jika tidak berniat untuk berniaga pada ketika itu, zakat tidak akan dikenakan pada barang tersebut.<sup>87</sup> Ini disebabkan barang berkenaan tidak lagi menjadi harta perniagaan meskipun seseorang itu telah berniat untuk berniaga selepas itu.<sup>88</sup> Begitu juga

<sup>78</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:59.

<sup>79</sup> Kamāl al-Dīn Muḥammad ibn ‘Abd al-Wāhid al-Sīwāsī Thumma al-Sakandarī al-Ma‘rūf bi ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarh Fath al-Qadīr ‘alā al-Hidāyah Syarh Bidāyah al-Mubtadī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2:226.

<sup>80</sup> Al-Dardīr, *al-Syarh al-Ṣaghīr ‘alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, 1:625 dan Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:787.

<sup>81</sup> Muḥammad ibn Idrīs al-Syāfi’ī, *al-Umm* (al-Mansūrah: Dār al-Wafā’ li al-Ṭabā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2001), 3:122-124.

<sup>82</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:59 dan Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:787.

<sup>83</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu’ Syarh al-Muhadhdhab*, 6:48.

<sup>84</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:59.

<sup>85</sup> Ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarh Fath al-Qadīr*, 2:226 dan Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:789.

<sup>86</sup> Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 3:228 dan Ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarh Fath al-Qadīr*, 2:226.

<sup>87</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:789.

<sup>88</sup> Al-Khin, al-Bughā dan al-Syarbājī, *al-Fiqh al-Manhajī*, 1:287.

sekiranya seseorang itu telah berniat untuk bermula ketika membeli barang tersebut, kemudian dia telah menukar niatnya untuk kegunaan diri sendiri dan bukan untuk diperniagakan maka kewajipan zakat telah gugur ke atas barang tersebut.<sup>89</sup>

3) Harta tersebut bukan untuk manfaat diri sendiri.

Menurut Imām al-Syāfi‘ī<sup>90</sup>, mazhab Hanbalī<sup>91</sup> dan Mālikī<sup>92</sup>, sekiranya seseorang peniaga itu berniat menjadikan barang perniagaannya itu untuk kegunaan atau manfaat dirinya dan bukan untuk diperniagakan maka zakat tidak akan dikenakan ke atas barang tersebut serta tempoh haulnya juga akan terputus<sup>93</sup> sepetimana seseorang yang sedang bermusāfir kemudian dia berniat untuk bermuqīm di sesuatu tempat maka dia tidak lagi dianggap sebagai musāfir.<sup>94</sup> Jika dia berniat untuk bermula semula barang tersebut, niat tersebut tidak diambil kira sehingga dia mengiringi niat berkenaan dengan perniagaan yang baru.<sup>95</sup> Ini juga merupakan pendapat Imām Abū Ḥanīfah dan al-Thawrī.<sup>96</sup>

4) Harta tersebut telah cukup haul.

Para fuqaha’ telah bersepakat bahawa antara syarat diwajibkan zakat perniagaan adalah harta yang diperniagakan itu telah cukup haul.<sup>97</sup> Ini disebabkan syarat ini hanya dinisbahkan kepada binatang ternakan, matawang (emas dan perak) dan harta perniagaan. Adapun hasil tanaman dan hasil galian maka tidak termasuk di dalam syarat ini.<sup>98</sup> Namun

---

<sup>89</sup> *Ibid.*

<sup>90</sup> Muḥammad ibn Idrīs al-Syāfi‘ī, *al-Umm*, 3:125 dan Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:62.

<sup>91</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:62.

<sup>92</sup> Al-Dardīr, *al-Syarḥ al-Ṣaghīr ‘alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, 1:636-638 dan Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:790.

<sup>93</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:62-63.

<sup>94</sup> Al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 1:398.

<sup>95</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu’ Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:49.

<sup>96</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:62.

<sup>97</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu’ Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:55.

<sup>98</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:196.

begitu, terdapat *khilāf* di kalangan para ulama' berkenaan dengan penentuan waktu niṣāb yang diambil kira dalam tempoh haul sebelum mengeluarkan zakat perniagaan.

Menurut pendapat Imām Abū Ḥanīfah, waktu niṣāb zakat yang diambil kira hanyalah pada awal dan akhir haul sahaja bukan di pertengahannya. Ini disebabkan menilai barang perniagaan pada setiap waktu sepanjang tempoh haul adalah sesuatu perkara yang sukar dan membebankan terhadap peniaga tersebut.<sup>99</sup>

Manakala menurut Imām Mālik<sup>100</sup> dan pendapat yang ṣaḥīḥ dalam mazhab al-Syāfi'i<sup>101</sup> pula, zakat wajib dikeluarkan sekiranya nilai barang tersebut telah mencapai paras niṣāb pada akhir haul sahaja. Berbeza dengan pandangan fuqaha' dalam mazhab Hanbalī yang berpendapat bahawa waktu niṣāb yang diambil kira mestilah tidak berkurangan sepanjang tempoh haul.<sup>102</sup>

Menurut Yūsuf al-Qaradāwī, beliau lebih cenderung untuk memilih pandangan Imām Mālik dan pendapat yang ṣaḥīḥ dalam mazhab al-Syāfi'i kerana bagi beliau bahawa tiada dalil atau nas yang ṣaḥīḥ dan marfū' berkenaan perlunya nilai niṣāb mencukupi sepanjang tempoh haul.<sup>103</sup>

##### 5) Harta tersebut telah mencapai niṣāb.

Mazhab Ḥanafī<sup>104</sup>, Mālikī<sup>105</sup>, Syāfi'i<sup>106</sup> dan Ḥanbalī<sup>107</sup> telah bersepakat bahawa mencapai niṣāb merupakan salah satu daripada syarat wajib zakat barang perniagaan.<sup>108</sup> Menurut al-Imām al-Nawawī pula, tiada *khilāf* dalam kalangan 'ulama' bahawa niṣāb

<sup>99</sup> Ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarh Fath al-Qadīr*, 2:228-229 dan Ibn Qudāmah, *al-Muġhnī*, 3:59-60.

<sup>100</sup> Ibn Qudāmah, *al-Muġhnī*, 3:59.

<sup>101</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, 6:55.

<sup>102</sup> Ibn Qudāmah, *al-Muġhnī*, 3:60.

<sup>103</sup> Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:376.

<sup>104</sup> Ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarh Fath al-Qadīr*, 2:225.

<sup>105</sup> Al-Dardīr, *al-Syarh al-Ṣaghīr 'alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, 1:626-627.

<sup>106</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, 6:55.

<sup>107</sup> Ibn Qudāmah, *al-Muġhnī*, 3:59-60.

<sup>108</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:787.

diambil kira sebelum mengeluarkan zakat perniagaan.<sup>109</sup> Antara hujah mereka adalah berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī bahawa Nabi s.a.w telah bersabda :

لَيْسَ فِيمَا أَقْلُ مِنْ خَمْسَةِ أُوْسُقٍ صَدَقَةٌ

Terjemahan: Setiap apa yang kurang daripada lima awsuq, tidak akan dikenakan zakat kepadanya.<sup>110</sup>

Dan hadith ini menjadi dalil untuk diqiaskan ke atas harta-harta yang lain iaitu terdiri daripada barang perniagaan, matawang dan haiwan ternakan.<sup>111</sup> Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, niṣāb barang perniagaan adalah berdasarkan kepada niṣāb matawang yang bersamaan dengan nilai 85 gram emas.<sup>112</sup>

## 2.5 BENTUK-BENTUK PERNIAGAAN DI MALAYSIA

Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis perniagaan yang telah disertai oleh para peniaga yang beragama Islam di Malaysia. Justeru itu, perniagaan-perniagaan ini sepatutnya dikenakan zakat apabila telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syara'. Antara perniagaan tersebut adalah seperti berikut :

<sup>109</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:55.

<sup>110</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Layṣa fī Mā Dūna Khamsah Awsuq Ṣadaqah, no. ḥadith 1484. Lihat Abū Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 2002), 362.

<sup>111</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:185.

<sup>112</sup> *Ibid.*, 1:375.

## 1. Perniagaan Secara Pelaburan Untung Bersama (*Mudārabah*)

Perniagaan jenis ini bermaksud kontrak ('aqad) di antara dua orang untuk membahagikan keuntungan hasil daripada harta/modal yang telah diserahkan oleh salah satu pihak (pemodal) kepada pengusaha ('āmil) untuk diusahakannya.<sup>113</sup>

Berkenaan dengan pembayaran zakat perniagaan pula, terdapat beberapa pendapat di kalangan para 'ulama'. Menurut Imām Abū Ḥanīfah bahawa setiap pemilik modal dan pengusaha ('āmil) perlulah membayar zakat berdasarkan kepada bahagian masing-masing pada setiap tahun dan tidak ditangguh sehingga dilakukan pengasingan.<sup>114</sup>

Menurut mazhab Mālikī pula, sekiranya harta *al-qirād* (*mudārabah*) wujud di negeri pemilik modal tersebut walaupun secara *hukum* sahaja iaitu dengan mengetahui keadaannya semasa dia tiada di tempat berkenaan, maka zakat wajib dikeluar berdasarkan kepada zakat peniaga *mudīr* (*idārah*) iaitu dinilai modal dan keuntungan pada setiap tahun kemudian dikeluarkan zakat ke atas modal dan bahagiannya daripada keuntungan. Mengikut pendapat yang *mu'tamad* dalam mazhab ini ialah zakat tidak dikeluarkan kecuali selepas dilakukan pengasingan iaitu selepas dilakukan perkiraan dan pembersihan terhadap harta perniagaan tersebut. Setelah itu, dia perlulah membayar zakat terhadap kesemua tahun-tahun sebelum ini. Begitu juga sekiranya harta tersebut telah hilang dan tidak diketahui keadaannya sama ada masih kekal atau telah rosak dan mendapat keuntungan atau kerugian maka dia juga mesti mengeluarkan zakat bagi tahun-tahun yang telah lalu tersebut. Manakala pengusaha ('āmil) pula hanya perlu mengeluarkan zakat berdasarkan

<sup>113</sup> Imād ‘Abd al-Ḥafīẓ al-Ziyādāt, *Syarīkah al-‘amāl wa Aḥkāmuḥā fī al-Fiqh al-Islāmī* (Jordan: Dār al-Nafāis, 2008), 54.

<sup>114</sup> Abū al-Qāsim Muḥammad ibn Aḥmad ibn Juzay al-Kalbī al-Gharnāṭī al-Mālikī, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah fī Talkhīṣ Madhhab al-Mālikiyah wa Tanbīh ‘alā Madhhab al-Syāfi‘iyyah wa al-Ḥanafiyah wa al-Ḥanbaliyyah* (t.p.: t.p., t.t.), 207 dan Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:799.

kepada bahagiannya daripada keuntungan sahaja untuk tempoh satu tahun iaitu selepas dilakukan pengasingan.<sup>115</sup>

Fuqaha' dalam mazhab Syāfi'i berpendapat bahawa diwajibkan kepada pemilik modal tersebut mengeluarkan zakat ke atas modal dan keuntungan yang menjadi bahagiannya ketika telah sempurna haul kerana kedua-duanya itu adalah kepunyaannya. Manakala pengusaha ('āmil) pula mesti mengeluarkan zakat berdasarkan bahagiannya daripada keuntungan. Ini disebabkan dia mampu untuk memperolehi bahagiannya jika dia menghendaki untuk dilakukan pembahagian. Oleh itu, permulaan bagi haul bahagiannya dikira ketika jelas telah mendapat keuntungan. Maka tidak wajib ke atas pengusaha itu mengeluarkan zakat sebelum dilakukan pembahagian tersebut.<sup>116</sup>

Begitu juga dengan mazhab Ḥanbalī yang berpendapat bahawa pemilik modal perlulah membayar zakat terhadap modal dan keuntungan yang telah diperolehnya.<sup>117</sup> Sebagai contohnya jika dia telah memberi amanah kepada seorang lelaki sebanyak seribu ringgit untuk diperniagakan secara *mudārabah* dengan syarat keuntungannya dibahagikan setengah seorang. Setelah cukup haul, hasil perniagaan tersebut telah meningkat kepada tiga ribu ringgit, maka pemilik modal tersebut wajib mengeluarkan zakat ke atas bahagian kepunyaannya sebanyak dua ribu ringgit kerana haul keuntungan perniagaan tersebut sama dengan haul asalnya iaitu haul modal perniagaan berkenaan.<sup>118</sup> Adapun pengusaha ('āmil) maka zakat tidak perlu dikeluarkan dalam bahagiannya sehingga pembahagian keuntungan telah dilakukan manakala haul bahagiannya pula akan dihitung semula bermula dari tarikh ketika telah dilakukan pembahagian. Pendapat ini telah diriwayatkan daripada Imām Ahmad dan Ibn Maṇṣūr. Sekiranya berlaku kerugian setelah bahagiannya diketahui

<sup>115</sup> Al-Dardīr, *al-Syarḥ al-Ṣaghīr 'alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, 1:642-643 dan Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:799-800.

<sup>116</sup> Al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 1:401.

<sup>117</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:799.

<sup>118</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:64.

daripada harta tersebut maka kerugian (*al-waḍī‘ah*) tersebut akan ditanggung oleh pemilik modal.<sup>119</sup>

Berdasarkan kepada perbincangan para ulama’ di atas, dapat difahami bahawa terdapat persamaan di antara pendapat-pendapat mereka ini iaitu setiap pemilik modal diwajibkan untuk mengeluarkan zakat terhadap modal dan keuntungan yang menjadi bahagian mereka sahaja. Manakala pengusaha (*‘āmil*) pula hanya mengeluarkan zakat terhadap bahagiannya daripada keuntungan sahaja.<sup>120</sup> Adapun perbezaannya pula, hanya Imām Abū Ḥanīfah yang berpendapat bahawa pemilik modal dan pengusaha (*‘āmil*) diwajibkan mengeluarkan zakat terhadap bahagian mereka sebelum dilakukan pembahagian keuntungan. Manakala jumhūr ‘ulama’ pula berpendapat bahawa mereka ini hanya diwajibkan mengeluarkan zakat apabila pembahagian keuntungan telah dilakukan sepetimana nisbah yang telah dipersetujui di antara mereka.

Berkenaan dengan pengamalan di Malaysia pula khususnya di Perak, pengiraan zakat terhadap perniagaan jenis ini adalah berdasarkan kepada pendapat fuqaha’ dalam mazhab Syāfi’ī. Ini boleh dilihat terhadap penulisan yang pernah dihasilkan oleh Mat Sa’ad Bin Hassan yang merupakan bekas pengarah Baitulmal Zakat Dan Fitrah Perak yang telah menghuraikan secara terperinci mengenai cara pengiraan zakat perniagaan dalam bentuk ini yang telah diamalkan di negeri Perak iaitu sama sepetimana kaedah pengiraan yang telah dijelaskan oleh ‘ulama’ dalam mazhab Syāfi’ī.<sup>121</sup>

<sup>119</sup> *Ibid.*, 3:65.

<sup>120</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:799.

<sup>121</sup> Mat Sa’ad Bin Hassan, *Siri Pengiraan Zakat Simpanan [Mata Wang] : Siri Pengiraan Zakat Harta Perniagaan Atau Perusahaan, Bahagian Kedua* (Ipoh: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak, 1987), 23-25.

## 2. Perniagaan Berbentuk *Mudīr*

*Mudīr* pula adalah orang yang bermiaga sesuatu barang tanpa berdasarkan kepada waktu tertentu untuk menjual dan membelinya.<sup>122</sup> Sebagai contohnya para peniaga yang bermiaga di pasar-pasar atau runcit.<sup>123</sup> Menurut Imām Mālik, peniaga ini perlulah menilai semua stok barang perniagaannya dan mencampurkan dengan wang yang terdapat di tangannya serta hutang yang mempunyai harapan untuk memperolehnya semula apabila perniagaannya telah genap haul yang dikira dari hari ia memulakan perniagaannya. Jika jumlah pendapatannya yang telah dinilai tadi mencapai paras niṣāb maka dia wajib mengeluarkan zakat ke atas perniagaannya.<sup>124</sup>

Begitu juga dengan jumhūr fuqaha' yang berpendapat bahawa peniaga *mudīr* diwajibkan menilai barang perniagaannya dan mengeluarkan zakat apabila barang yang diperniagakan tersebut telah cukup haul. Ini merupakan pendapat di sisi Imām al-Syāfi'i, Imām Abū Hanīfah, Imām Ahmad, al-Thawrī dan al-Awzā'i.<sup>125</sup> Pendapat ini diperkuuhkan lagi dengan pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī iaitu peniaga ini wajib mengeluarkan zakat jika barang perniagaannya telah memenuhi syarat niṣāb.<sup>126</sup> Dan pandangan inilah yang diamalkan di Malaysia sepermulaan di Perak<sup>127</sup> dan Selangor<sup>128</sup>.

<sup>122</sup> Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1:196.

<sup>123</sup> Al-Gharnāṭī al-Mālikī, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, 205.

<sup>124</sup> Ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:196.

<sup>125</sup> *Ibid.*, 1:197.

<sup>126</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:381.

<sup>127</sup> Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan, *Kaedah Komprehensif Penaksiran Zakat Perniagaan* (Ipoh: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan, 2006), 6.

<sup>128</sup> Lembaga Zakat Selangor, *Panduan Zakat Perniagaan* (Selangor: Lembaga Zakat Selangor (MAIS), 2007), 6.

### 3. Perniagaan Berbentuk *Ghayr al-Mudīr (Muhtakir)*

*Ghayr al-Mudīr* adalah peniaga yang menentukan waktu-waktu yang tertentu untuk membeli dan menjual sesuatu barang. Apabila barang tersebut telah dijual maka dia wajib membayar zakatnya bagi satu tahun sahaja seperti mana hutang. Ini merupakan pendapat di sisi Imām Mālik.<sup>129</sup>

Menurut jumhūr fuqaha' pula, peniaga jenis ini wajib menunaikan zakat ke atas barangannya yang diniatkan untuk perniagaan jika barang tersebut telah cukup haul. Ini juga merupakan pendapat di sisi Imām al-Syāfi'ī, Imām Abū Hanīfah, Imām Ahmad, al-Thawrī dan al-Awzā'ī.<sup>130</sup>

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, pendapat jumhūr fuqaha' lebih kuat untuk diterima sebagai dalil berbanding dengan pandangan Imām Mālik. Sekiranya harta perniagaan seseorang peniaga itu telah mencapai niṣāb maka dia wajib mengeluarkan zakat tanpa mengira sama ada perniagaannya mendapat keuntungan atau kerugian.<sup>131</sup>

Pada masa kini, peniaga kategori ini juga dikenali sebagai *muhtakir* (spekulasi). Mereka ini akan membeli sesuatu barangan seperti hartanah-hartanah, tanah-tanah komersial, saham dan seumpamanya. Kemudiannya, mereka akan menunggu dalam tempoh tertentu untuk melihat sekiranya berlaku kenaikan harga barangan tersebut di pasaran semasa. Setelah itu, barangan tersebut akan dijual semula apabila terdapat peningkatan harga berbanding sebelumnya.<sup>132</sup>

<sup>129</sup> Ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:196.

<sup>130</sup> *Ibid.*, 1:197.

<sup>131</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:381.

<sup>132</sup> *Ibid.*, 1:380.

#### **4. Perniagaan Persendirian (Milikan Tunggal)<sup>133</sup>**

Perniagaan dalam bentuk ini dimiliki oleh seseorang individu secara persendirian. Modalnya pula diperolehi daripada simpanan sendiri atau pinjaman daripada pihak lain seperti bank, kawan-kawan atau saudara-maranya. Manakala sumber kewangan lain pula adalah melalui sewa beli, pajakan dan kredit perdagangan. Pemiliknya akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi menguruskan perniagaannya sama ada menggunakan tenaganya sendiri atau melalui bantuan daripada orang lain seperti mengupah pekerja-pekerja di syarikatnya.<sup>134</sup>

Berkenaan dengan pengeluaran zakat pula, pemilik syarikat ini mestilah menilai semua barang perniagaannya pada akhir setiap tahun dengan mengambil kira harganya pada waktu mengeluarkan zakat dan bukan berdasarkan harga pada waktu pembelian barang tersebut. Setelah itu, dia perlu mencampurkan semua barang berkenaan walaupun berbeza dari segi jenisnya. Selepas telah selesai dilakukan penilaian, pemilik tersebut mestilah mengeluarkan zakat terhadap barang perniagaannya berdasarkan nilai (*qīmah*) bukan pada fizikalnya ('ayn) kerana niṣāb zakat diambil kira berdasarkan nilai sepermata mawang. Manakala kadar zakat yang dikenakan pula adalah sebanyak 2.5 peratus.<sup>135</sup>

---

<sup>133</sup> Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, dicapai 23 Julai 2012, <http://www.malaysia.gov.my/BM/Relevant%20Topics/MakeaBusiness/Business/PlanBusiness/FormsOfBusiness/Pages/FormsOfBusiness.aspx>.

<sup>134</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001), 21.

<sup>135</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:792.

## 5. Perniagaan Perkongsian<sup>136</sup>

*Musyārakah* adalah kontrak perkongsian di antara dua orang atau lebih yang bersetuju untuk menyumbang modal bagi melaksanakan sesuatu perniagaan secara bersama termasuklah berkongsi keuntungan dan kerugian. Modal yang disumbangkan pula mestilah dalam bentuk wang atau dalam bentuk barang selagimana barang tersebut boleh dinilai dengan matawang. Setelah itu, hendaklah dicampurkan semua modal berkenaan supaya menjadi hak perniagaan tersebut dan bukannya menjadi hak persendirian pemodal-pemodal. Sekiranya terdapat keuntungan perlulah dibahagikan mengikut nisbah yang telah dipersetujui bersama manakala jika terdapat kerugian pula perlulah dipertanggungjawabkan berdasarkan nisbah sumbangan modal masing-masing.<sup>137</sup>

Secara umumnya, perniagaan jenis ini dapat dibahagikan kepada dua bentuk :

### 5.1 Perniagaan Yang Dikongsi Dengan Orang Kafir

Para ulama' telah berijma' bahawa zakat tidak dikenakan ke atas orang kafir.<sup>138</sup> Menurut Ibn Rusyd pula, para ulama' juga telah bersepakat bahawa hanya orang Islam sahaja yang diwajibkan zakat.<sup>139</sup> Menurut Ibn Qudāmah al-Maqdisī pula bahawa dua orang yang berkongsi itu mestilah terdiri di kalangan *ahl al-zakāh*. Jika salah seorang daripadanya adalah kafir *dhimmī* misalnya maka bahagiannya tidak akan diambil kira

<sup>136</sup> Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, dicapai 23 Julai 2012, <http://www.malaysia.gov.my/BM/Relevant%20Topics/MakeaBusiness/Business/PlanBusiness/FormsOfBusiness/Pages/FormsOfBusiness.aspx>.

<sup>137</sup> Mat Sa'ad Bin Hassan, "Pengiraan Zakat Harta Perniagaan Atau Perusahaan", dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-Undang Dan Taksiran*, ed. Mohd Ali Baharum (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1989), 104-105.

<sup>138</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:738.

<sup>139</sup> Ibn Rusyd al-Qurtubī al-Andalusī, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:178.

kerana zakat tidak dikenakan pada hartanya yang akan menyebabkan harta yang dikongsi tersebut tidak cukup nişāb untuk dikeluarkan zakat.<sup>140</sup>

Oleh sebab itu, sekiranya berlaku perkongsian di antara orang Islam dengan orang kafir maka harta yang dimiliki oleh kafir tersebut yang merupakan rakan kongsinya itu tidak akan dicampurkan dengan harta kepunyaannya ketika mahu mengeluarkan zakat.<sup>141</sup> Dengan kata lain, hanya bahagian yang dimiliki oleh orang Islam sahaja yang diambil kira semasa melakukan penilaian terhadap barang perniagaan tersebut jika bahagiannya telah mencapai nilai nişāb dan haul.

## 5.2 Perniagaan Yang Dikongsi Dengan Sesama Orang Islam

Imām Mālik dan Abū Hanīfah berpendapat bahawa zakat tidak wajib dikeluarkan ke atas salah seorang daripada dua orang yang melakukan perkongsian dalam sesuatu perniagaan sehinggalah bahagian setiap seorang daripada kedua-duanya telah mencapai nilai nişāb. Ini disebabkan zakat hanya dikenakan berdasarkan bahagian masing-masing sahaja.<sup>142</sup>

Menurut Imām al-Syāfi’ī pula, harta perniagaan yang dikongsi sesama orang Islam maka hukumnya adalah sama seperti mana hukum bagi harta yang dimiliki oleh seorang lelaki.<sup>143</sup> Jika diperhatikan, pendapat Imām al-Syāfi’ī ini lebih sesuai untuk diamalkan di Malaysia. Ini bertujuan supaya para peniaga tidak mempunyai alasan untuk mengelak daripada mengeluarkan zakat perniagaan ke atas syarikat mereka walaupun bahagian masing-masing belum lagi mencapai nilai nişāb kerana yang diambil kira hanyalah harta

<sup>140</sup> Syams al-Dīn Abī al-Faraj ‘Abd al-Rahmān ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Qudāmah al-Maqdisī, *Syarḥ al-Kabīr* (t.p.: Dār al-Fikr, t.t.), 1:631.

<sup>141</sup> Abū Ishaq Ibrāhīm ibn ‘Alī ibn Yūsuf al-Fayrūz Abādī al-Syīrāzī, *al-Muhaḍhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi’ī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 1:279.

<sup>142</sup> Ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:188.

<sup>143</sup> *Ibid.*, dan Al-Syīrāzī, *al-Muhaḍhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi’ī*, 1:278.

perniagaan yang dikongsi tersebut telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat iaitu cukup niṣāb dan haul.

## 2.6 KONSEP HARTA *ZĀHIR* DAN *BĀṬIN*

Para fuqaha telah membahagikan harta-harta yang diwajibkan zakat kepada dua kategori iaitu harta *zāhir* dan harta *bāṭin*.<sup>144</sup>

Harta *zāhir* adalah harta yang tidak tersembunyi daripada penglihatan orang lain dari segi kebiasaannya.<sup>145</sup> Dengan kata lain, harta ini boleh diketahui dan dihitung oleh orang yang bukan pemiliknya yang terdiri daripada hasil tanaman dan binatang ternakan. Hasil tanaman adalah seperti bijirin (gandum, padi, jagung) dan buah-buahan manakala binatang ternakan pula adalah seperti unta, lembu dan kambing.<sup>146</sup>

Harta *bāṭin* pula adalah harta yang tersembunyi dari penglihatan mata dan tidak mampu diketahui oleh orang lain kecuali pemiliknya sahaja yang terdiri daripada emas, perak, permata dan seumpamanya.<sup>147</sup> Di samping itu, barang-barang perniagaan juga termasuk di dalam kategori harta ini. Namun begitu, para fuqaha' telah berselisih pendapat berkenaan zakat fitrah. Menurut sebahagian mereka, zakat fitrah termasuk di dalam harta *zāhir* manakala sebahagian yang lain pula berpendapat zakat ini termasuk di dalam harta *bāṭin*.<sup>148</sup>

Setelah diteliti ulasan di atas, dapat disimpulkan bahawa zakat harta perniagaan adalah termasuk di dalam kategori harta *bāṭin*. Ini bermakna bahawa hanya pemiliknya

<sup>144</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 2:242.

<sup>145</sup> Al-Syīrāzī, *al-Muhaḍhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, 1:309.

<sup>146</sup> *Ibid.*

<sup>147</sup> *Ibid.*, 1:308.

<sup>148</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 2:242.

sahaja yang mengetahui nilai sebenar barang perniagaannya. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab kepada setiap peniaga untuk menunaikan zakat perniagaannya dengan penuh amanah kerana zakat tersebut adalah hak golongan *asnāf* yang memerlukan.

## **2.7 KAEADAH PENAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN DI PERAK**

Sebagaimana negeri-negeri lain yang terdapat di dalam Persekutuan Malaysia, begitu juga negeri Perak yang mempunyai kaedah pengiraan zakat perniagaannya yang tersendiri. Sebelum dilakukan penaksiran, beberapa item atau asas perlu dikenal pasti terlebih dahulu bagi melakukan pelarasan terhadap zakat perniagaan di dalam sesebuah syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan. Hal ini bertujuan supaya zakat yang dikeluarkan oleh individu atau syarikat berkenaan adalah menepati dengan kehendak syara'.

### **2.7.1 PERKARA-PERKARA ASAS DALAM PERNIAGAAN**

Perkara-perkara ini adalah merujuk kepada item-item yang terkandung dalam Lembaran Imbangan Dan Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan.<sup>149</sup> Item-item tersebut adalah seperti berikut:

---

<sup>149</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 26.

## **1. Aset Tetap**

Aset tetap merupakan harta yang dimiliki untuk mendatangkan hasil sama ada secara langsung atau tidak langsung.<sup>150</sup> Dengan kata lain, fungsi harta ini adalah bertujuan untuk membantu operasi perniagaan atau pengeluaran<sup>151</sup> dan tidak dijadikan sebagai barang perniagaan seperti bangunan, mesin, perabot dan seumpamanya. Oleh sebab itu, ia tidak diambil kira ketika melakukan penilaian dan termasuk di dalam kategori harta yang dikecualikan daripada zakat.<sup>152</sup> Walau bagaimanapun, hasil sampingan atau hasil lain yang diperolehi daripada harta tetap yang produktif (*al-mustaghallah*) tertakluk kepada taksiran zakat.<sup>153</sup>

## **2. Aset Bukan Semasa**

Harta bentuk ini juga dikenali sebagai harta tidak zahir. Jika ia tidak diniatkan untuk perniagaan maka ia akan disama tarafkan seperti aset tetap misalnya saham, bonus, sijil saham dalam syarikat lain, bon sijil pelaburan, muhibbah, paten dan surat-surat berharga yang lain. Ini membawa maksud bahawa pembeliannya adalah bagi tujuan untuk mendapatkan hasil dividen atau sebagai tindakan menyumbangkan modal bagi maksud penguasaan atau pelaburan. Jika syarikat yang dilabur telah mengeluarkan zakat terlebih dahulu maka hasil yang diperolehi daripada syarikat tersebut tidak akan dikenakan zakat sekali lagi. Aset bukan semasa yang produktif di‘ilahkan sama dengan harta *al-mustaghallah*.<sup>154</sup>

---

<sup>150</sup> Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984), 9.

<sup>151</sup> *Ibid.*, 16.

<sup>152</sup> Al-Qarađāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:382.

<sup>153</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 27.

<sup>154</sup> *Ibid.*

### **3. Aset Semasa**

Aset semasa merupakan wang tunai atau aset-aset lain yang mudah ditukar menjadi wang tunai, yang boleh dijual atau digunakan dalam pembuatan barang dalam tempoh semasa iaitu tempoh terpanjang antara satu tahun perakaunan atau satu kitaran kendalian.<sup>155</sup> Dan aset ini diperniagakan untuk mendapatkan pendapatan secara langsung.<sup>156</sup> Harta ini adalah terdiri daripada semua jenis aset yang selain daripada aset tetap dan aset bukan semasa. Ini termasuklah juga pelaburan jangka pendek. Misalnya stok barang niaga pada akhir haul adalah termasuk di dalam kategori harta semasa atau harta berubah. Begitu juga barang niaga yang telah dibayar tetapi masih dalam perjalanan kerana ia dianggap sebagai hak milik sempurna. Selain itu, surat-surat niaga yang diniatkan sebagai barang niaga, hutang dagangan pihak lain kepada syarikat yang tiada masalah kutipan, wang tunai dalam tangan atau dalam bank adalah terdiri daripada aset-aset semasa.<sup>157</sup>

### **4. Ekuiti Pemilik**

Ekuiti pemilik dalam sesebuah organisasi perniagaan adalah terdiri daripada modal yang dilaburkan dan keuntungan yang diperolehi daripada kendalian perniagaan.<sup>158</sup> Kebiasaannya, jangka masa tanggungan-tanggungan ini adalah panjang dan selalunya tetap serta berkekalan.<sup>159</sup> Sumber item ini bergantung kepada bentuk organisasi perniagaan. Sumber ekuiti bagi peniaga milikan tunggal terdiri daripada jumlah modal yang dilaburkan

<sup>155</sup> Ismail Ab. Wahab, *Penyediaan Rekod Kewangan Perniagaan Kecil & Sederhana*, ed. ke-2 (Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2002), 8.

<sup>156</sup> Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan*, 9.

<sup>157</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 27.

<sup>158</sup> Ismail Ab. Wahab, *Penyediaan Rekod Kewangan Perniagaan Kecil & Sederhana*, ed. ke-2, 9 dan Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan*, 10.

<sup>159</sup> Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan*, 10.

oleh pemilik perniagaan ke dalam perniagaannya. Pengurangan ekuiti pemilik boleh berlaku jika perniagaan jenis ini mengalami kerugian atau ambilan (barang niaga atau wang tunai) oleh pemilik untuk kegunaan sendiri. Manakala sumber ekuiti bagi perniagaan perkongsian terdiri daripada jumlah akaun modal rakan kongsi. Ekuiti pemilik perniagaan jenis ini juga boleh berkurang jika perniagaan mengalami kerugian atau ambilan oleh rakan-rakan kongsi.<sup>160</sup>

Perkara asas ini adalah merangkumi modal berbayar, dana pemegang saham, akaun premium, rezab hasil dan keuntungan atau kerugian terkumpul. Ia dianggap sebagai sumber modal perniagaan dan tertakluk kepada zakat. Keuntungan semasa adalah rumusan daripada Penyata Pendapatan dan nilainya juga diambil kira ketika melakukan pengiraan zakat.<sup>161</sup> Nilai harta bersih dapatlah disamakan dengan ekuiti pemilik sesbuah syarikat.<sup>162</sup>

## 5. Liabiliti Jangka Pendek (Liabiliti Semasa)

Liabiliti jangka pendek juga turut dikenali sebagai tanggungan atau hutang semasa. Ia merupakan hutang syarikat atas pembelian barang perniagaan yang perlu dibayar atau dijelaskan dalam tempoh satu tahun<sup>163</sup> seperti si piutang pembekal, tanggungan cukai atau tanggungan belanja-belanja operasi. Hanya liabiliti semasa operasi sahaja yang boleh ditolak daripada aset semasa bagi maksud pengiraan nilai zakat. Liabiliti kewangan seperti pajakan modal atau kewangan, hutang pinjaman jangka panjang yang akan matang dalam

<sup>160</sup> Ismail Ab. Wahab, *Penyediaan Rekod Kewangan Perniagaan Kecil & Sederhana*, ed. ke-2, 9.

<sup>161</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 28.

<sup>162</sup> Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan*, 10.

<sup>163</sup> Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan*, 10 dan Ismail Ab. Wahab, *Penyediaan Rekod Kewangan Perniagaan Kecil & Sederhana*, ed. ke-2, 8.

tempoh setahun dan juga cadangan dividen tidak dibenarkan penolakan. Di samping itu, overdraf juga turut dikenakan zakat kerana ia dikira sebagai sumber perniagaan.<sup>164</sup>

## 6. Liabiliti Jangka Panjang

Liabiliti jangka panjang pula adalah hutang perniagaan yang perlu dijelaskan oleh sesebuah syarikat itu dalam masa yang melebihi tempoh satu tahun.<sup>165</sup> Ia merupakan tanggungan syarikat terhadap pihak yang memberi hutang (pembiutang) kepada syarikat bagi memperluaskan operasi perniagaan seperti pembelian aset tetap. Ianya adalah sebahagian daripada sumber modal yang akan dikenakan zakat.<sup>166</sup> Contoh liabiliti jangka panjang ialah pinjaman bank dan gadai janji.<sup>167</sup>

## 7. Pelaburan

Pelaburan wang syarikat dianggap sebagai satu tindakan yang dirancang dengan waras, teliti dan bersesuaian dengan objektif syarikat terutamanya yang berkaitan dengan keputusan pelaburan di dalam harta tetap. Ini disebabkan wang adalah satu sumber ekonomi yang terhad maka perancangan perlu dilakukan untuk pembahagian sumber kewangan.<sup>168</sup> Pelaburan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pelaburan jangka panjang dan pelaburan jangka pendek. Pelaburan jangka panjang bukan merupakan aset semasa yang merangkumi saham yang diniagakan dan yang tidak diniagakan dalam

<sup>164</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 28.

<sup>165</sup> Ismail Ab. Wahab, *Penyediaan Rekod Kewangan Perniagaan Kecil & Sederhana*, ed. ke-2, 8.

<sup>166</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 28.

<sup>167</sup> Ismail Ab. Wahab, *Penyediaan Rekod Kewangan Perniagaan Kecil & Sederhana*, ed. ke-2, 8.

<sup>168</sup> Mahashim Bajuri, *Pengurusan Kewangan : Satu Pengenalan*, 40.

syarikat-syarikat bersekutu dan dalam anak-anak syarikat.<sup>169</sup> Manakala pelaburan jangka pendek pula termasuk dalam kategori aset semasa.<sup>170</sup>

## 2.7.2 ASAS YANG DIKENAKAN ZAKAT

Terdapat beberapa asas yang perlu dinyatakan ketika hendak mengeluarkan zakat perniagaan iaitu asas sumber tersebut mestilah milik sempurna.<sup>171</sup>

Perkara asas ini merangkumi sumbangan modal sama ada dalam bentuk *musyārakah* atau *muḍārabah* dan pinjaman kewangan dari jangka masa pendek hingga galih kepada jangka masa panjang serta pembiayaan modal pajakan kewangan. Selain itu, terdapat juga sumber secara tidak langsung seperti penerimaan wang deposit perkhidmatan, wang cagaran disyaratkan dan seumpamanya yang dipegang untuk jangka masa panjang. Maka semuanya ini memenuhi definisi “milik sempurna”. Di samping itu, setiap agihan dari sumber perniagaan setelah cukup niṣāb dan haul perlulah bersih dari zakat terlebih dahulu seperti dividen dan pemberian honorarium.<sup>172</sup>

---

<sup>169</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 28.

<sup>170</sup> *Ibid.*, 27.

<sup>171</sup> Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan, *Kaedah Komprehensif Penaksiran Zakat Perniagaan*, 8.

<sup>172</sup> *Ibid.*

### **2.7.3 ASAS YANG DIKECUALIKAN ZAKAT**

Terdapat beberapa perkara asas yang dikecualikan zakat ke atasnya iaitu :

#### **1. Aset / Harta Tetap**

Aset bentuk ini tidak dikenakan zakat kerana ia tidak diniatkan sebagai barang perniagaan. Ia boleh didapati sama ada dalam bentuk sumbangan modal, pembelian secara hutang atau dalam bentuk pajakan kewangan. Aset jenis ini juga boleh dikembangkan dan mendatangkan hasil melalui sewaan dan sebagainya. Oleh sebab itu, aset tetap produktif juga disebut sebagai harta *al-mustaghalla*. Selain itu, aset lain yang mempunyai tujuan yang sama seperti harta tetap disebut juga sebagai harta *al-mustaghalla*.<sup>173</sup>

#### **2. Milik Tidak Sempurna**

Pemilikan sempurna merupakan syarat wajib zakat sepetimana yang dinyatakan oleh para fuqaha' daripada empat mazhab iaitu mazhab Ḥanafī<sup>174</sup>, Mālikī<sup>175</sup>, Syāfi‘ī<sup>176</sup> dan Ḥanbalī<sup>177</sup>. Oleh itu, setiap sumber yang bukan milik sempurna tidak akan dikenakan zakat. Sebagai contohnya, dana perniagaan yang diberikan kepada pihak lain dalam bentuk pembiayaan, pelaburan atau pinjaman maka akan menyebabkan perniagaan tersebut “hilang milik sempurna”. Pelaburan dan pinjaman yang berpotensi untuk berkembang akan dikenakan zakat ke atas pemilik sempurna yang baru. Berkenaan dengan pembiayaan

---

<sup>173</sup> *Ibid.*

<sup>174</sup> ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr ibn Mas‘ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’* (cet. ke-2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2:389.

<sup>175</sup> Al-Dardīr, *al-Syarḥ al-Ṣaghīr ‘alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, 1:587-588.

<sup>176</sup> Al-Syāfi‘ī, *al-Umm*, 3:66.

<sup>177</sup> Maṇṣūr ibn Yūnus ibn Idrīs al-Buhūtī, *Kasyṣyāf al-Qinā’ ‘an Matn al-Iqnā’*, (t.t.p.: ‘Ālam al-Kutub, t.t.) 2:9.

pengguna pula, zakat hanya akan dikenakan ke atas hutang yang telah diterima atau yang ada harapan untuk dibayar apabila tiba tempohnya. Di samping itu, terdapat juga dana perniagaan yang diberikan kepada pihak lain sebagai syarat perniagaan atau kemudahan seperti deposit perkhidmatan, air, elektrik, telefon, deposit cagaran dan sebagainya. Disebabkan dana-dana ini berada di tangan pihak berkenaan dan merekalah yang memperolehi manfaatnya maka zakat hanya akan dikenakan ke atas mereka.<sup>178</sup>

Selain itu, zakat juga dikecualikan terhadap hasil daripada aktiviti-aktiviti yang bukan perniagaan seperti dividen yang disytihar, sewa belum terima dan yang seumpamanya kerana ia belum menjadi milik sempurna. Begitu juga dengan penghutang yang hutangnya telah melebihi tempoh lazim. Justeru itu, zakat hanya akan dihitung apabila hutang tersebut benar-benar telah dibayar oleh penghutang berkenaan.<sup>179</sup>

### **3. Dana Yang Diniatkan Untuk Tujuan Kebajikan**

Zakat juga akan dikecualikan terhadap nilai pokok dana atau tabungan yang diperuntukkan dengan tujuan kebajikan.<sup>180</sup>

### **4. Liabiliti Operasi**

Perkara asas ini juga tidak akan dikenakan zakat ke atasnya. Hal ini disebabkan manfaatnya telah diperolehi atau dinikmati dan hanya menunggu masa sahaja untuk dibayar seperti elektrik, cukai tahun semasa, gaji, air, telefon, upah dan sebagainya. Ini

---

<sup>178</sup> Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan, *Kaedah Komprehensif Penaksiran Zakat Perniagaan*, 8.

<sup>179</sup> *Ibid.*, 9.

<sup>180</sup> *Ibid.*

termasuk juga pembelian barang dagangan secara kredit niaga. Sebenarnya, dasar kredit niaga adalah jual beli tunai dengan diberi tempoh terdekat bagi menjelaskan bayarannya. Sekiranya kredit niaga tidak dibenarkan tolakan maka si pembeli akan dikenakan zakat ke atas barang dagangan yang telah dibeli manakala si penjual juga akan diwajibkan zakat ke atas penghutang dagangan pula. Hal ini akan menyebabkan zakat akan dikenakan sebanyak dua kali dalam sistem. Maka untuk diselaraskan, hanya satu pihak sahaja yang dikenakan zakat iaitu ke atas pemutang atau si penjual.<sup>181</sup>

## 5. Harta Haram Atau Tidak Suci

Harta yang haram atau yang terhasil daripada sumber yang tidak suci adalah dikecualikan di dalam pengiraan zakat. Hal ini disebabkan zakat merupakan salah satu ibadat dalam Islam. Jika sesuatu perniagaan tersebut menjalankan aktiviti yang diharamkan oleh syara' seperti terlibat di dalam perusahaan arak, judi atau penjualan binatang yang diharamkan oleh Islam maka keseluruhan entiti perniagaan tersebut tidak dikenakan zakat. Manakala perniagaan yang pada dasarnya adalah halal tetapi wujud percampuran di antara yang halal dengan yang haram, maka pelarasan perlu dilakukan ke atas sumber hasil yang haram.<sup>182</sup>

---

<sup>181</sup> *Ibid.*

<sup>182</sup> *Ibid.*

## **2.7.4 KADEAH TAKSIRAN ZAKAT**

### **1. Membuat Pilihan Kaedah**

Dalam mengira zakat perniagaan, ada dua cara boleh digunakan iaitu :<sup>183</sup>

#### **a) Kaedah Modal Berkembang Terselaras (*'urfīyyah*)**

Kaedah ini mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan sama ada dicampur atau ditolak. Dalam istilah lain, modal dicampurkan dengan keuntungan.

**Ekuiti pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap – Aset Bukan Semasa +/- Pelarasan = Harta perniagaan yang tertakluk kepada pengiraan zakat.**

#### **b) Kaedah Modal Kerja Terselaras (*Syar'iyyah*)**

Kaedah ini mengambil kira kedudukan aset semasa perniagaan, ditolak dengan tanggungan semasa (liabiliti semasa) perniagaan dan dibuat pelarasan ke atas beberapa item aset semasa dan tanggungan semasa atas sebab urusan-urusan yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenalpasti ataupun perlu dibuat tolakan.

**Aset Semasa – Liabiliti Semasa +/- Pelarasan = Harta perniagaan yang tertakluk kepada pengiraan zakat.**

---

<sup>183</sup> *Ibid.*, 11.

## **2. Perbezaan Kedua-Dua Kaedah**

Perbezaan kedua-dua kaedah ini adalah dari segi pendekatan sahaja kerana ia berasaskan kepada persamaan perakaunan yang seimbang (sebelum mengambil kira pelarasan) seperti berikut :<sup>184</sup>

**Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap – Aset Bukan Semasa = Aset Semasa – Liabiliti Semasa.**

### **2.7.5 CONTOH PENAKSIRAN ZAKAT PERNIAGAAN**

Terdapat beberapa contoh kaedah penaksiran zakat perniagaan yang telah diamalkan di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) berdasarkan jenis-jenis perniagaan tertentu. Nama-nama syarikat yang digunakan pula, hanyalah sebagai contoh untuk memudahkan kefahaman sepertimana berikut :

#### **2.7.5.1 PERNIAGAAN PERSENDIRIAN (MILIKAN TUNGGAL)**

Ini adalah contoh penaksiran zakat perniagaan jenis milikan tunggal :<sup>185</sup>

Pada 1 Januari 2007, En Kamal pemilik Perniagaan Tekun Enterprise memulakan perniagaannya dengan memasukkan sejumlah RM 10,000 ke dalam satu akaun di bank. Kunci Kira-Kira pada 1 Januari 2007 adalah seperti berikut :

---

<sup>184</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat Di Malaysia*, 29.

<sup>185</sup> Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan, *Kaedah Komprehensif Penaksiran Zakat Perniagaan*, 17-18.

**Perniagaan Tekun Enterprise**

**Kunci Kira-Kira Pada 1 Januari 2007**

	<b>RM</b>	<b>Aset Semasa</b>	<b>RM</b>
Modal	50,000	Wang tunai di bank	50,000

Pada 31 Disember 2007 setelah menjalankan perniagaan selama satu tahun (cukup haul)

Kunci Kira-Kira Perniagaan Tekun Enterprise berkeadaan seperti berikut :

**Perniagaan Tekun Enterprise**

**Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2007**

<b>Modal</b>	<b>RM</b>	<b>Aset Tetap</b>		<b>RM</b>
Wang tunai dimasukkan	50,000	Peralatan dan Kelengkapan		14,000
Ambilan	(10,000)			
Untung bersih tahun ini	12,500			
	52,500	<b>Aset Semasa</b>		
Tanggungan	12,000	Stok akhir	13,000	
Semasa	64,500	Penghutang	11,000	
	64,500	Bank	14,000	
	64,500	Wang tunai	12,500	50,500

## Jawapannya :

# **Perniagaan Tekun Enterprise**

<b>Kaedah Modal Berkembang</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Modal /Ekuiti Pemilik	50,000	
+ Akaun untung rugi terkumpul	12,500	
- Ambilan	(10000)	52,500
		<hr/>
- Aset Tetap	(14,000)	
Amaun tertakluk kepada zakat	38,500	
Kadar zakat	2.5%	
		<hr/>
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>		<b>962.50</b>

<b>Kaedah Modal Kerja</b>	<b>RM</b>
Aset Semasa	50,500
- Liabiliti Semasa	(12,000)
Amaun tertakluk kepada zakat	38,500
Kadar zakat	2.5%
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	<b>962.50</b>

### **Huraian Jawapan :**

- Zakat adalah dikira berdasarkan kaedah modal berkembang atau kaedah modal kerja. Kemudiannya, pelarasan pula akan dilakukan. Dalam konteks pengiraan ini, tidak perlu dibuat pelarasan.

**Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap – Aset Bukan Semasa = Aset Semasa – Liabiliti Semasa**

- Maka formula pengiraan seterusnya adalah seperti berikut :

**( Aset Semasa – Liabiliti Semasa +/- Pelarasan ) X Pemilikan Muslim X Kadar Zakat**

$$\text{RM } 50,500 - \text{RM } 12,000 = \text{RM } 38,500$$

- Akhir sekali, disebabkan tidak terdapatnya pelarasan maka jumlah bersih yang telah diperolehi iaitu RM 38,500 akan didarabkan dengan 2.5%. Maka nilai zakat yang dikenakan hanyalah sebanyak RM 962.50.

#### **2.7.5.2 PERNIAGAAN PERKONGSIAN**

Ini pula adalah contoh penaksiran zakat perniagaan jenis perkongsian :<sup>186</sup>

Penyata kewangan yang dilampirkan adalah kepunyaan Syarikat Kamal Dan Ali bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Kamal dan Ali adalah rakan kongsi perniagaan dengan kadar nisbah 2 : 1. Kunci Kira-kira perkongsian adalah seperti berikut :

---

<sup>186</sup> *Ibid.*, 19-22.

Syarikat Kamal Dan Ali

Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2009

**Maklumat Tambahan :**

1. Pinjaman yang dibuat oleh syarikat ini adalah tidak bertempoh.
2. Termasuk dalam perkara pelbagai aset semasa adalah cagaran sewa pejabat RM 5,000 dan deposit RM 2,000 untuk elektrik, air dan telefon.
3. Si berhutang – terdapat satu pelanggan yang baru menghadapi masalah perniagaan dan berkemungkinan tidak dapat menjelaskan hutangnya sebanyak RM 4,000.
4. Derma sebanyak RM 3,000 telah dibuat dalam bulan Disember 2009.

**Jawapannya :**

<b>Syarikat Kamal Dan Ali</b>			
<b>Pengiraan Pada 31 Disember 2009</b>			
<b>Kaedah Modal Berkembang</b>	<b>RM</b>	<b>Kaedah Modal Kerja</b>	<b>RM</b>
Modal /Ekuiti Pemilik	195,000	Aset Semasa	76,500
- Aset Tetap	138,500	- Liabiliti Semasa	20,000
<b>Jumlah</b>	<b><u>56,500</u></b>	<b>Modal Kerja</b>	<b><u>56,500</u></b>
<b>(a) Nilai Asas</b>			<b><u>56,500</u></b>

**Pelarasan :**

**(b) Aset semasa**

Siber hutang diragui	(4,000)
Cagaran sewa (milik tidak sempurna)	(5,000)
Pelbagai deposit (milik tidak sempurna)	(2,000)
Bekalan	(12,000)
Derma dibuat di akhir haul (bersih zakat dahulu)	3,000
<b>Jumlah pelarasan pada Aset Semasa</b>	<b>(20,000)</b>

**(c) Liabiliti Semasa**

Pinjaman (sumber perniagaan)	<b>15,000</b>
<b>Amaun bersih selepas pelarasan</b>	<b>51,500</b>
Bahagian pemilikan muslim	100%
Kadar Zakat	2.5%
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	<b>1287.50</b>

**Huraian Jawapan :**

- 1) Modal dan Ekuiti Pemilik adalah sumber kepada perniagaan dan di dalam kategori harta produktif yang kedua-duanya diwajibkan zakat. Oleh sebab itu, kesemuanya perlu dicampurkan sekali.

	<b>RM</b>
Modal	150,000
Keuntungan Terkumpul	<u>45,000</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>195,000</u></b>

- 2) Aset Tetap dikecualikan zakat kerana ia bukan barang yang diperniagakan tetapi merupakan keperluan bagi meneruskan perniagaan tersebut. Justeru itu, ia perlu ditolak dalam pengiraan zakat perniagaan.

<b>Aset Tetap</b>	<b>RM</b>
Bangunan dan Mesin	70,000
Pengubahsuaian	39,000
Perabot	<u>29,500</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>138,500</u></b>

- 3) Huraian pelarasan :

**Ditolak Daripada Aset Semasa**

- Zakat tidak dikenakan kepada si berhutang yang diragui sama ada dibayar balik atau tidak dan hendaklah ditolak sebagai tambahan ke dalam hutang lapuk iaitu sebanyak RM 4,000.

- Pembayaran cagaran sewa dan deposit utiliti adalah tidak memenuhi syarat milik sempurna maka perlulah dikecualikan zakat iaitu masing-masing bernilai RM 5,000 dan RM 2,000.
- Bekalan adalah untuk kegunaan pakai habis dan tidak dikenakan zakat iaitu sebanyak RM 12,000.

#### **Dicampur Kepada Aset Semasa**

- Derma yang dikeluarkan pada akhir haul juga hendaklah dicampurkan semula dalam aset semasa kerana harta yang didermakan itu lebih utama dikenakan zakat iaitu sebanyak RM 3,000.

#### **Dicampur Kepada Liabiliti Semasa**

- Pinjaman diambil kira sebagai sumber perniagaan kerananya adalah pinjaman kewangan yang berjumlah sebanyak RM 15,000.
- Akhir sekali, jumlah bersih yang telah diperolehi selepas pelarasan dan melebihi syarat nisab tadi iaitu RM 51,500 akan didarabkan pula dengan 2.5%. Maka nilai zakat yang dikenakan hanyalah sebanyak RM 1287.50.

### **2.7.5.3 PERNIAGAAN PERKONGSIAN ORANG ISLAM DENGAN BUKAN ISLAM (SDN. BHD.)**

Ini pula adalah contoh penaksiran zakat perniagaan jenis perkongsian antara orang Islam dengan orang bukan Islam sepetimana di bawah :<sup>187</sup>

Penyata kewangan yang dilampirkan adalah kepunyaan Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 yang dikongsi bersama oleh En Mokhtar dan En Alex. Jumlah modal saham yang disumbangkan adalah sebanyak RM 2,000,000 dengan pecahan pemilikan iaitu En Mokhtar 70% manakala En Alex 30%. Beberapa maklumat tambahan disertakan bersama sepetimana berikut :

#### **Maklumat Tambahan :**

- 1) Aktiviti utama syarikat ialah perdagangan.
- 2) Hasil-hasil lain yang diiktiraf dan telah diterima adalah :
  - i. Hasil faedah dari Akaun Simpanan Tetap Konvensional sebanyak RM 15,500.
  - ii. Hasil dividen daripada anak syarikat sebanyak RM 20,000. Anak syarikat berkenaan sudah membayar zakat untuk tahun semasa.
  - iii. Pulangan dari Akaun Pelaburan di Bank Mudharabah sebanyak RM 23,000.
  - iv. Keuntungan Jualan Pelaburan sebanyak RM 30,000.
- 3) Pengurusan syarikat ada mewujudkan dua Tabung Dalaman sepetimana berikut :
  - i. Tujuan kebijakan am bagi kakitangan sejumlah RM 25,000.
  - ii. Pinjaman kebijakan peribadi bagi kakitangan sejumlah RM 25,000.

---

<sup>187</sup> *Ibid.*, 23-27.

- 4) Cukai perniagaan tertunggak telah dibayar dalam bulan Jun 2010 sejumlah RM 15,000.
- 5) Pembayaran prabayar dan deposit utiliti telefon, elektrik dan air adalah sebanyak RM 10,000.
- 6) Pihak pengurusan syarikat ada membuat bayaran sumbangan kebajikan kepada pihak luar berbentuk derma sejumlah RM 9,000 pada bulan Disember tahun 2010 dan dimasukkan dalam akaun untung rugi sebagai pelbagai belanja.
- 7) Hutang pembiayaan bank dalam liabiliti semasa sebanyak RM 200,000 adalah pengelasan semula bahagian liabiliti jangka panjang yang akan matang dalam operasi tahun 2010/2011.

**Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd**

**Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2010**

**2010**

<b>Aset Tetap</b>	<b>RM</b>
Bangunan dan Kilang	2,000,000
Mesin dan Peralatan	700,000
Kenderaan	50,000
<b>JUMLAH</b>	<b>2,750,000</b>
<b>Anak Syarikat</b>	<b>350,000</b>

**Aset Semasa**

Stok	550,000
Penghutang	100,000
Sekuriti Pelaburan	150,000
Akaun Pelaburan	300,000
Wang di Bank	150,000
Akaun Simpanan Tetap	200,000
Prabayar dan Deposit	10,000
<b>JUMLAH</b>	<b><u>1,460,000</u></b>

**Liabiliti Semasa**

Pembiayaan	240,000
Belanja Terakru	50,500
Peruntukan Cukai	20,000
Pinjaman	200,000
<b>JUMLAH</b>	<b>510,500</b>
Modal Kerja	949,500
<b>JUMLAH</b>	<b><u>4,049,500</u></b>

**Dibiayai Oleh :**

Pinjaman	500,000
Saham Biasa	2,000,000
Keuntungan Terkumpul	1,549,500
<b>JUMLAH</b>	<b>4,049,500</b>

**Jawapannya :**

**Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd**

**Taksiran Zakat Perniagaan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

<b>Kaedah Modal Berkembang</b>	<b>RM</b>	<b>Kaedah Modal Kerja</b>	<b>RM</b>
Modal /Ekuiti Pemilik	3,549,500	Aset Semasa	1,460,000
+ Liabiliti Jangka Panjang	500,000	-Liabiliti Semasa	510,500
- Aset Tetap	2,750,000		
- Aset Bukan Semasa	350,000		
<b>Jumlah</b>	<b><u>949,500</u></b>	<b>Modal Kerja</b>	<b><u>949,500</u></b>
<b>(a) Nilai Asas</b>			<b><u>949,500</u></b>

**Pelarasan :**

**(b) Aset semasa**

Hasil faedah simpanan tetap (tidak suci)	(15,500)
Dividen daripada anak syarikat (telah bersih zakat)	(20,000)
Akaun-akaun kebajikan (kebajikan)	(50,000)
Prabayar dan deposit pelbagai (milik tidak sempurna)	(10,000)
Derma dibuat di akhir haul (bersih zakat dahulu)	9,000
<b>Jumlah pelarasan pada Aset Semasa</b>	<b>(86,500)</b>

**(c) Liabiliti Semasa**

Pengkelasan pinjaman berjangka (sumber perniagaan)	<b>200,000</b>
<b>Amaun bersih selepas pelarasan</b>	<b>1,063,000</b>
Bahagian pemilikan muslim	70%
Jumlah yang dikenakan zakat	744,100
Kadar Zakat	2.5%
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	<b>18,602.50</b>

**Huraian Jawapan :**

- 1) Modal, Ekuiti Pemilik dan Liabiliti Jangka Panjang adalah sumber kepada perniagaan dan di dalam kategori harta produktif yang ketiga-tiganya diwajibkan zakat. Oleh sebab itu, kesemuanya perlu dicampurkan sekali.

	<b>RM</b>
Modal	2,000,000
Keuntungan Terkumpul	<u>1,549,500</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>3,549,500</u></b>
Pinjaman Jangka Panjang	500,000

- 2) Aset Tetap dikecualikan zakat kerana ia bukan barang yang diperniagakan tetapi merupakan keperluan bagi meneruskan perniagaan tersebut. Justeru itu, ia perlu ditolak dalam pengiraan zakat perniagaan.

<b>Aset Tetap</b>	<b>RM</b>
Bangunan dan Kilang	2,000,000
Mesin dan Peralatan	700,000
Kenderaan	<u>50,000</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>2,750,000</u></b>

- 3) Aset Bukan Semasa seperti saham yang terdapat di dalam anak syarikat di sama tarafkan seperti aset tetap kerana pembeliannya adalah bertujuan untuk mendapatkan hasil dividen atau sebagai tindakan menyumbangkan modal bagi maksud penguasaan atau pelaburan yang berjumlah RM 350,000.

4) Huraian pelarasan :

#### **Ditolak Daripada Aset Semasa**

- Hasil faedah simpanan tetap dari bank konvensional adalah harta tidak suci kerananya adalah riba iaitu sebanyak RM 15,500.
- Dividen daripada anak syarikat telah dikeluarkan zakat sebelum ini maka ia juga perlu ditolak bagi mengelakkan dibayar zakat dua kali iaitu bernilai RM 20,000.
- Akaun-akaun kebajikan juga perlu dikecualikan zakat kerana ia tidak diniatkan untuk perniagaan sebaliknya untuk kebajikan para pekerja iaitu sebanyak RM 50,000.
- Pembayaran prabayar dan deposit utiliti adalah tidak memenuhi syarat milik sempurna maka perlulah dikecualikan zakat iaitu bernilai RM 10,000.

#### **Dicampur Kepada Aset Semasa**

- Derma yang dikeluarkan pada akhir haul juga hendaklah dicampurkan semula dalam aset semasa kerana harta yang didermakan itu lebih utama dikenakan zakat iaitu sebanyak RM 9,000.

#### **Dicampur Kepada Liabiliti Semasa**

- Pengkelasaran semula pinjaman berjangka diambil kira sebagai sumber perniagaan yang akan matang tahun hadapan. Namun begitu, zakat dikira bagi tahun dahulu yang berjumlah sebanyak RM 200,000.
- Kemudiannya, jumlah bersih yang diperolehi selepas pelarasan iaitu sebanyak RM 1,063,000 hendaklah didarabkan pula dengan peratusan bahagian pemilikan muslim iaitu 70%.

- Akhir sekali, jumlah yang telah melebihi syarat nisab milik orang muslim tadi iaitu RM 744,100 akan didarabkan pula dengan 2.5%. Maka nilai zakat yang dikenakan hanyalah sebanyak RM 18,602.50.

## 2.8 KESIMPULAN

Zakat merupakan salah satu daripada ibadat yang telah difardhukan oleh Allah s.w.t ke atas umat Islam yang tuntutannya telah ditegaskan secara berulang-ulang kali di dalam al-Qur'ān al-Karīm dan al-Sunnah al-Nabawiyah yang bersekali dengan tuntutan untuk menunaikan solat fardhu lima waktu. Ini bermakna bahawa mereka yang ingkar untuk mengeluarkan zakat akan diancam oleh Allah s.w.t dengan azab yang amat pedih dan boleh dihukumkan sebagai murtad. Namun begitu, tuntutan untuk menunaikan zakat hanyalah diwajibkan terhadap mereka yang berkelayakan sahaja. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak membebangkan umatnya sekiranya mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menunaikannya. Ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t di dalam kitabnya iaitu al-Qur'ān al-Karīm :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Al-Baqarah 2: 286

Terjemahan: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Selain itu, kewajipan untuk mengeluarkan zakat dapat mendidik jiwa seseorang insan itu supaya ia boleh menjadi seorang hamba Allah yang bersyukur. Sebaliknya mereka yang enggan menunaikan zakat boleh melahirkan sifat tamak dan kedekut.

Disebabkan itulah zakat disyariatkan oleh Islam yang antara tujuannya adalah untuk mengikis sifat-sifat tercela ini yang sering terdapat di dalam hati setiap manusia terutamanya mereka yang terlibat di dalam bidang perniagaan yang kebiasaannya boleh menghasilkan keuntungan yang lumayan. Apabila seseorang peniaga itu menunaikan zakat perniagaan, sudah tentulah hasil keuntungannya akan menjadi lebih berkat. Oleh sebab itu, mereka yang telah cukup syarat-syarat untuk mengeluarkan zakat hendaklah menunaikan tanggungjawab tersebut supaya kehidupan mereka akan sentiasa diredhai dan dipelihara oleh Allah s.w.t bukan setakat di dunia tetapi juga di akhirat.

# **BAB**

# **KETIGA**

## BAB 3

### PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DAN PERNIAGAAN TEKSTIL DI NEGERI PERAK

#### 3.1 PENDAHULUAN

Negeri Perak atau juga dikenali sebagai Perak Darul Ridzuan merupakan sebuah negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang dengan berkeluasan 21000 kilometer persegi yang merupakan salah sebuah daripada negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia.<sup>188</sup> Di bahagian utara, Negeri Perak bersempadan dengan Kedah dan Thailand manakala di bahagian barat laut pula telah bersempadan dengan Pulau Pinang. Di bahagian timur pula, Negeri Perak bersempadan dengan Pahang dan Kelantan manakala di bahagian selatan dan barat pula bersempadan dengan Selangor dan Selat Melaka.<sup>189</sup>

Negeri Perak meliputi kawasan 6.4 peratus daripada jumlah keluasan Malaysia. Perak mengalami cuaca panas dan lembap sepanjang tahun serta kadar suhu di antara 23.7 darjah Celsius sehingga 33.2 darjah Celsius. Manakala kadar kelembapan pula melebihi 82.3 peratus serta hujan pada kadar 3218 mm setahun. Bukit Larut merupakan tempat yang paling lembab di Malaysia dengan lebih kurang 5080 mm.<sup>190</sup> Selain itu, Perak juga telah diliputi dengan hutan seluas 10713 kilometer persegi yang mana 95.6 peratus adalah Hutan Hujan Tropika manakala 4.4 peratus adalah Hutan Paya Bakau.<sup>191</sup> Di samping itu, negeri ini juga mempunyai sepuluh daerah iaitu Batang Padang, Kinta, Kuala Kangsar, Larut,

<sup>188</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, “Pengenalan,” dicapai 30 Januari 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/pengenalan>.

<sup>189</sup> Perak State Development Corporation, “State Profile,” *pknp-perak*, dicapai 30 Januari 2012, [http://www.pknp-perak.gov.my/index.php?ch=pinfo&pg=pinfo\\_bground&catid=56](http://www.pknp-perak.gov.my/index.php?ch=pinfo&pg=pinfo_bground&catid=56).

<sup>190</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, “Pengenalan,” dicapai 30 Januari 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/pengenalan>.

<sup>191</sup> InvestPerak Malaysia, “Demographic,” *investperak*, dicapai 2 Februari 2012, <http://www.investperak.gov.my/Demographic.html>.

Matang dan Selama, Kerian, Manjung, Hilir Perak, Perak Tengah dan Hulu Perak. Manakala bandar-bandar utama pula adalah Ipoh, Kuala Kangsar, Taiping, Batu Gajah, Teluk Intan dan Kampar.<sup>192</sup> Perak juga turut mempunyai lapan ratus buah kampung dan lima belas buah Kerajaan Tempatan.<sup>193</sup> Pada masa kini, penduduk Negeri Perak dianggarkan berjumlah lebih kurang dua juta orang. Pada tahun 1995, penduduk Melayu adalah seramai 962200 orang atau 45 peratus, penduduk Cina pula adalah seramai 732500 orang atau 41 peratus manakala penduduk India pula adalah seramai 281700 orang atau 14 peratus.<sup>194</sup>

### **3.1.1 LATAR BELAKANG KUALA KANGSAR**

Nama asal Kuala Kangsar adalah dipercayai telah diberi oleh peneroka pada masa itu ketika mereka datang melalui Sungai Perak dengan tujuan untuk membuka tempat baru. Semasa di dalam perjalanan, mereka telah singgah di suatu anak sungai iaitu di tebing kiri Sungai Perak. Kebetulan mengikut kiraan mereka, kuala sungai ini ialah yang ke seratus kurang satu atau dikenali juga sebagai 'Kuala Kurang Sa'. Kemudiannya, sebutan nama ini telah bertukar pula kepada Kuala Kangsar sahaja seperti yang terdapat pada masa kini. Di samping itu, mereka juga turut berinteraksi dengan penduduk pribumi pada masa itu sehingga menjadi orang Perak seperti yang ada sekarang.<sup>195</sup>

Selain itu, Kuala Kangsar juga merupakan sebuah lokasi dan tempat yang sangat baik. Ini disebabkan peranannya yang bukan sahaja sesuai sebagai tempat untuk mendarat

---

<sup>192</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, "Pengenalan," dicapai 30 Januari 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/pengenalan>.

<sup>193</sup> InvestPerak Malaysia, "Demographic," *investperak*, dicapai 2 Februari 2012, <http://www.investperak.gov.my/Demographic.html>.

<sup>194</sup> Perak State Development Corporation, "State Profile," *pknp-perak*, dicapai 30 Januari 2012, [http://www.pknp-perak.gov.my/index.php?ch=pinfo&pg=pinfo\\_bgroun&catid=56](http://www.pknp-perak.gov.my/index.php?ch=pinfo&pg=pinfo_bgroun&catid=56).

<sup>195</sup> Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, "Latar Belakang Kuala Kangsar," *mpkkpk*, dicapai 30 Januari 2012, <http://www.mpkkpk.gov.my/latarbelakangjsessionid=BA7B4A8857AF0699EED204404C56CDA4>.

sampan tetapi juga sangat sesuai untuk dijadikan penempatan, tempat bercucuk tanam dan juga sebagai pusat perniagaan. Di samping itu, seseorang juga boleh meneruskan perjalanannya dengan menyusuri sungai sehingga terlihat Gunung Pondok yang menjadi panduan kepada orang yang mahu menuju ke daerah Larut atau yang datang dari daerah tersebut. Berdasarkan kepada keistimewaan ini, boleh disimpulkan bahawa Kuala Kangsar dan kawasan di sekelilingnya telah diduduki oleh penduduk sejak berabad-abad lamanya.<sup>196</sup>

Kuala Kangsar juga mempunyai beberapa tempat bersejarah yang menjadi mercu tanda di Negeri Perak. Antaranya adalah Masjid Ubudiah yang merupakan masjid terindah di negeri ini yang terletak di sebelah kawasan permakaman Di Raja Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Masjid ini telah dibina berdasarkankehendak Sultan Idris Murshidul Azam Shah iaitu Sultan Perak yang kedua puluh lapan (1887-1916) kerana mahu menunaikan nazar baginda. Kerajaan Negeri Perak kemudiannya telah mengarahkan Colonel Huxley dari Pejabat Kerja Raya di Kuala Lumpur supaya merangka sebuah pelan masjid yang hendak didirikan itu. Tugas membuat pelan reka bentuknya telah diserahkan kepada Hubbeck yang merupakan seorang arkitek kerajaan. Manakala tugas melaksanakan pembinaan masjid itu pula telah diserahkan kepada Caufield yang merupakan ketua jurutera kerajaan Negeri Perak pada masa itu. Pada 26 September 1913 iaitu pada hari Jumaat, Sultan Idris Murshidul Azam Shah telah meletakkan batu asas masjid tersebut. Walau bagaimanapun, pembinaan masjid tersebut telah tertangguh selama beberapa tahun kerana kerosakan ketul-ketul marmar di tempat simpanannya yang telah dipijak oleh dua ekor gajah kepunyaan Sultan Idris dan Raja Chulan. Kemudiannya, batu marmar baru yang telah dipesan dari Itali pula telah tertangguh akibat tercetusnya Perang Dunia Pertama. Akhirnya pada tahun

---

<sup>196</sup> *Ibid.*

1917, masjid yang terindah di Negeri Perak ini telah dibuka dengan rasminya oleh Sultan Abdul Jalil Nasaruddin Shah iaitu Sultan Perak yang menggantikan Sultan Idris yang mangkat pada tahun 1916. Kos perbelanjaan pembinaan Masjid Ubudiah ketika itu dianggarkan berjumlah dua ratus ribu ringgit Malaysia.<sup>197</sup>

Bandar ini juga mempunyai Menara Pavilion yang asalnya menjadi tempat istirehat Sultan Iskandar Shah yang telah memerintah Negeri Perak dari tahun 1918 sehingga 1938 iaitu selepas baginda bermain polo. Bangunan ini telah dibina pada tahun 1920 dan arkiteknya ialah N.E.Don B.C.D.. Pada masa kini, menara Pavilion ini tidak lagi digunakan dan telah dijadikan sebagai salah satu daripada tempat tarikan pelancong yang berkunjung ke Bandar Di Raja Kuala Kangsar.<sup>198</sup> Di samping itu, Kuala Kangsar juga mempunyai Jambatan Victoria atau disebut juga sebagai Jambatan Enggor kerana kedudukannya adalah terletak di kawasan Enggor, Kuala Kangsar. Jambatan kereta api ini yang merentangi Sungai Perak telah dibina pada tahun 1897 sehingga 1900 oleh Sultan Idris Murshidul Azam Shah. Jurutera yang bertanggungjawab terhadap pembinaan jambatan ini ialah G.W Fryer, Divisional Engineer dan C.R Hanson. Dalam tahun 1910, jambatan ini telah digunakan sepenuhnya untuk laluan kereta api dari Perai ke Johor Bahru.<sup>199</sup>

Selain itu, di Kuala Kangsar juga terkenal dengan Istana Kenangan yang terletak berhampiran dengan istana rasmi Sultan Perak iaitu Istana Iskandariah. Istana ini juga dikenali sebagai Istana Lembah atau disebut juga sebagai Istana Tepas. Keistimewaan istana ini kerana keseluruhan strukturnya dibina daripada kayu. Pembinaannya telah dirancang pada tahun 1926 dan siap sepenuhnya pada tahun 1931 oleh Haji Suffian dan anak-anaknya yang berasal dari Seberang Perai. Istana ini pada asalnya pernah diduduki

<sup>197</sup> Ibid., “Masjid Ubudiah,” mpkkpk, dicapai 7 April 2012, <http://www.mpkkpk.gov.my/masjidubudiah>.

<sup>198</sup> Ibid., “Menara Pavilion,” mpkkpk, dicapai 7 April 2012, <http://www.mpkkpk.gov.my/pavilion>.

<sup>199</sup> Ibid., “Jambatan Victoria,” mpkkpk, dicapai 7 April 2012, <http://www.mpkkpk.gov.my/victoria>.

oleh Sultan Iskandar Shah iaitu Sultan Perak yang ketiga puluh (1918-1938). Nama Istana Kenangan ini mula digunakan pada tahun 1960-an, iaitu selepas diperbaiki semula dengan usaha Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang merupakan bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Pada 16 November 1986, istana ini dengan rasminya telah dijadikan sebagai Muzium Di Raja Perak sehingga ke hari ini.<sup>200</sup> Di samping itu, di bandar ini juga terdapat Pokok Getah Tertua di Malaysia yang terletak berhampiran dengan Pejabat Daerah Kuala Kangsar. Pokok ini merupakan satu-satunya pokok getah yang masih hidup sehingga kini daripada sembilan pokok getah asal yang telah ditanam oleh H.N.Ridley iaitu orang yang bertanggungjawab menjadikan Kuala Kangsar sebagai daerah industri getah yang pertama dan akhirnya menjadi sumber pendapatan penting bagi Malaysia.<sup>201</sup>

### **3.1.2 LATAR BELAKANG TAIPING**

Pada asalnya, Taiping telah dikenali sebagai Kelian Pauh.<sup>202</sup> Bandar yang pada mulanya hanya terdapat beberapa penempatan orang Melayu yang kemudiannya telah menarik perhatian ramai orang asing ke situ. Ini disebabkan penemuan sumber bijih timah yang banyak di kawasan tersebut. Peristiwa ini berlaku berikutan gajah Long Jaafar yang bernama “Larut” telah dijumpai dan didapati berlumuran lumpur yang mengandungi bijih timah. Bersempena dengan nama gajah tersebut, daerah itu dinamakan Larut.<sup>203</sup> Sepertimana yang diketahui, kemudiannya Long Jaafar telah membuka lombong bijih timah di daerah tersebut. Menurut catatan-catatan yang sedia ada, bijih timah buat pertama

<sup>200</sup> *Ibid.*, “Istana Kenangan,” *mpkkpk*, dicapai 7 April 2012, <http://www.mpkkpk.gov.my/kenangan>.

<sup>201</sup> *Ibid.*, “Pokok Getah Tertua,” *mpkkpk*, dicapai 7 April 2012, <http://www.mpkkpk.gov.my/getah>.

<sup>202</sup> Khoo Kay Kim, *Taiping:Ibukota Perak* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1981), 8.

<sup>203</sup> Portal Rasmi Majlis Perbandaran Taiping, “LatarBelakang Taiping,” *mptaiping*, dicapai 30 Januari 2012, <http://www.mptaiping.gov.my/web/guest/latarbelakang>.

kalinya telah dieksport dari daerah ini pada tahun 1844. Sebelum itu, bijih timah lebih banyak diusahakan di kawasan Hilir Perak dan Bidor.<sup>204</sup>

Namun selepas berakhirnya kekacauan atau perang yang telah berlaku di Larut, nama Kelian Pauh ini pula telah ditukar oleh pihak British kepada nama Taiping yang bererti “Kedamaian Luhur” iaitu setelah menandatangani Perjanjian Pangkor pada bulan Januari 1874. Penukaran nama ini telah dilakukan setelah pihak British melaksanakan penyusunan semula pentadbiran di Larut dengan tugas tersebut diserahkan kepada Kapten Speedy yang dilantik sebagai Penolong Residen pada masa itu. Sejak tamatnya Perang Larut, kegiatan ekonomi di Larut berkembang semula. Maka selepas berlakunya pembunuhan Residen British yang pertama di Perak iaitu J.W.W. Birch, Taiping telah dipilih sebagai pusat pentadbiran atau ibukota bagi Negeri Perak.<sup>205</sup>

Pada pertengahan tahun 1870-an pula, Taiping telah muncul sebagai sebuah bandar yang semakin sibuk.<sup>206</sup> Terdapat beberapa sebab yang menjadikan Taiping sebagai sebuah bandar yang utama di negeri-negeri Melayu sehingga lebih kurang akhir kurun ke-19. Pertamanya ialah Taiping merupakan pusat perlombongan dan pentadbiran. Ini menyebabkan pembangunan lebih awal telah berlaku di bandar ini berbanding dengan bandar-bandar yang lain seperti di Kuala Lumpur. Keduanya pula adalah disebabkan Taiping merupakan bandar yang menjadi permulaan perkhidmatan keretapi. Ini memudahkan orang asing terutamanya yang berkerja dengan keretapi datang ke sana seperti orang Selon dan Eropah. Ketiganya pula disebabkan Taiping merupakan pusat pentadbiran yang terpenting kerana telah ditempatkan pegawai-pegawai Inggeris yang

<sup>204</sup> Khoo Kay Kim, *Taiping:Ibukota Perak*, 1.

<sup>205</sup> *Ibid.*, 8.

<sup>206</sup> *Ibid.*

lebih kanan pada masa itu. Di samping itu, beberapa pertubuhan sukarela untuk beberapa golongan etnik telah ditubuhkan buat pertama kali di Taiping.<sup>207</sup>

Namun begitu, Taiping telah mula kehilangan kepentingannya menjelang kurun ke-20. Pengeluaran bijih timah telah merosot pada tahun 1890-an. Di samping itu, penemuan banyak bijih timah di kawasan Kinta. Oleh sebab itu, ramai penduduknya khususnya orang Cina telah berhijrah ke Ipoh.<sup>208</sup> Walaupun Taiping tidak sepenting atau maju seperti dahulu, namun sekarang ini ia tetap masih unggul dengan ciri-ciri sejarahnya sehingga dikenali sebagai Bandar Warisan. Selain itu, Taiping juga merupakan bandar yang kedua besar selepas Bandaraya Ipoh dan juga merupakan salah satu daripada bandar yang tertua di Malaysia. Sebagai pengetahuan, Majlis Perbandaran Taiping terletak dalam Daerah Larut Matang yang mengandungi 12 mukim iaitu Assam Kumbang, Jebong, Tupai, Bandar Taiping, Pengkalan Aur, Simpang, Sungai Limau, Bukit Gantang, Trong, Sungai Tinggi, Batu Kurau dan Kamunting.<sup>209</sup>

### **3.1.3 LATAR BELAKANG IPOH**

Nama Ipoh dipercayai berasal daripada nama pokok Upas. Masyarakat Cina telah menggelar pokok tersebut sebagai “Ipoh” atau “Paluh” manakala orang Inggeris telah menyebutnya dengan nama “Epu”. Pada asalnya, Ipoh hanyalah menjadi tempat tumpuan untuk persinggahan dan melakukan aktiviti perniagaan bagi daerah-daerah di sekelilingnya. Selepas tahun 1874, perkembangan daerah Kinta berlaku dengan lembab. Antara punca utamanya adalah disebabkan oleh masalah perhubungan melalui Sungai

---

<sup>207</sup> *Ibid.*, 14.

<sup>208</sup> *Ibid.*, 18.

<sup>209</sup> Portal Rasmi Majlis Perbandaran Taiping, “LatarBelakang Taiping,” *mpttaiping*, dicapai 30 Januari 2012, <http://www.mpttaiping.gov.my/web/guest/latarbelakang>.

Kinta. Kenderaan seperti sampan, gajah dan kereta lembu memakan masa yang lama. Dalam tahun 1884, jalan raya telah dibina bagi menghubungkan kawasan perkampungan Gopeng dengan pelabuhannya di Kota Bharu. Seterusnya jalan tersebut juga telah menghubungkan kawasan perlombongan Papan dengan Batu Gajah.<sup>210</sup>

Pada tahun 1895, Ipoh telah menjadi bandar yang terbesar di Negeri Perak dan kedua besarnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pada masa itu, perhubungan jalan raya di antara Ipoh dengan tempat-tempat lain di Lembah Kinta juga telah diperbaiki. Di samping itu, jambatan kayu yang menyeberangi Sungai Kinta juga telah diganti dengan jambatan besi pada tahun 1900. Oleh sebab itu, pada tahun 1980-an telah menjadikan Sungai Kinta sebagai perhubungan utama di antara Ipoh dengan kawasan-kawasan lain sama ada di dalam atau di luar Negeri Perak. Dalam bidang pelajaran pula, Sekolah Menengah Rendah Inggeris yang pertama telah dibina di daerah Kinta dalam tahun 1895 dan dikenali juga sebagai Anglo Chinese Boys, Ipoh. Pada 31 Mei 1962 pula, Ipoh telah dinaikkan ke taraf perbandaran dan telah dikenali sebagai Majlis Perbandaran Ipoh yang dipengerusikan oleh E.G Walker.<sup>211</sup>

Pada 27 Mei 1988, Ipoh akhirnya telah diisyiharkan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan sebagai bandaraya yang juga merupakan Ibu Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis Perbandaran Ipoh pula telah dikenali sebagai Majlis Bandaraya Ipoh dan ketua eksekutifnya bergelar Datuk Bandar. Sebagai Ibu Negeri Perak, Ipoh telah menjadi pusat pentadbiran, perdagangan, sukan, kebudayaan, kewangan, politik, keagamaan dan juga pendidikan.<sup>212</sup>

---

<sup>210</sup> Portal Rasmi Majlis Bandaraya Ipoh, “LatarBelakang Ipoh,” *mbi*, dicapai 30 Januari 2012, <http://www.mbi.gov.my/web/guest/latarbelakangmbi>.

<sup>211</sup> *Ibid.*

<sup>212</sup> *Ibid.*

## **3.2 SEJARAH PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DAN PERNIAGAAN TEKSTIL DI PERAK**

Perak yang terletak dalam Semenanjung Malaysia merupakan salah sebuah negeri yang pesat membangun di dalam sektor perindustrian.<sup>213</sup> Di samping itu, Perak yang berada di bahagian Malaysia Barat juga menunjukkan perkembangan yang baik di dalam bidang perniagaan.<sup>214</sup> Antara sektor perindustrian atau perniagaan yang terdapat di negeri ini adalah perusahaan tekstil seperti yang wujud di Ipoh, Kemunting dan Kuala Kangsar. Manakala antara syarikat yang mula-mula melibatkan diri mereka di dalam perusahaan jenis ini dan masih menjalankan operasi mereka sehingga ke hari ini adalah Perak Textile Sdn Bhd yang telah ditubuhkan di dalam Daerah Kuala Kangsar juga.<sup>215</sup>

Sebagaimana yang diketahui, sejarah Negeri Perak telah bermula sejak tahun 1528 lagi iaitu selepas penabalan Sultan Muzaffar Syah I yang berketurunan Sultan Mahmud Syah daripada Kesultanan Melayu Melaka.<sup>216</sup> Jika diperhatikan sejarah panjang Negeri Perak yang bermula daripada tempoh kewujudannya sehinggalah sekarang ini telah membuktikan bahawa Negeri Perak semestinya mempunyai hasil warisannya yang tersendiri khususnya dalam penghasilan seni tekstilnya. Antara seni jenis ini yang terdapat di dalam Negeri Perak adalah seni tekat.<sup>217</sup>

Seni tekat seperitimana yang dimaklumi adalah termasuk dalam jenis tekstil yang dihasilkan dengan cara menyulam benang emas ke atas kain dasar jenis baldu. Tekat menekat ini disebut juga sebagai 'sulaman timbul' atau 'suji timbul'. Asal-usul penciptaan

---

<sup>213</sup> Perbadanan Kemajuan Negeri, "Perindustrian" (kertas kerja, Seminar Ekonomi Bumiputra Negeri Perak, 1975), 48-53.

<sup>214</sup> MARA Negeri, "Perniagaan" (kertas kerja, Seminar Ekonomi Bumiputra Negeri Perak, 1975), 65.

<sup>215</sup> Perbadanan Kemajuan Negeri, "Perindustrian", 52-53.

<sup>216</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak, "Sejarah Ringkas Negeri Perak," dicapai 30 Januari 2012, <http://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/info-perak/sejarah-perak/sejarah-ringkas-negeri-perak>.

<sup>217</sup> Warisan Budaya Malaysia : Seni Halus – Perpustakaan Negara Malaysia, "Tekat," *malaysiana pnm*, dicapai 14 Mac 2012, <http://malaysiana.pnm.my/04/0409tekat.htm>.

dan penggunaan tekstil tekat dianggarkan sama dengan penggunaan tekstil songket berdasarkan kepada bahan asasnya iaitu benang emas, kain baldu dan juga rupa bentuk ciptaannya. Penciptaan seni ini mempunyai beberapa motif yang tertentu iaitu motif tumbuh-tumbuhan dan motif geometri. Manakala rupa bentuknya pula terbahagi kepada dua jenis iaitu dua dimensi dan tiga dimensi. Rupa bentuk dua dimensi adalah seperti tikar, kipas, penyangkut kelambu, selempang dan tetampan atau lapik dulang. Rupa bentuk tiga dimensi pula adalah seperti tepak sirih, sarung bantal, kusyen, kasut dan tudung saji. Tudung saji misalnya dibentuk tiga segi atau dalam bentuk kon yang berongga. Bahagian yang dihias pula ialah bahagian luar iaitu dari puncak hingga ke tapaknya. Acuannya dibuat daripada daun nipah atau rumbia yang diikat dengan rotan atau buluh.<sup>218</sup>

Berkenaan dengan proses pembuatannya pula, bahan asas penting untuk mencipta tekat ialah benang emas, benang putih dan kain dasar dari jenis kain baldu. Di samping itu, terdapat juga bahan daripada rotan sega, kertas tebal dan kanji atau disebut juga sebagai gam yang digunakan untuk mempulur. Penggunaan mempulur akan menjadikan bentuk sulaman tersebut kelihatan timbul. Proses pertama untuk menghasilkan seni tekat adalah dengan membentuk empulur. Bentuk motif dilukis di atas beberapa helai kertas yang dilekat secara bertindih antara enam hingga lapan helai. Kemudiannya bentuk motif ini dipotong dan diasangkan. Lebar setiap batang mempulur kertas dibuat antara 0.5 cm dan 0.25 cm. Mempulur daripada kertas digunakan untuk membentuk motif tumbuhan dengan gaya organik. Corak yang terhasil daripada mempulur rotan sega adalah bercorak banji atau kisi-kisi dan bercorak dangai atau catur.<sup>219</sup>

Selepas itu, kain dasar yang tebal tetapi lembut daripada jenis baldu yang berbulu halus dan berkilat ditegangkan pada pemidang kayu. Kain baldu yang biasa digunakan

---

<sup>218</sup> *Ibid.*

<sup>219</sup> *Ibid.*

adalah daripada warna gelap seperti merah pulasan, merah tua, ungu, hijau tua dan hitam. Pemidang kayu pula ada dua jenis iaitu pemidang berkaki dan tanpa kaki. Ukuran pemidang adalah bergantung kepada reka bentuk yang diingini. Baldu yang ditegangkan pada pemidang pula perlu disambungkan dengan kain putih yang diikatkan ke bingkai pemidang. Ini akan menyebabkan kain baldu tersebut akan menjadi lebih tegang.<sup>220</sup>

Kemudiannya, benang emas akan ditindih dan diikat jahit oleh benang putih melalui jarum yang sederhana matanya. Ukuran jarum akan menentukan ikatan supaya tidak meninggalkan kesan lubang pada kain dasar. Jarum pula akan dicucuk agak ke dalam daripada bawah batang mempulse. Ikatan benang putih mestilah ketat dan kukuh. Setiap kali merentaskan benang-benang emas haruslah disusun rapat-rapat supaya batang mempulse tidak kelihatan dari atas. Dengan ini sulaman akan kelihatan lebih teratur dan kemas. Tekatan akan dibuat sehingga seluruh bentuk mempulse tertutup oleh sulaman. Pada bahagian cantuman benang atau pada ruang yang tertinggal kosong pula akan ditutup dengan kertas emas atau labuci.<sup>221</sup>

Berkaitan dengan penggunaannya pula, pada asalnya hasil ciptaan seni ini hanyalah digunakan oleh pihak istana. Beberapa rupa bentuknya telah dicipta dengan tujuan sebagai bahan atau alat sehari-hari yang juga digunakan sebagai pakaian rasmi sultan. Namun begitu, seni tekat ini telah berkembang kepada masyarakat luar istana dan dijadikan sebagai kraftangan sambilan. Malahan disebabkan hasil kerjanya yang harus dilakukan secara berhati-hati dan memakan waktu yang lama untuk menyiapkannya, maka ia dibuat secara beransur-ansur apabila diperlukan. Misalnya bagi gadis-gadis yang telah bertunang, mereka akan menyediakan alat-alat perkahwinannya sendiri dengan tekat secara

---

<sup>220</sup> *Ibid.*

<sup>221</sup> *Ibid.*

berperingkat-peringkat sebagai hiasan pelamin, sarung bantal, alas tempat tidur, kipas, kasut dan sebagainya.<sup>222</sup>

Walau bagaimanapun, seni tekat masih terbatas fungsi penggunaannya. Ia hanya digunakan untuk istiadat dan upacara tertentu sahaja seperti kelengkapan perkahwinan, upacara peminangan, kelahiran, berkhatan, berkhatam al-Quran dan seumpamanya. Bagi kerabat diraja, seni tekat merupakan pakaian kebesaran dan hiasan sehari-hari. Manakala penggunaannya dalam kalangan masyarakat biasa pula agak terbatas kerana bahan asasnya merupakan bahan mewah. Penciptaan juga memerlukan tempoh masa yang lama dan hasilnya pula yang dekoratif serta indah memerlukan penjagaan yang rapi oleh penggunanya.<sup>223</sup>

Pada masa kini, penyertaan umat Islam di dalam perniagaan tekstil di Negeri Perak menunjukkan perkembangan yang baik misalnya syarikat Mawar Cahaya Seni Tekat Enterprise yang telah diasaskan oleh Azizah Mohamad Yusuf sejak tahun 1995 di pekan Kuala Kangsar telah menghasilkan keuntungan yang lumayan di samping berjaya menarik minat para pelancong asing dari pelbagai negara seperti Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Perancis, London (Britain), Jepun, Brunei, Thailand, Arab Saudi, Indonesia, Singapura, Taiwan, Hong Kong dan China.<sup>224</sup> Tambahan lagi, galakan secara berterusan dan penyediaan kemudahan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan dan swasta juga telah mendorong umat Islam khususnya bumiputra untuk terlibat di dalam bidang perniagaan ini.<sup>225</sup>

---

<sup>222</sup> *Ibid.*

<sup>223</sup> *Ibid.*

<sup>224</sup> The Portal Perak Today, “Tekat Benang Emas: Kraftangan Warisan Perak,” *perak today*, dicapai 14 Mac 2012, <http://peraktoday.com/wp/?p=20122>.

<sup>225</sup> MARA Negeri, “Perniagaan”, 65.

### **3.3 SEJARAH SYARIKAT-SYARIKAT TEKSTIL DI PERAK**

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa syarikat yang telah dipilih oleh penulis sebagai bahan untuk kajian ini. Oleh sebab itu, penulis akan menghuraikan terlebih dahulu mengenai sejarah syarikat-syarikat ini sebagai pengetahuan yang boleh dibahagikan kepada dua kategori perniagaan iaitu perniagaan perkongsian dan milikan tunggal. Ini disebabkan berdasarkan kepada pemerhatian penulis, hanya dua bentuk perniagaan ini yang sering diamalkan oleh para peniaga tekstil di Negeri Perak sepetimana berikut :

#### **3.3.1 SYARIKAT PERKONGSIAN**

Di bawah ini, dihuraikan mengenai sejarah penubuhan beberapa syarikat tekstil yang terdiri dalam kategori syarikat jenis ini. Antara syarikat-syarikat berkenaan adalah sepetimana berikut :

##### **(1) Syarikat M. Salim Sdn Bhd<sup>226</sup>**

Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 1961 iaitu lebih kurang lima puluh satu tahun dari tempoh penubuhannya sehingga sekarang. Pada asalnya, nama syarikat ini adalah Tegas Saujana Sdn Bhd yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 7 Julai 1989 sebelum ditukar namanya kepada Syarikat M. Salim Sdn Bhd pada 4 April 1990 seperti yang terdapat pada hari ini. Walaupun syarikat ini adalah sebuah syarikat persendirian tetapi ia juga merupakan sebuah syarikat berhad menurut syer. Pada

---

<sup>226</sup> Sultan Abdul Khade Bin Shaik Mohamad (Pengarah Syarikat M. Salim Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 8 Ogos 2012.

mulanya syarikat ini telah ditubuhkan di tepi sungai Kuala Kangsar kemudian ke Bazar Kuala Kangsar sebelum berpindah ke alamat terkini iaitu di Jalan Kangsar yang terletak di dalam daerah Kuala Kangsar, Perak. Berkenaan dengan jenis barang yang diperniagakan pula adalah terdiri daripada karpet, langsir, pakaian yang kebanyakannya adalah keperluan wanita seperti kain songket dan batik. Pada masa kini, terdapat lima buah cawangan syarikat ini iaitu sebuah di Johor dan sebuah lagi di Kepala Batas Pulau Pinang manakala tiga buah lagi terletak di daerah Kuala Kangsar juga.

## (2) **Mohd Haniff Bersaudara**<sup>227</sup>

Syarikat ini juga mempunyai sebuah lagi syarikat yang dikenali sebagai Farzanah Haniff Carpets yang telah beroperasi sejak tahun 1950-an. Nama asal syarikat ini adalah Mohd Syariff Bersaudara iaitu sempena nama bapa saudara pemilik syarikat tersebut sebelum ditukar kepada nama syarikat yang terdapat pada hari ini. Pada tahun 1964, pemilik syarikat ini serta keluarganya telah berjaya mengembangkan lagi perniagaan mereka dengan membeli sebuah kedai untuk dijadikan sebagai tapak perniagaan mereka di tengah bandar Taiping. Ini semua adalah hasil usaha gigih mereka selama ini apabila mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Pada masa kini, terdapat tiga buah cawangan iaitu di Kamunting, di Jalan Taming Sari Taiping serta di Seremban Negeri Sembilan. Berkenaan dengan barang yang diperniagakan pula adalah terdiri daripada karpet, kain-kain seperti kain pelekat, batik dan sebagainya.

---

<sup>227</sup> Farzanah Perween Bt Mohd Haniff (Pengarah Mohd Haniff Bersaudara Dan Farzanah Haniff Carpets), dalam temubual dengan penulis, 16 September 2012.

### (3) Shukeri Enterprise<sup>228</sup>

Syarikat Shukeri Enterprise ini telah ditubuhkan sejak lima belas tahun yang lepas iaitu dalam lingkungan tahun 1997 sehingga kini di Bangunan Megoplex, Ipoh. Nama syarikat ini telah diambil sempena nama pemiliknya sendiri iaitu Encik Mohd Shukeri Jamil. Pada asalnya, syarikat ini hanya menumpukan kepada penjualan pakaian lelaki sahaja. Setelah perniagaan ini semakin berkembang, beliau telah menambahkan lagi barang jualannya yang memfokuskan pakaian-pakaian wanita pula. Di samping itu, syarikat beliau juga turut menerima tempahan untuk menjahit pakaian-pakaian sekolah serta baju-baju raya. Selain itu, pemilik syarikat ini juga dalam perancangan untuk meluaskan perniagaannya dalam bidang sulaman pula dengan nama cawangannya iaitu Shukeri Embroidery.

Barang yang diperniagakan pula adalah terdiri daripada baju melayu, kain pelekat, pakaian wanita, baju kurung, tudung, kain ela, pakaian ibadah dan pakaian sekolah. Beliau juga turut membuka mini cawangan dalam bentuk kiosk yang hanya menumpukan kepada penjualan aksesori wanita sahaja. Selain itu, beliau juga sering mengadakan promosi perniagaan di Greentown Mall, Ipoh untuk menarik kedatangan pelanggan ke kedai beliau. Ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan lagi syarikat beliau kepada para pengunjung yang datang ke pusat beli-belah berkenaan.

---

<sup>228</sup> Faradillah Binti Mohd Shukeri Jamil (Penolong Pengurus Shukeri Enterprise), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2012.

#### (4) **Butik Pesona Indah<sup>229</sup>**

Menurut pemilik Butik Pesona Indah, Encik Imran Bin Yusuf, syarikat beliau ini pada asalnya telah beroperasi di Johor Bahru sejak tahun 1990-an lagi. Pada masa itu, beliau hanya menjalankan perniagaan ini secara kecil-kecilan seperti di pasar malam dan ekspo dengan tujuan untuk mengumpul modal terlebih dahulu. Setelah itu, beliau telah memindahkan perniagaan tersebut pula ke Ipoh iaitu berdekatan Greentown Mall dengan menyewa sebuah kedai yang lebih besar dan luas. Pada masa yang sama, beliau juga turut membuka cawangan perniagaan beliau di bandar Kuala Kangsar dengan dibantu oleh isteri beliau sendiri.

Mengenai barang yang dijual pula, beliau turut menghasilkan sendiri pakaian tersebut melalui kilang beliau yang beroperasi di Vietnam yang diuruskan oleh rakan kongsi beliau di sana. Antara pakaian tersebut adalah tudung-tudung, blaus, jubah, sejadah, baju batik, baju melayu dan lain-lain lagi. Selain itu, beliau juga turut bercadang untuk membuka semula cawangan beliau di Johor Bahru serta untuk menjalankan perniagaan dalam bentuk borong pula.

#### **3.3.2 SYARIKAT MILIKAN TUNGGAL**

Di bawah ini pula, dihuraikan tentang sejarah penubuhan beberapa syarikat tekstil yang terdiri dalam kategori syarikat jenis ini. Antara syarikat-syarikat berkenaan adalah sepetimana berikut :

---

<sup>229</sup> Imran Bin Yusuf (Pengarah Butik Pesona Indah), dalam temubual dengan penulis, 11 Oktober 2012.

## (1) Syarikat Gesamas Sdn Bhd

Syarikat ini telah diasaskan oleh Hajjah Azizah Mohamad Yusuf dengan bantuan dua orang anaknya, En. Haris B Abu Kassim dan Puan Mardziah Bt Abu Kassim yang merangkap sebagai pengarah urusan syarikat ini.<sup>230</sup>

Pada asalnya, nama syarikat ini adalah Mawar Cahaya Seni Tekat Enterprise yang telah ditubuhkan pada tahun 1995. Bermodalkan RM15,000, perusahaan itu memulakan operasi mereka di kedai yang terletak di Pekan Kuala Kangsar. Antara hasil sulaman tekat benang emas yang dihasilkan ialah sarung bantal, cadar, alas meja, kusyen, lambang-lambang negeri, lapik peralatan pelamin, langsir serta pelapik hantaran pertunangan dan perkahwinan. Menurut Puan Mardziah, tempahan yang semakin meningkat telah menyebabkannya terpaksa membeli sebuah mesin jahit sulam serta menggunakan bantuan pekerja separuh masa. Meskipun menggunakan mesin jahit tekat, hasil kerja tangan masih tetap diutamakan kerana ia lebih berkualiti dan halus. Selain itu, syarikat ini juga menggunakan benang emas berkualiti yang diimport dari Jerman. Dua tahun selepas itu, barulah syarikat Mawar Cahaya Seni Tekat Enterprise ditukar namanya kepada Syarikat Gesaman Sdn Bhd dengan kapasiti pengeluaran yang lebih besar. Di samping itu, syarikat ini juga mempunyai sebuah bengkel yang dilengkapi dengan mesin-mesin jahit pelbagai fungsi di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.<sup>231</sup> Pada masa kini, Hajjah Azizah dan anaknya sering menjadi tempat rujukan oleh para pelajar dari institusi pengajian tinggi serta peminat hasil seni tekat ini sama ada yang datang dari dalam atau luar negara.<sup>232</sup>

<sup>230</sup> Azizah Bt Mohd Yusof (Pengarah Syarikat Gesamas Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 25 Julai 2012.

<sup>231</sup> The Portal Perak Today, dicapai 14 Mac 2012, <http://peraktoday.com/wp/?p=20122>.

<sup>232</sup> Azizah Bt Mohd Yusof (Pengarah Syarikat Gesamas Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 25 Julai 2012.

## (2) Syarikat Ain Hias<sup>233</sup>

Syarikat ini pula telah memulakan perniagaannya pada tarikh 12 Mac 2002 sehingga sekarang. Pada asalnya, syarikat ini hanya menjalankan operasinya secara kecil-kecilan dengan menyewa di bangunan Arked Mara selama lebih kurang tiga tahun. Sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan telah mendorong pemiliknya untuk mengembangkan perniagaannya ke tempat yang lebih strategik iaitu di Jalan Bendahara Kuala Kangsar yang sekarang ini merupakan kedai beliau sendiri setelah menyewanya lebih kurang lima tahun.

Berkenaan dengan barang yang diperniagakan pula, beliau telah mengusahakan jahitan langsir, hiasan dalaman rumah serta menjual cadar-cadar. Di samping itu, beliau juga sering menerima tempahan atau kontrak daripada sektor kerajaan untuk melakukan hiasan di dalam pejabat atau jabatan kerajaan.

## (3) Afshar Textile<sup>234</sup>

Nama syarikat ini telah diambil berdasarkan nama pemilik syarikat ini iaitu Encik Afshar Bin Amir. Pada asalnya, syarikat ini telah ditubuhkan di negeri Sabah pada tahun 1988 oleh bapa beliau. Kemudiannya pada tahun 1998, beliau telah memindahkan perniagaan ini ke Negeri Perak iaitu di tengah bandar Taiping kerana bapa beliau telah pulang ke negara asalnya, Pakistan.

Berkenaan dengan barang yang diperniagakan pula, beliau lebih banyak menumpukan kepada perniagaan permaidani walaupun sebelum ini beliau turut juga

---

<sup>233</sup> Nooraini Binti Abu Hassan (Pengurus Syarikat Ain Hias), dalam temubual dengan penulis, 8 September 2012.

<sup>234</sup> Afshar Bin Amir (Pengarah Afshar Textile), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

menjual kain-kain. Menurut beliau, pada masa kini terdapat dua buah cawangan yang telah ditubuhkan iaitu sebuah di Nilai, Negeri Sembilan, manakala sebuah lagi di Jalan Taming Sari Taiping, Perak, seperti mana yang terdapat pada hari ini.

**(4) FR Zaini Collection<sup>235</sup>**

Nama pemilik atau pengasas syarikat ini adalah Encik Zaini Bin Johari yang juga merupakan pengarah kepada syarikat FR Zaini Collection. Menurut beliau, syarikat ini telah ditubuhkan sejak tahun 1998 lagi yang dijalankan secara sederhana pada awalnya di sebuah kedai yang disewa oleh beliau di Bandar Taiping. Setelah perniagaan beliau semakin berkembang, beliau telah mengambil inisiatif untuk membuat pinjaman bank dengan tujuan untuk memindahkan perniagaan tersebut ke sebuah premis yang lebih besar yang telah dibeli oleh beliau sejak tahun 2004. Sebelum ini, barang perniagaan beliau hanyalah melibatkan penjualan tudung-tudung muslimah sahaja. Kemudiannya, beliau telah mengembang dan menambahkan lagi stok perniagaannya seperti menjual jubah-jubah, pakaian-pakaian wanita serta lelaki termasuklah songkok dan kopiah.

**(5) Syarikat A & A Carpets<sup>236</sup>**

Syarikat ini telah ditubuhkan sejak tahun 1948 oleh bapa kepada pemilik syarikat ini, Encik Abdul Kayum Khan, sebelum diambil alih oleh anak beliau sendiri iaitu Dato' Abdul Aziz Khan yang merangkap juga sebagai pengarah syarikat ini sehinggalah sekarang. Pada masa itu, bapa beliau yang dibantu oleh beliau sendiri telah menjual

---

<sup>235</sup> Zaini Bin Johari (Pengarah FR Zaini Collection), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

<sup>236</sup> Abdul Aziz Khan Bin Abdul Kayum Khan (Pengarah Syarikat A & A Carpets), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

permaidani yang dihasilkan melalui buatan tangan yang diimport dari Parsi, India, Pakistan dan lain-lain. Pada tahun 1960-an iaitu setelah syarikat ini diambil alih oleh beliau, penghasilan permaidani telah mula diubah melalui pembuatan dengan mesin. Pada masa kini, beliau banyak menerima kontrak atau tempahan dari pelbagai pihak sama ada dari dalam atau luar negara untuk pemasangan karpet di merata-rata tempat seperti di istana-istana, hotel-hotel, pejabat-pejabat kerajaan, masjid-masjid, di London, Switzerland, Brunei dan sebagainya. Beliau pada mulanya mempunyai tiga lagi cawangan iaitu di Ipoh dan Manjung, Perak serta di Kulim, Kedah. Namun begitu, beliau telah menyerahkan semua cawangan-cawangan ini kepada adik-adiknya sendiri kerana beliau mahu menumpukan sepenuhnya kepada syarikat beliau di Taiping sahaja. Manakala barang yang diperniagakan pula, beliau hanya memfokuskan kepada penjualan dan tempahan untuk memasang permaidani yang diimport dari Turki, Mesir, China, Indonesia dan Thailand.

#### (6) **Permai Koleksi Enterprise<sup>237</sup>**

Syarikat ini telah didaftarkan pada tahun 1997 yang diusahakan sesama ahli keluarga sendiri. Pada mulanya syarikat ini terletak di Gunung Rapat Ipoh sebelum berpindah ke Medan Gopeng di dalam bandaraya Ipoh juga. Sebelum ini, pemilik syarikat hanya mengambil stok barang daripada orang lain. Namun begitu, perkembangan perniagaan yang amat menggalakkan telah mendorong mereka ini untuk menghasilkan barang perniagaan sendiri melalui kilang yang telah ditubuhkan di Bandung, Indonesia yang telah beroperasi selama empat tahun iaitu sejak tahun 2008.

---

<sup>237</sup> Ahmad Al-Wafi Bin Idris (Penolong Pengurus Permai Koleksi Enterprise), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2012.

Barang perniagaan utama mereka adalah pakaian haji dan umrah, jubah, pakaian muslim serta muslimah. Barang-barang ini setelah siap diproses di sana akan dihantar ke Malaysia melalui jalan laut iaitu dengan menggunakan kapal kargo. Pada masa kini, syarikat ini mempunyai empat cawangan iaitu dua buah di Medan Gopeng Ipoh, sebuah di Kulai, Johor, manakala sebuah lagi di Kuantan, Pahang.

#### (7) **Nurul Koleksi**<sup>238</sup>

Syarikat Nurul Koleksi ini pula telah beroperasi sejak tahun 2007 lagi. Sebelum itu, syarikat ini hanya menyewa dan menjalankan perniagaannya di bangunan pusat beli-belah Greentown Mall Ipoh. Perkembangan daripada perniagaan tersebut telah mendorong pemiliknya untuk memindahkan perniagaannya ke sebuah premis yang lebih strategik dan luas yang terletak di Greentown Nova Ipoh.

Menurut Penolong Pengarah, Elsa Rosyanti Binti Baharom, syarikat ini telah diusahakan bersama suaminya yang merangkap juga sebagai pengarah syarikat ini yang menggunakan modal mereka sendiri. Manakala barang yang diperniagakan pula adalah terdiri daripada baju kurung, jubah, tudung, pakaian kanak-kanak, baju melayu, songkok dan sebagainya.

---

<sup>238</sup> Elsa Rosyanti Binti Baharom (Penolong Pengarah Nurul Koleksi), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

### **3.4 KEWAJIPAN ZAKAT PERNIAGAAN KE ATAS PERINDUSTRIAN DAN PERNIAGAAN TEKSTIL DI NEGERI PERAK**

Dalam kajian ini, terdapat dua jenis syarikat tekstil yang dikaji oleh penulis iaitu yang pertama adalah syarikat yang hasilkan sendiri barangan tekstil tersebut untuk dijual kepada pihak lain dan yang kedua pula adalah syarikat yang membeli barangan tekstil tersebut daripada pengusaha lain kemudian menjual semula kepada orang lain. Oleh itu, penulis mahu melihat kedudukan perniagaan ini dari sudut kewajipan zakat perniagaan.

Berdasarkan hukum fiqh, setiap perniagaan yang telah memenuhi syarat niṣāb dan haul adalah wajib dikeluarkan zakat perniagaan. Begitu juga dengan kedudukan perniagaan tekstil yang turut tertakluk kepada syarat ini tanpa mengira sama ada barangan tersebut dihasilkan sendiri atau dibeli daripada pengusaha lain. Selagi mana barangan tekstil tersebut diniatkan untuk diperniagakan, maka barangan tersebut wajib dikenakan zakat perniagaan ke atasnya. Ini bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dhar daripada Rasulullah s.a.w. Baginda telah bersabda :

فِي الْإِبَلِ صَدَقَتْهَا ، وَفِي الْعَنَمِ صَدَقَتْهَا ، وَفِي الْبَقَرِ صَدَقَتْهَا ، وَفِي الْبَزَرِ صَدَقَتْهُ

Terjemahan: Pada unta dikenakan zakat, pada kambing dikenakan zakat, pada lembu dikenakan zakat dan pada kain dikenakan zakat.<sup>239</sup>

Selain itu, terdapat satu lagi hadith lebih kurang sama seperti hadith di atas yang diriwayatkan oleh al-Hākim daripada Abū Dhar juga bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

---

<sup>239</sup> Hadith riwayat al-Dāraqutnī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Layṣa fī al-Khadrāwāt Ṣadaqah, no. hadith 1934. Lihat al-Ḥāfiẓ al-Kabīr ‘Alī ibn ‘Umar al-Dāraqutnī, “Sunan al-Dāraqutnī” (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2004), 2:490.

Terjemahan: Pada unta dikenakan zakat, pada kambing dikenakan zakat dan pada kain dikenakan zakat.<sup>240</sup>

Menurut al-Hākim, *sanad* hadith di atas adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan syarat yang telah ditentukan oleh Imām al-Bukhārī dan Imām Muslim.<sup>241</sup> Walau bagaimanapun, terdapat

sedikit perbezaan di antara dua hadith di atas. Hadith pertama menggunakan kalimah "البَرْ"

iaitu dengan huruf *al-Zāy* manakala hadith kedua pula menggunakan kalimah "البَرْ" iaitu

dengan huruf *rā'*.

Namun begitu, para perawi hadith telah meriwayatkan bahawa sebutan sebenar dalam hadith di atas adalah "وَفِي الْبَرِّ صَدَقَتْهُ" iaitu dengan *fath al-bā'* (*huruf bā'* yang

*dibaris atas*) dan dengan huruf *al-Zāy*. Pandangan ini turut juga dipilih oleh al-Bayhaqī.<sup>242</sup>

Dalam kamus Al-Miftah, kalimah "البَرْ" membawa maksud tekstil, pakaian dan kain.<sup>243</sup> Menurut Ibn Qudāmah, tiada *khilāf* dikalangan para ulama' bahawa kain tidak diwajibkan zakat ke atasnya. Namun begitu, kain akan dikenakan zakat sekiranya kain tersebut diperniagakan.<sup>244</sup>

<sup>240</sup> Hadith riwayat al-Hākim, Kitāb al-Zakāh, Zakāt al-Bahā'īm wa al-Ḥub. Lihat Abū 'Abd Allah Muḥammad ibn 'Abd Allah al-Ma'rūf bi al-Hākim al-Naysābūrī, "al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn fī al-Ḥadīth" (Al-Riyāḍ: Maktabah wa Maṭābi' al-Naṣr al-Ḥadīthah, t.t.), 1:388. Perbahasan hadith ini telah dibincang secara umum dalam halaman 32. Sila rujuk notakaki 66.

<sup>241</sup> *Ibid.*

<sup>242</sup> Al-Nawawī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab*, 6:47.

<sup>243</sup> Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, *Kamus Moden Al-Miftah*, ed. Abdul Hadi Mohd Isa et al. (cet. ke-4, Negeri Sembilan: Al Azhar Media, 2010), 339.

<sup>244</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:58.

Berdasarkan keterangan di atas, ini menunjukkan barang teknik juga turut diwajibkan zakat sama seperti unta, kambing dan lembu. Walau bagaimanapun, kewajipan ini bukan dikenakan ke atas ‘ayn barang tersebut tetapi kerana teknik itu dijadikan sebagai barang perniagaan.

Oleh sebab itu, dapat disimpulkan bahawa setiap peniaga teknik yang terdapat di dalam Negeri Perak tidak terlepas daripada tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat ke atas perniagaan yang telah diusahakan oleh mereka apabila barang teknik yang diperniagakan tersebut telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat perniagaan sepertimana yang telah dinyatakan dalam bab yang kedua.

### 3.5 KESIMPULAN

Perak yang merupakan sebahagian daripada Persekutuan Malaysia adalah sama seperti negeri-negeri lain juga yang mempunyai hasil warisannya yang tersendiri termasuklah dalam seni tekniknya. Ini secara tidak langsung telah mendorong rakyatnya terutama umat Islam untuk melibatkan diri mereka di dalam perniagaan jenis ini yang antara tujuannya adalah untuk mengelakkan hasil seni ini daripada terus pupus dalam kalangan masyarakat seperti seni tekat benang emas atau sulaman emas yang merupakan warisan budaya yang semakin dilupakan oleh masyarakat.<sup>245</sup> Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri Perak khususnya perlulah memainkan peranan mereka untuk memartabatkan seni teknik yang terdapat di negeri ini yang antara caranya adalah dengan menggalakkan rakyatnya untuk menceburkan diri mereka di dalam perniagaan teknik. Dengan galakan ini,

---

<sup>245</sup> The Portal Perak Today, “Tekat Benang Emas: Kraftangan Warisan Perak,” *perak today*, dicapai 14 Mac 2012, <http://peraktoday.com/wp/?p=20122>.

sekurang-kurangnya seni warisan ini akan terpelihara di samping dapat meningkatkan ekonomi umat Islam terutamanya dalam sektor perniagaan.

# **BAB**

# **KEEMPAT**

## **BAB 4**

### **ANALISA PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TEKSTIL DI NEGERI PERAK**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Setelah dilakukan perbincangan di dalam bab-bab sebelum ini, penulis akan menghuraikan pula dalam bab ini mengenai analisa terhadap zakat perniagaan yang telah dibayar oleh beberapa syarikat tekstil yang terdapat di negeri Perak dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Ini bagi mengetahui sekiranya pembayaran tersebut menepati dengan kehendak syara'.

#### **4.2 PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TEKSTIL**

Bagi memudahkan untuk memahami analisa hasil kajian ini, penulis telah membahagikan kategori syarikat-syarikat ini kepada dua jenis perniagaan iaitu syarikat dalam bentuk perniagaan perkongsian dan syarikat dalam bentuk perniagaan milikan tunggal.

#### **4.2.1 SYARIKAT PERKONGSIAN**

Analisa pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat-syarikat dalam bentuk perniagaan perkongsian adalah seperti berikut :

**(1) Syarikat M. Salim Sdn Bhd<sup>246</sup>**


Jadual 4.1 : Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat M Salim Sdn Bhd

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 600,000	RM 800,000	RM 1,000,000	RM 1,000,000	RM 1,000,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 15,000	RM 20,000	RM 25,000	RM 25,000	RM 25,000


---

<sup>246</sup> Sultan Abdul Khade Bin Shaik Mohamad (Pengarah Syarikat M. Salim Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 8 Ogos 2012.

Rajah 4.1 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Syarikat M Salim Sdn Bhd



Rajah 4.2 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat M Salim Sdn Bhd




(2) Mohd Haniff Bersaudara<sup>247</sup>

Jadual 4.2 : Kadar Zakat Yang Dibayar Mohd Haniff Bersaudara


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 1,000,000	RM 857,142	RM 857,142	RM 1,000,000	RM 1,000,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	3	3.5	3.5	3.5	4
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 30,000	RM 30,000	RM 30,000	RM 35,000	RM 40,000

Rajah 4.3 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Mohd Haniff Bersaudara



<sup>247</sup> Farzana Perween Bt Mohd Haniff (Pengarah Mohd Haniff Bersaudara Dan Farzana Haniff Carpets), dalam temubual dengan penulis, 16 September 2012.

Rajah 4.4 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Mohd Haniff Bersaudara




**(3) Shukeri Enterprise<sup>248</sup>**

Jadual 4.3 : Kadar Zakat Yang Dibayar Shukeri Enterprise


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 100,000	RM 112,000	RM 128,000	RM 140,000	RM 148,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 2,500	RM 2,800	RM 3,200	RM 3,500	RM 3,700

<sup>248</sup> Faradillah Binti Mohd Shukeri Jamil (Penolong Pengurus Shukeri Enterprise), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2012.

Rajah 4.5 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Shukeri Enterprise



Rajah 4.6 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Shukeri Enterprise




(4) **Butik Pesona Indah**<sup>249</sup>

Jadual 4.4 : Kadar Zakat Yang Dibayar Butik Pesona Indah


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 240,000	RM 200,000	RM 250,000	RM 240,000	RM 240,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	2.5	2.5	2.8	2.5	2.5
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 6,000	RM 5,000	RM 7,000	RM 6,000	RM 6,000

Rajah 4.7 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Butik Pesona Indah



<sup>249</sup> Imran Bin Yusuf (Pengarah Butik Pesona Indah), dalam temubual dengan penulis, 11 Oktober 2012.

Rajah 4.8 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Butik Pesona Indah



#### **4.2.1.1 ANALISA AMAUN YANG PERLU DIZAKATKAN DAN NILAI ZAKAT PERNIAGAAN SYARIKAT JENIS PERKONGSIAN**

Berdasarkan kepada senarai arkib nisab yang telah dikeluarkan oleh MAIPk, kadar nisab pada tahun 2007 adalah berjumlah RM 6,044.51 hingga 7,332.14<sup>250</sup> sedangkan jumlah amaun yang tertakluk kepada zakat yang paling rendah pada tahun berkenaan daripada semua syarikat di atas adalah syarikat Shukeri Enterprise iaitu sebanyak RM 100,000. Kadar nisab pada tahun 2008 pula yang paling tinggi berjumlah RM 8,426.13<sup>251</sup> sedangkan amaun dizakatkan yang terendah di antara syarikat-syarikat tersebut pada tahun berkenaan adalah syarikat yang sama juga iaitu sebanyak RM 112,000. Manakala kadar nisab yang tertinggi pada tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah sebanyak RM 11,510.70, RM 11,886.12 dan RM 14,962.89.<sup>252</sup> Sedangkan amaun yang perlu dizakatkan terendah di kalangan semua syarikat yang di atas adalah syarikat Shukeri Enterprise juga berdasarkan setiap tahun berkenaan iaitu RM 128,000, RM 140,000 dan RM 148,000. Ini menunjukkan

<sup>250</sup> Portal Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak, "Arkib Nisab," *maiamp*, dicapai 12 November 2012, <http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php/kemudahan/nisab-semasa>.

<sup>251</sup> *Ibid.*

<sup>252</sup> *Ibid.*

bahawa amaun semua syarikat perkongsian di atas sebelum mengeluarkan zakat perniagaan adalah melebihi daripada kadar nisab pada setiap tahun berkenaan dan telah memenuhi syarat nisab berdasarkan arkib nisab MAIPk.

Berkenaan dengan nilai zakat perniagaan pula, syarikat Mohd Haniff Bersaudara mencatatkan jumlah pembayaran zakat yang tertinggi di antara syarikat-syarikat perkongsian di atas iaitu sebanyak RM 165,000. Kedudukan kedua pula adalah Syarikat M. Salim Sdn Bhd iaitu berjumlah RM 110,000. Syarikat Butik Pesona Indah pula berada di kedudukan ketiga iaitu sebanyak RM 30,000. Manakala syarikat Shukeri Enterprise pula mencatatkan jumlah pengeluaran zakat yang terendah di kalangan semua syarikat berkenaan iaitu sebanyak RM 15,700.


#### **4.2.1.2 ANALISA PERATUS KADAR ZAKAT YANG DIBAYAR SYARIKAT JENIS PERKONGSIAN**

Seterusnya penulis akan menghuraikan pula peratusan kadar zakat yang telah dibayar oleh syarikat jenis perkongsian dalam bentuk jadual dan graf secara keseluruhan sepetimana yang terdapat di bawah ini :

Jadual 4.5 : Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Perkongsian (%)

<b>TAHUN/NAMA SYARIKAT</b>	<b>Syarikat M. Salim Sdn Bhd</b>	<b>Mohd Haniff Bersaudara</b>	<b>Shukeri Enterprise</b>	<b>Butik Pesona Indah</b>
<b>2007</b>	2.5	3	2.5	2.5
<b>2008</b>	2.5	3.5	2.5	2.5
<b>2009</b>	2.5	3.5	2.5	2.8
<b>2010</b>	2.5	3.5	2.5	2.5
<b>2011</b>	2.5	4	2.5	2.5
<b>JUMLAH (%)</b>	12.5	17.5	12.5	12.8

Rajah 4.9 : Perbandingan Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Perkongsian



Rajah di atas menyatakan mengenai peratusan kadar zakat perniagaan yang telah digunakan oleh syarikat-syarikat tekstil yang mengamalkan perniagaan jenis perkongsian bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Menurut rajah di atas, syarikat Mohd Haniff Bersaudara mengeluarkan jumlah peratus kadar zakat yang lebih tinggi berbanding dengan syarikat-syarikat yang lain iaitu sebanyak 17.5 peratus manakala syarikat Butik Pesona Indah di tempat yang kedua iaitu sebanyak 12.8 peratus. Berkenaan dengan Syarikat M. Salim Sdn Bhd dan Shukeri Enterprise pula, kedua-dua buah syarikat ini berkongsi jumlah peratusan kadar zakat yang sama iaitu sebanyak 12.5 peratus dengan purata setiap tahun adalah sebanyak 2.5 peratus. Justeru itu, jika dilihat purata peratus kadar zakat yang dikeluarkan setiap syarikat yang terdapat di dalam rajah 4.9 di atas adalah tidak kurang daripada kadar minima yang diwajibkan zakat perniagaan iaitu 2.5 peratus.

#### **4.2.1.3 FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN PERATUS KADAR ZAKAT YANG DIBAYAR SYARIKAT JENIS PERKONGSIAN**

Berdasarkan jadual 4.5, Syarikat M. Salim Sdn Bhd dan Shukeri Enterprise hanya mengeluarkan peratus kadar zakat dengan nilai yang sama pada setiap tahun iaitu purata setiap tahun adalah sebanyak 2.5 peratus sahaja yang merupakan kadar minima diwajibkan zakat perniagaan. Berkenaan dengan syarikat Mohd Haniff Bersaudara dan Butik Pesona Indah pula, terdapat peningkatan pengeluaran peratus kadar zakat berbanding dengan kadar minima 2.5 peratus.

Menurut pengarah Mohd Haniff Bersaudara :

“Faktor yang menyebabkan saya menaikkan pengeluaran peratus kadar zakat daripada kadar minima 2.5 peratus adalah disebabkan peningkatan keuntungan syarikat daripada setahun ke setahun serta mahu mengikuti ajaran Islam.”<sup>253</sup>

Manakala menurut pemilik Butik Pesona Indah pula :

“Faktor saya menaikkan peratus kadar zakat adalah bergantung kepada keuntungan yang diperolehi pada tahun berkenaan.”<sup>254</sup>

---

<sup>253</sup> Farzanah Perween Bt Mohd Haniff (Pengarah Mohd Haniff Bersaudara Dan Farzanah Haniff Carpets), dalam temubual dengan penulis, 16 September 2012.

<sup>254</sup> Imran Bin Yusuf (Pengarah Butik Pesona Indah), dalam temubual dengan penulis, 11 Oktober 2012.

#### **4.2.2 SYARIKAT MILIKAN TUNGGAL**

Analisa pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat-syarikat dalam bentuk perniagaan milikan tunggal pula adalah seperti berikut :


**(1) Syarikat Gesamas Sdn Bhd<sup>255</sup>**

Jadual 4.6 : Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Gesamas Sdn Bhd


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 31,200	RM 32,000	RM 60,000	RM 60,000	RM 100,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 780	RM 800	RM 1,500	RM 1,500	RM 2,500

<sup>255</sup> Azizah Bt Mohd Yusof (Pengarah Syarikat Gesamas Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 25 Julai 2012.

Rajah 4.10 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Syarikat Gesamas Sdn Bhd



Rajah 4.11 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat Gesamas Sdn Bhd




(2) Ain Hias<sup>256</sup>

Jadual 4.7 : Kadar Zakat Yang Dibayar Ain Hias


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Amaun Yang Perlu Dizakatkan	RM 24,000	RM 28,000	RM 32,000	RM 28,000	RM 28,000
Kadar Zakat (%)	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Nilai Zakat Perniagaan	RM 600	RM 700	RM 800	RM 700	RM 700

Rajah 4.12 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Ain Hias



<sup>256</sup> Nooraini Binti Abu Hassan (Pengurus Syarikat Ain Hias), dalam temubual dengan penulis, 8 September 2012.

Rajah 4.13 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Ain Hias




**(3) Afshar Textile<sup>257</sup>**

Jadual 4.8 : Kadar Zakat Yang Dibayar Afshar Textile


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 35,000	RM 45,000	RM 52,500	RM 60,000	RM 67,500
<b>Kadar Zakat (%)</b>	20	20	20	20	20
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 7,000	RM 9,000	RM 10,500	RM 12,000	RM 13,500

<sup>257</sup> Afshar Bin Amir (Pengarah Afshar Textile), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

Rajah 4.14 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Afshar Textile



Rajah 4.15 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Afshar Textile




(4) **FR Zaini Collection**<sup>258</sup>

Jadual 4.9 : Kadar Zakat Yang Dibayar FR Zaini Collection


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 320,000	RM 360,000	RM 400,000	RM 88,000	RM 547,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 8,000	RM 9,000	RM 10,000	RM 2,200	RM 13,675

Rajah 4.16 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan FR Zaini Collection



<sup>258</sup> Zaini Bin Johari (Pengarah FR Zaini Collection), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

Rajah 4.17 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan FR Zaini Collection




**(5) Syarikat A & A Carpets<sup>259</sup>**

Jadual 4.10 : Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat A & A Carpets


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 500,000	RM 1,000,000	RM 625,000	RM 375,000	RM 375,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	4	3	4	4	4
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 20,000	RM 30,000	RM 25,000	RM 15,000	RM 15,000

<sup>259</sup> Abdul Aziz Khan Bin Abdul Kayum Khan (Pengarah Syarikat A & A Carpets), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

Rajah 4.18 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Syarikat A & A Carpets



Rajah 4.19 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Syarikat A & A Carpets




(6) **Permai Koleksi Enterprise**<sup>260</sup>

Jadual 4.11 : Kadar Zakat Yang Dibayar Permai Koleksi Enterprise


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 20,000	RM 50,000	RM 75,000	RM 100,000	RM 80,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	5	5	6	6	10
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 1,000	RM 2,500	RM 4,500	RM 6,000	RM 8,000

Rajah 4.20 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Permai Koleksi Enterprise



<sup>260</sup> Ahmad Al-Wafi Bin Idris (Penolong Pengurus Permai Koleksi Enterprise), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2012.

Rajah 4.21 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Permai Koleksi Enterprise




(7) **Nurul Koleksi**<sup>261</sup>

Jadual 4.12 : Kadar Zakat Yang Dibayar Nurul Koleksi


Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
<b>Amaun Yang Perlu Dizakatkan</b>	RM 50,000	RM 100,000	RM 75,000	RM 75,000	RM 50,000
<b>Kadar Zakat (%)</b>	4	3	4	4	4
<b>Nilai Zakat Perniagaan</b>	RM 2,000	RM 3,000	RM 3,000	RM 3,000	RM 2,000

<sup>261</sup> Elsa Rosyanti Binti Baharom (Penolong Pengarah Nurul Koleksi), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

Rajah 4.22 : Perbandingan Amaun Yang Perlu Dizakatkan Nurul Koleksi



Rajah 4.23 : Perbandingan Nilai Zakat Perniagaan Nurul Koleksi



#### **4.2.2.1 ANALISA AMAUN YANG PERLU DIZAKATKAN DAN NILAI ZAKAT PERNIAGAAN SYARIKAT JENIS MILIKAN TUNGGAL**

Berdasarkan kepada senarai arkib nisab yang telah dikeluarkan oleh MAIPk, kadar nisab pada tahun 2007 adalah berjumlah RM 6,044.51 hingga 7,332.14<sup>262</sup> sedangkan jumlah amaun yang tertakluk kepada zakat yang paling rendah pada tahun berkenaan daripada semua syarikat di atas adalah syarikat Permai Koleksi Enterprise iaitu sebanyak RM 20,000. Kadar nisab pada tahun 2008 pula yang paling tinggi berjumlah RM 8,426.13<sup>263</sup> sedangkan amaun dizakatkan yang terendah di antara syarikat-syarikat tersebut pada tahun berkenaan adalah syarikat Ain Hias iaitu sebanyak RM 28,000. Manakala kadar nisab yang tertinggi pada tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah sebanyak RM 11,510.70, RM 11,886.12 dan RM 14,962.89.<sup>264</sup> Sedangkan amaun yang perlu dizakatkan terendah di kalangan semua syarikat yang di atas adalah syarikat yang sama juga yakni Ain Hias berdasarkan setiap tahun berkenaan iaitu masing-masing berjumlah RM 32,000, RM 28,000 dan RM 28,000 juga sama seperti tahun 2010. Ini menunjukkan bahawa amaun semua syarikat milikan tunggal di atas sebelum mengeluarkan zakat perniagaan adalah melebihi daripada kadar nisab pada setiap tahun berkenaan dan telah memenuhi syarat nisab berdasarkan arkib nisab MAIPk.

Berkenaan dengan nilai zakat perniagaan pula, Syarikat A & A Carpets mencatatkan jumlah pembayaran zakat yang tertinggi di antara syarikat-syarikat milikan tunggal di atas iaitu sebanyak RM 105,000. Seterusnya, diikuti pula oleh syarikat Afshar Textile, FR Zaini Collection dan Permai Koleksi Enterprise iaitu masing-masing berjumlah RM 52,000, RM 42,875 dan RM 22,000. Syarikat Nurul Koleksi serta Syarikat Gesamas

<sup>262</sup> Portal Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak, “Arkib Nisab,” *maiamp*, dicapai 12 November 2012, <http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php/kemudahan/nisab-semasa>.

<sup>263</sup> *Ibid.*

<sup>264</sup> *Ibid.*

Sdn Bhd pula, masing-masing berada di kedudukan kelima dan keenam iaitu sebanyak RM 13,000 dan RM 7,080. Manakala syarikat Ain Hias pula mencatatkan jumlah pengeluaran zakat yang terendah di kalangan semua syarikat berkenaan iaitu sebanyak RM 3,500.


#### **4.2.2.2 ANALISA PERATUS KADAR ZAKAT YANG DIBAYAR SYARIKAT JENIS MILIKAN TUNGGAL**

Seterusnya penulis akan menghuraikan pula peratusan kadar zakat yang telah dibayar oleh syarikat jenis milikan tunggal dalam bentuk jadual dan graf secara keseluruhan seperti mana yang terdapat di bawah ini :

Jadual 4.13 : Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Milikan Tunggal (%)

TAHUN/ NAMA SYARIKAT	Syarikat Gesamas Sdn Bhd	Ain Hias	Afshar Textile	Fr Zaini Collection	Syarikat A & A Carpets	Permai Koleksi Enterprise	Nurul Koleksi
<b>2007</b>	2.5	2.5	20	2.5	4	5	4
<b>2008</b>	2.5	2.5	20	2.5	3	5	3
<b>2009</b>	2.5	2.5	20	2.5	4	6	4
<b>2010</b>	2.5	2.5	20	2.5	4	6	4
<b>2011</b>	2.5	2.5	20	2.5	4	10	4
<b>JUMLAH (%)</b>	12.5	12.5	100	12.5	19	32	19

Rajah 4.24 : Perbandingan Peratus Kadar Zakat Yang Dibayar Syarikat Jenis Milikan Tunggal



Rajah di atas pula membincangkan mengenai peratusan kadar zakat perniagaan yang telah digunakan oleh syarikat-syarikat tekstil yang mengamalkan perniagaan jenis milikan tunggal bermula dari tahun 2007 sehingga tahun 2011. Menurut rajah di atas, syarikat Afshar Textile mengeluarkan jumlah peratus kadar zakat yang lebih tinggi berbanding dengan syarikat-syarikat yang lain iaitu sebanyak 100 peratus diikuti dengan syarikat Permai Koleksi Enterprise iaitu sebanyak 32 peratus. Manakala Syarikat A & A Carpets dan Nurul Koleksi pula berkongsi dengan jumlah yang sama iaitu sebanyak 19 peratus. Begitu juga dengan Syarikat Gesamas Sdn Bhd, Ain Hias dan Fr Zaini Collection yang ketiga-tiga buah syarikat ini juga berkongsi jumlah peratusan kadar zakat yang sama iaitu sebanyak 12.5 peratus dengan purata setiap tahun adalah sebanyak 2.5 peratus. Oleh sebab itu, sekiranya dilihat purata peratus kadar zakat yang dikeluarkan setiap syarikat

yang terdapat di dalam rajah 4.23 di atas adalah tidak kurang daripada kadar minima yang diwajibkan zakat perniagaan iaitu 2.5 peratus.

#### **4.2.2.3 FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN PERATUS KADAR ZAKAT YANG DIBAYAR SYARIKAT JENIS MILIKAN TUNGGAL**

Berdasarkan jadual 4.13, Syarikat Gesamas Sdn Bhd, Ain Hias dan Fr Zaini Collection hanya mengeluarkan peratus kadar zakat dengan nilai yang sama pada setiap tahun iaitu purata setiap tahun adalah sebanyak 2.5 peratus sahaja yang merupakan kadar minima diwajibkan zakat perniagaan.

Berkenaan dengan syarikat Afshar Textile, Syarikat A & A Carpets, Permai Koleksi Enterprise dan Nurul Koleksi pula, terdapat peningkatan pengeluaran peratus kadar zakat berbanding dengan kadar minima 2.5 peratus. Menurut pengarah syarikat Afshar Textile<sup>265</sup>, Syarikat A & A Carpets<sup>266</sup> dan Nurul Koleksi<sup>267</sup> :

“Faktor yang menyebabkan pengeluaran peratus kadar zakat dilebihkan daripada kadar minima 2.5 peratus adalah bergantung kepada peningkatan keuntungan syarikat daripada setahun ke setahun.”

Manakala menurut syarikat Permai Koleksi Enterprise pula,

“Faktor mengapa peratus kadar zakat dilebihkan daripada kadar minima kerana dibimbangi terdapat kekurangan pengeluaran zakat perniagaan sebelum ini yang secara tidak langsung dapat menampung kekurangan tersebut. Selain itu, perkara ini juga adalah bergantung kepada prestasi semasa syarikat pada tahun berkenaan.”<sup>268</sup>

---

<sup>265</sup> Afshar Bin Amir (Pengarah Afshar Textile), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

<sup>266</sup> Abdul Aziz Khan Bin Abdul Kayum Khan (Pengarah Syarikat A & A Carpets), dalam temubual dengan penulis, 26 September 2012.

<sup>267</sup> Elsa Rosyanti Binti Baharom (Penolong Pengarah Nurul Koleksi), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

<sup>268</sup> Ahmad Al-Wafi Bin Idris (Penolong Pengurus Permai Koleksi Enterprise), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2012.

#### **4.3 KAEADAH PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN**

Secara umumnya, pembayaran zakat perniagaan boleh dibahagikan kepada dua cara. Pertamanya bayar melalui saluran rasmi iaitu melalui mana-mana saluran yang telah disediakan oleh MAIPk. Manakala kaedah yang keduanya adalah dibayar melalui saluran tidak rasmi iaitu bayar secara sendiri atau secara terus kepada golongan asnāf yang berkenaan.

Berdasarkan kajian penulis terhadap pemilik-pemilik syarikat ini, hanya 18 peratus sahaja yang bayar secara sepenuhnya melalui saluran rasmi yang disediakan oleh MAIPk iaitu syarikat FR Zaini Collection dan Permai Koleksi Enterprise. Manakala 36 peratus daripada pemilik-pemilik syarikat ini pula mengeluarkan sebahagian zakat kepada MAIPk dan sebahagian lagi secara sendiri iaitu Mohd Haniff Bersaudara, Syarikat Gesamas Sdn Bhd, Ain Hias dan Syarikat A & A Carpets.

Berkenaan dengan pemilik-pemilik syarikat yang bayar secara terus kepada asnāf pula adalah sebanyak 45 peratus iaitu terdiri daripada Syarikat M. Salim Sdn Bhd, Shukeri Enterprise, Butik Pesona Indah, Afshar Textile dan Nurul Koleksi.

Justeru itu, hanya dua buah syarikat sahaja yang membayar zakat perniagaan melalui saluran rasmi secara sepenuhnya iaitu syarikat FR Zaini Collection dan Permai Koleksi Enterprise yang termasuk di dalam kategori syarikat milikan tunggal. Manakala selebihnya pula tidak menjadikan saluran rasmi ini sebagai pilihan utama untuk membayar zakat perniagaan mereka iaitu lima buah daripada syarikat milikan tunggal dan empat buah daripada syarikat perkongsian.

#### **4.3.1 PEMBAYARAN SECARA ANSURAN BULANAN ATAU TAHUNAN**

Menurut Eksekutif Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Munawir Bin Muhammad Noh, para peniaga di Perak diberi pilihan untuk membayar zakat perniagaan mereka sama ada dibayar secara tahunan atau ansuran bulanan selagimana dalam tempoh satu tahun. Ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada mereka bagi menunaikan kewajipan zakat. Selain itu, ini juga dapat memberi galakan untuk mengeluarkan zakat tanpa membebangkan mereka.<sup>269</sup>

Kaedah yang telah diamalkan oleh MAIPk ini adalah bertepatan dengan pendapat fuqaha' daripada mazhab Ḥanafī<sup>270</sup>, Syāfi‘ī<sup>271</sup> dan Ḥanbalī.<sup>272</sup> Dan ini juga merupakan pandangan daripada al-Ḥasan, Sa‘īd ibn Jubayr, al-Zuhrī, al-Awzā‘ī, Imām Abū Ḥanīfah, Imām al-Syāfi‘ī, Iṣhāk dan Abū ‘Ubayd yang berpendapat bahawa harus menyegerakan atau mendahulukan pembayaran zakat sebelum cukup tempoh haul.<sup>273</sup> Tetapi dengan syarat telah wujud sebab wajib zakat iaitu pemilik harta tersebut telah memiliki niṣāb terlebih dahulu.<sup>274</sup>

Berdasarkan kepada kajian penulis, 73 peratus daripada pemilik-pemilik syarikat tekstil ini membayar zakat perniagaan mereka secara tahunan kerana menurut mereka bahawa pembayaran secara tahunan lebih menepati kehendak syara' sepermulaan syarat haul. Hanya 9 peratus sahaja yang mengeluarkan zakat perniagaan tanpa mengikut syarat haul. Manakala 9 peratus lagi lebih cenderung membayar zakat perniagaan mereka secara ansuran bulanan. Apabila telah cukup setahun dan mereka mendapati bahawa jumlah zakat

<sup>269</sup> Munawir Bin Muhammad Noh (Eksekutif Zakat (Dakwah & Promosi) Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak), dalam temubual dengan penulis, 20 Jun 2012.

<sup>270</sup> Ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarḥ Fath al-Qadīr*, 2:210.

<sup>271</sup> Al-Syīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, 1:305 dan Abū Zakariyyā Muhyi al-Dīn ibn Syaraf al-Nawawī, *Kitāb al-Majmu‘ Syarḥ al-Muhadhdhab li Syīrāzī* (Jeddah: Maktabah al-Irsyād, t.t.), 6:112-114.

<sup>272</sup> Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allah ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah al-Maqdisī al-Jammā‘īlī al-Dimasyqī al-Ṣāliḥī al-Ḥanbalī, *al-Mughnī Syarḥ Mukhtaṣar al-Khiraqī* (cet. ke-3, Al-Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1997), 4:79.

<sup>273</sup> *Ibid.*

<sup>274</sup> *Ibid.*, 4:80 dan Ibn al-Humām al-Ḥanafī, *Syarḥ Fath al-Qadīr*, 2:210.

tersebut kurang daripada nilai yang wajib maka mereka akan menambahnya lagi. Berlainan pula dengan 9 peratus lagi yang terdapat masa-masa tertentu mengeluarkan sebahagian zakat perniagaannya sebelum cukup tempoh haul walaupun secara asasnya syarikat ini mengeluarkan zakat apabila cukup haul. Pengeluaran ini disebabkan jika terdapat permintaan daripada pihak-pihak tertentu yang mahu meminta bantuan kewangan seperti pihak yang mahu melanjutkan pelajaran misalnya.

#### **4.3.2 PENGAMALAN PENGIRAAAN ZAKAT PERNIAGAAN**

Sepertimana yang terdapat di dalam kitāb *Bidāyah al-Mujtahid*, peniaga perlulah menilai semua stok barang perniagaannya dan mencampurkan dengan wang yang terdapat di tangannya serta hutang yang mempunyai harapan untuk memperolehinya semula apabila perniagaannya telah genap haul yang dikira dari hari ia memulakan perniagaannya. Jika jumlah pendapatannya yang telah dinilai tadi mencapai paras niṣāb maka dia wajib mengeluarkan zakat ke atas perniagaannya.<sup>275</sup>

Di dalam kitāb *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh* pula, pemilik syarikat ini mestilah menilai semua barang perniagaannya pada akhir setiap tahun dengan mengambil kira harganya pada waktu mengeluarkan zakat dan bukan berdasarkan harga pada waktu pembelian barang tersebut. Setelah itu, dia perlu mencampurkan semua barang berkenaan walaupun berbeza dari segi jenisnya. Selepas telah selesai dilakukan penilaian, pemilik tersebut mestilah mengeluarkan zakat terhadap barang perniagaannya berdasarkan nilai (*qīmah*) barang itu dan bukan pada fizikalnya ('ayn) kerana niṣāb zakat diambil kira

---

<sup>275</sup> Ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1:196.

berdasarkan nilai. Manakala kadar zakat yang dikenakan pula adalah sebanyak 2.5 peratus sepermata matawang.<sup>276</sup>

Manakala menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid pula, beliau menyatakan bahawa harta perdagangan seseorang itu biasanya dimiliki dalam bentuk-bentuk berikut iaitu pertamanya adalah barang-barang yang belum dijual. Keduanya pula adalah wang sama ada dalam bentuk kira-kira di bank atau dalam bentuk tunai di tangan. Manakala yang ketiganya pula adalah hutang di tangan para penghutang.<sup>277</sup> Selain daripada harta berkenaan, para peniaga juga kadang-kadang menanggung hutang pada orang lain. Oleh sebab itu, jika seseorang peniaga itu mahu membayar zakat perniagaannya, dia hendaklah menilai semua barang yang ada padanya dan mencampurkan jumlah itu dengan wang yang ada di bank dan di tangan, serta juga jumlah hutang di tangan penghutang yang ada kemungkinan dibayar bila sampai tempohnya. Setelah itu, dia perlulah menolak hutang yang ditanggungnya. Daripada jumlah itulah, dia perlu membayar 2.5 peratus sebagai zakat.<sup>278</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan daripada para ulama' di atas, kaedah pengiraan zakat perniagaan dapat disimpulkan sebagaimana berikut iaitu seseorang peniaga itu mestilah menilai semua stok barang perniagaannya dengan mengambil kira harga barang tersebut pada waktu hendak mengeluarkan zakat iaitu berdasarkan harga semasa. Kemudian, jumlah tersebut hendaklah dicampurkan dengan wang yang terdapat di tangannya dan yang ada di bank serta hutang yang mempunyai harapan untuk memperolehinya semula apabila perniagaannya telah genap haul. Selepas itu, dia perlulah menolak hutang yang ditanggungnya. Jika jumlah pendapatannya yang telah dinilai tadi

<sup>276</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:792.

<sup>277</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 223.

<sup>278</sup> *Ibid.*, 224.

mencapai paras nişāb maka dia wajib mengeluarkan zakat sebanyak 2.5 peratus ke atas perniagaannya.

Hasil kajian penulis mendapati 73 peratus daripada pemilik-pemilik syarikat tekstil ini membayar zakat perniagaan mereka sama seperti syarat pengiraan yang dinyatakan oleh para ulama' di atas. Hanya 18 peratus daripada mereka ini yang mengambil kira untung sahaja tanpa mencampurkan dengan stok barang ketika mengeluarkan zakat perniagaan mereka. Tetapi syarat-syarat pengiraan yang lain masih diikuti oleh pemilik-pemilik syarikat ini. Manakala 9 peratus pula hanya mengeluarkan zakat perniagaannya tanpa terikat kepada syarat-syarat pengiraan sepertimana yang telah dibincangkan oleh para ulama' di atas.

#### 4.3.3 PENGAMALAN PEMILIHAN ASNĀF

Dalam bahagian ini pula, penulis hanya memfokuskan kepada syarikat-syarikat yang tidak membayar zakat perniagaan melalui saluran rasmi iaitu lima buah syarikat daripada kategori milikan tunggal manakala empat buah syarikat lagi daripada kategori perkongsian yang kesemuanya adalah berjumlah sembilan buah syarikat sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Firman Allah s.w.t :

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي  
أَرْقَابِ وَالْغَرِبِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ رَبِّ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
**حَكِيمٌ**

Al-Tawbah 9: 60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu’allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Sekiranya dilihat kepada firman Allah Ta‘ālā di atas, terdapat lapan jenis asnāf yang telah disyariatkan di dalam Islam iaitu orang-orang faqīr dan miskin, para ‘āmil yang menguruskan zakat tersebut, orang-orang mu’allaf yang dilembutkan hatinya kepada agama Islam, golongan hamba yang mahu memerdekaan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk dibelanjakan di jalan Allah dan orang-orang musāfir yang kekurangan perbelanjaan dalam perjalanan.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, penulis mendapati bahawa 67 peratus daripada sembilan buah syarikat yang membayar sendiri zakat perniagaan mereka kepada golongan asnāf telah mengeluarkan zakat kepada golongan faqīr dan miskin manakala 33 peratus lagi tidak menjadikan golongan ini sebagai pilihan mereka. Berkenaan golongan mu’allaf pula, hanya 22 peratus daripada sembilan buah syarikat yang memberi zakat kepada golongan ini. Begitu juga dengan ‘āmil yang didapati hanya 22 peratus sahaja daripada syarikat-syarikat ini yang memilih mereka sebagai asnāf yang layak menerima zakat. Syarikat-syarikat yang memberi zakat kepada orang yang mahu mencari ilmu atau melanjutkan pelajaran pula adalah sebanyak 22 peratus juga sama seperti jumlah syarikat yang mengeluarkan zakat terhadap golongan mu’allaf dan ‘āmil.

Selain itu, 67 peratus daripada syarikat-syarikat ini pula telah memilih untuk mengeluarkan zakat perniagaan mereka kepada anak-anak yatim berbanding dengan 33

peratus syarikat lagi yang tidak memilih golongan ini. Golongan ibu tunggal pula, hanya 44 peratus daripada sembilan buah syarikat ini yang memilih golongan ini sebagai penerima zakat mereka. Berkennaan dengan saudara-mara atau adik-beradik dan warga emas pula, terdapat juga syarikat-syarikat yang menyalurkan zakat kepada golongan-golongan ini iaitu masing-masing sebanyak 22 peratus dan 11 peratus daripada semua syarikat ini. Di samping itu, terdapat juga syarikat-syarikat yang turut menyumbangkan zakat mereka terhadap surau dan pembangunan sekolah atau madrasah yakni kedua-duanya mempunyai jumlah yang sama iaitu 11 peratus sama seperti jumlah syarikat yang memberi zakat kepada golongan warga emas.

Jika dilihat kepada analisa di atas ini, golongan faqīr dan miskin, mu'allaf, serta ‘āmil secara jelasnya adalah tergolong dalam kategori lapan asnāf sepertimana yang terdapat di dalam Sūrah al-Tawbah, ayat 60. Namun begitu, pemberian zakat perniagaan kepada anak-anak yatim, golongan ibu tunggal, saudara-mara atau adik-beradik dan warga emas tidak disebut dengan jelas di dalam ayat al-Qur’ān di atas. Walau bagaimanapun, dapat difahami daripada kajian penulis ketika melakukan temubual dengan syarikat-syarikat tersebut bahawa golongan-golongan ini diberikan zakat disebabkan mereka ini berada di dalam keadaan kemiskinan. Oleh sebab itu, menurut pandangan penulis bahawa golongan-golongan ini boleh dikategorikan dalam asnāf faqīr dan miskin serta layak untuk menerima zakat. Manakala pemberian zakat perniagaan kepada orang yang mahu mencari ilmu atau melanjutkan pelajaran dan surau atau sekolah pula boleh dikategorikan dalam asnāf *fī sabīl Allah* yakni untuk dibelanjakan di jalan Allah. Oleh itu, menurut pandangan penulis bahawa pemberian ini juga tidak bercanggah dengan syara’. Ini sepertimana yang terdapat di dalam kitāb *Badā’i’ al-Ṣanā’i’* yang menjelaskan bahawa asnāf *fī sabīl Allah* adalah meliputi semua ibadah termasuklah setiap orang yang berusaha untuk melaksanakan

ketaatan kepada Allah dan berada di jalan kebaikan apabila dalam keadaan memerlukan.<sup>279</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhaylī, pendapat al-Kāsānī ini adalah berbentuk umum iaitu meliputi ibadah-ibadah yang lain juga seperti meng‘imārahkan masjid dan seumpamanya.<sup>280</sup> Begitu juga dalam kitāb *al-Durr al-Mukhtār* bahawa menuntut ilmu adalah termasuk di dalam aşnāf ini.<sup>281</sup>

#### **4.3.4 KAEDAH PENENTUAN AŞNĀF**

Terdapat beberapa kaedah yang telah diamalkan oleh syarikat-syarikat tekstil ini untuk mengenal pasti golongan-golongan yang layak untuk menerima zakat perniagaan yang telah dikeluarkan oleh mereka. Antara kaedah utama berkenaan adalah dengan melakukan pemerhatian dan pemantauan sendiri untuk mencari golongan-golongan ini. Syarikat-syarikat tersebut adalah Mohd Haniff Bersaudara, Syarikat Gesamas Sdn Bhd, Ain Hias, Syarikat A & A Carpets, Butik Pesona Indah, Afshar Textile dan Nurul Koleksi.

Manakala Syarikat M. Salim Sdn Bhd pula telah mengagihkan zakat perniagaan mereka kepada golongan-golongan aşnāf yang datang sendiri ke kedai mereka tanpa meletakkan syarat-syarat yang ketat atau pemantauan rapi tetapi hanya melihat secara umum sahaja ke atas permohonan bantuan yang diperlukan oleh golongan-golongan ini.

Berlainan pula dengan syarikat Shukeri Enterprise yang memperolehi maklumat-maklumat mengenai golongan-golongan tersebut daripada kawan-kawan mereka. Setelah itu, mereka akan mengagihkan sendiri zakat tersebut secara terus kepada golongan-golongan ini.

<sup>279</sup> Al-Kāsānī al-Ḥanafī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*, 2:471.

<sup>280</sup> Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:875.

<sup>281</sup> Al-Ḥaṣkafī, *al-Durr al-Mukhtār*, 137.

#### **4.3.5 FAKTOR-FAKTOR PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN SECARA SENDIRI**

Antara faktor yang mendorong syarikat-syarikat ini untuk membayar zakat perniagaan mereka secara sendiri kerana mereka lebih meyakini bahawa hasil zakat tersebut akan sampai kepada asnāf yang berhak atau layak untuk menerimanya. Antara syarikat yang berpendapat sedemikian adalah Syarikat M. Salim Sdn Bhd dan Syarikat A&A Carpets. Di samping itu, menurut pemilik Syarikat M. Salim Sdn Bhd juga :

“Tujuan saya mengagihkan zakat secara sendiri kerana saya tidak mahu mengecewakan orang yang datang untuk meminta bantuan kewangan.”<sup>282</sup>

Terdapat juga syarikat yang berpendapat bahawa menyalurkan zakat secara sendiri lebih mudah untuk diberikan kepada orang yang memerlukan berbanding dengan menyerahkan kepada MAIPk. Antara syarikat tersebut adalah Butik Pesona Indah dan Shukeri Enterprise. Menurut pemilik syarikat Butik Pesona Indah :

“Jika menyalurkan zakat melalui MAIPk, terlalu banyak prosedur yang perlu dipenuhi sebelum wang zakat tersebut dapat diberikan kepada orang miskin yang telah dikenal pasti melalui pemerhatian saya.”<sup>283</sup>

Manakala menurut penolong pengurus syarikat Shukeri Enterprise pula :

“Kami tidak pernah membayar zakat perniagaan kepada MAIPk disebabkan tidak didedahkan cara yang sebenar untuk menyalurkan zakat ke majlis agama ini.”<sup>284</sup>

Selain itu, faktor lain yang wujud juga ialah membayar secara sendiri tanpa melalui saluran rasmi boleh memberi kepuasan hati kepada pengeluar zakat kerana dapat menyalurkan terus kepada orang yang memerlukan. Antara syarikat yang berpendapat sedemikian adalah syarikat Ain Hias dan Afshar Textile. Menurut pemilik Ain Hias :

<sup>282</sup> Sultan Abdul Khade Bin Shaik Mohamad (Pengarah Syarikat M. Salim Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 8 Ogos 2012.

<sup>283</sup> Imran Bin Yusuf (Pengarah Butik Pesona Indah), dalam temubual dengan penulis, 11 Oktober 2012.

<sup>284</sup> Faradillah Binti Mohd Shukeri Jamil (Penolong Pengurus Shukeri Enterprise), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2012.

“Ini disebabkan pihak majlis agama agak lewat untuk mengambil tindakan bagi mengagihkan hasil zakat kepada orang yang dikenal pasti susah atau miskin.”<sup>285</sup>

Namun begitu, terdapat juga syarikat-syarikat yang membayar secara terus kepada asnaf ini berpendapat bahawa membayar zakat perniagaan kepada majlis agama adalah lebih baik daripada mengagihkan sendiri. Antara syarikat berkenaan adalah Mohd Haniff Bersaudara, Syarikat Gesamas Sdn Bhd dan Nurul Koleksi.

Menurut pemilik Mohd Haniff Bersaudara :

“Tujuan saya membayar zakat perniagaan secara sendiri juga kerana mengikuti amalan yang telah dilakukan oleh bapa saya sejak dahulu lagi iaitu mengagihkan hasil zakat kepada orang miskin di Pakistan.”<sup>286</sup>

Manakala menurut pemilik Syarikat Gesamas Sdn Bhd pula :

“Membayar zakat perniagaan kepada majlis agama akan membolehkan segala urusan zakat difaikkan secara rasmi tetapi saya lebih cenderung untuk mengagihkan sendiri zakat kepada penduduk kampung berdekatan yang memerlukan.”<sup>287</sup>

Menurut pemilik Nurul Koleksi pula :

“Menyerahkan kepada majlis agama lebih diyakini daripada agih sendiri tetapi saya lebih suka untuk agih secara terus kepada orang yang miskin seperti adik-beradik suami saya yang susah dan tidak mampu bekerja.”<sup>288</sup>

---

<sup>285</sup> Nooraini Binti Abu Hassan (Pengurus Syarikat Ain Hias), dalam temubual dengan penulis, 8 September 2012.

<sup>286</sup> Farzanah Perween Bt Mohd Haniff (Pengarah Mohd Haniff Bersaudara Dan Farzanah Haniff Carpets), dalam temubual dengan penulis, 16 September 2012.

<sup>287</sup> Azizah Bt Mohd Yusof (Pengarah Syarikat Gesamas Sdn Bhd), dalam temubual dengan penulis, 25 Julai 2012.

<sup>288</sup> Elsa Rosyanti Binti Baharom (Penolong Pengarah Nurul Koleksi), dalam temubual dengan penulis, 10 Oktober 2012.

#### **4.4 PEMBAYARAN SECARA TERUS KEPADA ASNĀF BERDASARKAN PANDANGAN FUQAHĀ'**

Sebagaimana yang diketahui, harta-harta yang diwajibkan zakat boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu harta *zāhir* seperti hasil tanaman dan binatang ternakan serta harta *bāṭin* seperti matawang dan barang-barang perniagaan.<sup>289</sup> Oleh sebab itu, para fuqaha' telah berbeza pendapat sama ada harta-harta yang dikenakan zakat ini mesti diserahkan kepada pemerintah (*al-imām*) atau dibenarkan untuk diagihkan sendiri oleh pengeluar zakat. Menurut Imām Mālik, Imām Abū Ḥanīfah dan Abū ‘Ubayd bahawa harta-harta *zāhir* tidak boleh diagihkan secara sendiri oleh pemilik harta tetapi perlu diserahkan kepada pemerintah.<sup>290</sup> Ini berdasarkan kepada firman Allah Taālā :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُنَزِّهُمْ بِهَا

Al-Tawbah 9: 103

Terjemahan: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).

Selain itu, pendapat mereka ini juga adalah berdasarkan kepada tindakan Abū Bakr al-Šiddīq selepas dilantik menjadi khalifah yang pertama dalam Islam telah menuntut zakat dan memerangi mereka yang enggan untuk mengeluarkan zakat kepada pemerintah. Tindakan ini juga telah disepakati oleh para sahabat Rasūl Allah s.a.w yang lain.<sup>291</sup> Dan pendapat ini merupakan pandangan Imām al-Syāfi‘ī juga dalam *qawl qadīm*.<sup>292</sup> Manakala di dalam *qawl jadīd* pula, beliau berpendapat bahawa harus zakat tersebut diagihkan

<sup>289</sup> Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 2:242.

<sup>290</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 2:479.

<sup>291</sup> *Ibid.*, 2:480.

<sup>292</sup> Al-Syīrāzī, *al-Muhaḍḍab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, 1:309.

sendiri oleh pemilik harta yang hukumnya adalah sama seperti harta *bāṭin* yang diharuskan juga untuk diagihkan secara terus kepada asnāf.<sup>293</sup>

Manakala mazhab Ḥanbalī pula berpendapat bahawa disunatkan kepada seseorang itu mengagihkan zakatnya secara sendiri supaya dia berasa yakin yang zakat tersebut akan sampai kepada asnāf yang layak dan berhak sama ada harta tersebut dalam kategori harta *ẓāhir* atau harta *bāṭin*. Dan ini juga merupakan pandangan al-Ḥasan, Makhlūl, Sa‘īd ibn Jubayr dan Maymūn ibn Mihrān. Menurut Imām Aḥmad juga adalah diharuskan menyerahkan zakat tersebut kepada pemerintah atau *al-sultān*.<sup>294</sup> Tambahan lagi, fuqaha’ dalam mazhab ini juga turut menyenaraikan beberapa kelebihan mengagihkan zakat secara sendiri iaitu antaranya adalah dapat memelihara hak orang yang layak untuk menerima zakat daripada dikhianati oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, dia juga boleh terus membantu untuk mengurangkan kesusahan mereka yang memerlukan tanpa perlu melalui perantaraan terutamanya yang dibantu tersebut adalah kaum kerabatnya sendiri.<sup>295</sup>

Walau bagaimanapun, Ibn Abī Mūsā dan Abū al-Khaṭṭāb berpendapat bahawa menyerahkan zakat kepada pemerintah yang adil adalah lebih baik daripada mengagihkan zakat tersebut secara sendiri. Dan pendapat ini juga merupakan pandangan mazhab al- al-Syāfi‘ī.<sup>296</sup> Di samping itu, pendapat ini juga turut diperkuuhkan lagi dengan pandangan al-Syu‘abī, Muḥammad ibn ‘Alī, Abū Razīn dan al-Awzā‘ī bahawa menyerahkan zakat kepada pemerintah dapat membebaskan seseorang itu daripada tanggungjawabnya secara luaran (*ẓāhir*) dan dalaman (*bāṭin*). Ini disebabkan pemerintah lebih mengetahui mengenai kaedah pengagihan zakat dan mereka yang layak menerimanya. Jika dibayar secara terus

<sup>293</sup> *Ibid.*, 1:308-309.

<sup>294</sup> Ibn Qudāmah, *al-Muḡnī*, 2:479.

<sup>295</sup> *Ibid.*, 2:480.

<sup>296</sup> *Ibid.*, 2:479.

kepada orang miskin, belum tentu lagi dia akan terlepas daripada kewajipan menunaikan zakat secara dalaman (*bāṭin*) kerana kemungkinan orang tersebut tidak layak untuk menerima zakat dan juga dapat mengelak tuduhan atau fitnah terhadap dirinya.<sup>297</sup> Tetapi pandangan mereka ini telah dipertikaikan oleh fuqaha' dalam mazhab Ḥanbalī yang berpendapat bahawa mengagihkan zakat secara terus kepada asnāf adalah lebih baik kerana pemerintah tidak menguruskan zakat tersebut dengan sendiri sebaliknya diserahkan urusan tersebut kepada wakilnya atau utusannya sahaja yang tiada jaminan pengkhianatan tidak akan berlaku dan kemungkinan pungutan zakat tersebut tidak akan sampai kepada mereka yang berhak.<sup>298</sup>

Namun begitu, menurut Yūsuf al-Qaraḍawī bahawa pada asalnya pemerintah yang bertanggungjawab untuk memungut dan menghimpunkan harta zakat sama ada terdiri daripada harta *zāhir* atau harta *bāṭin*. Disebabkan peningkatan pungutan zakat daripada harta *bāṭin* pada zaman khalīfah ‘Uthmān ibn ‘Affān telah menyebabkan baginda menyerahkan tanggungjawab menguruskan pengagihan zakat harta ini kepada pemilik-pemilik harta tersebut masing-masing. Tetapi jika mereka tidak menunaikan hak Allah tersebut pada harta mereka iaitu zakat, maka pemerintah bertanggungjawab untuk mengutip zakat tersebut daripada harta mereka ini sepetimana kaedah yang asal.<sup>299</sup>

Justeru itu, beliau juga telah berpendapat bahawa di samping sesebuah kerajaan itu menubuhkan badan (*mu’assasah*) atau pejabat (*idārah*) yang menguruskan urusan-urusan zakat sama ada yang berkenaan dengan kutipan atau pengagihan, beliau juga turut mencadangkan supaya ditinggalkan sebahagian yang tertentu daripada pungutan zakat tersebut kepada pemilik harta berkenaan seperti satu perempat atau satu pertiga agar dia

<sup>297</sup> *Ibid.*

<sup>298</sup> *Ibid.*, 2:480.

<sup>299</sup> Al-Qaraḍawī, *Fiqh al-Zakāh*, 2:259.

jugak dapat turut serta mengagihkan zakat tersebut kepada orang-orang yang dia rasa layak yang terdiri daripada kaum kerabat atau jiran-jirannya yang memerlukan.<sup>300</sup>

Berdasarkan kepada pandangan penulis, pendapat Yūsuf al-Qaraḍāwī ini merupakan satu pendapat yang pertengahan kerana beliau bukan sahaja meraikan pendapat-pendapat fuqaha' yang mewajibkan zakat untuk diserahkan kepada pemerintah atau ‘āmil tetapi turut juga meraikan pandangan daripada mazhab Ḥanbalī yang berpendapat adalah sunat membayarkan zakat secara sendiri. Oleh sebab itu, penulis berpendapat bahawa pandangan ini adalah amat sesuai untuk diamalkan di Malaysia kerana bukan sahaja boleh meningkatkan jumlah pungutan zakat tetapi juga boleh menggalakkan mereka untuk membayar zakat kepada majlis agama di negeri masing-masing khususnya di Perak. Ini disebabkan mereka juga berpeluang untuk mengagihkan sendiri zakat mereka kepada orang-orang di sekeliling mereka yang memerlukan.

#### **4.5 POTENSI PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TEKSTIL KEPADA MAIPk**

Sekiranya diperhatikan kepada jumlah nilai zakat perniagaan yang telah dikeluarkan oleh peniaga-peniaga tekstil di negeri Perak, sangat tinggi jumlah dan manfaatnya jika wang-wang berkenaan dapat disalurkan kepada MAIPk. Ini boleh dilihat terhadap jumlah zakat perniagaan yang dimiliki oleh syarikat perkongsian yang terdiri daripada Mohd Haniff Bersaudara iaitu sebanyak RM 165,000, Syarikat M. Salim Sdn Bhd pula adalah sebanyak RM 110,000, Butik Pesona Indah yang berjumlah RM 30,000 dan

---

<sup>300</sup> *Ibid.*, 2:260-261.

Shukeri Enterprise sebanyak RM 15,700. Jika dicampurkan semua sekali adalah berjumlah RM 320,700.

Manakala jumlah zakat perniagaan yang dikeluarkan oleh syarikat milikan tunggal pula adalah terdiri daripada Syarikat A & A Carpets adalah sebanyak RM 105,000, Afshar Textile pula adalah berjumlah RM 52,000, FR Zaini Collection pula sebanyak RM 42,875, Permai Koleksi Enterprise adalah berjumlah RM 22,000, Nurul Koleksi adalah sebanyak RM 13,000, Syarikat Gesamas Sdn Bhd pula adalah sebanyak RM 7,080 dan jumlah yang terendah dalam kalangan syarikat-syarikat kategori ini pula adalah syarikat Ain Hias iaitu sebanyak RM 3,500. Jika dihitungkan semua sekali adalah berjumlah RM 245,455.

Oleh itu, jumlah keseluruhan zakat perniagaan yang telah dibayar oleh semua syarikat tekstil di atas selama lima tahun berturut-turut adalah berjumlah RM 566,155 iaitu melebihi setengah juta ringgit Malaysia. Menurut Eksekutif Zakat MAIPk, Munawir Bin Muhammad Noh, terdapat beberapa program khusus yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup golongan-golongan asnaf di Perak iaitu antaranya adalah Program Pembangunan Insan dan Program Pembangunan Ekonomi.<sup>301</sup> Program Pembangunan Insan dilaksanakan bertujuan untuk memberi kursus atau latihan kepada golongan asnaf yang terpilih dalam bidang-bidang yang tertentu supaya mereka dapat berdikari selepas tamat kursus. Sebagai contohnya, pihak Majlis Agama ada membuat kerjasama dengan Kolej Komuniti seperti Kolej Komuniti Pengkalan Hulu di Grik untuk melatih anak-anak asnaf yang terpilih dengan menanggung segala kos yuran latihan dan pengajian. Manakala Program Pembangunan Ekonomi pula dilaksanakan bertujuan untuk membantu asnaf-asnaf fakir, miskin dan mu'allaf untuk mendapatkan bantuan modal supaya mereka boleh terlibat di dalam sektor-sektor tertentu seperti perikanan,

<sup>301</sup> Munawir Bin Muhammad Noh (Eksekutif Zakat (Dakwah & Promosi) Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak), dalam temubual dengan penulis, 20 Jun 2012.

penternakan, pertanian atau perniagaan. Dan setakat ini, program ini telah berjaya mengeluarkan beberapa individu daripada belenggu kemiskinan.

Selain itu, menurut data yang diperolehi daripada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak bahawa pada tahun 2009 adalah sebanyak 4,353 orang miskin dan 2,141 orang miskin tegar terdapat di Negeri Perak. Manakala pada tahun 2010 pula adalah sebanyak 4,815 orang miskin dan 574 orang miskin tegar dalam negeri ini.<sup>302</sup> Justeru itu, jika semua jumlah zakat perniagaan ini disalurkan kepada MAIPk, sudah tentulah kutipan-kutipan yang terkumpul ini dapat memberikan manfaat yang lebih besar kepada asnaf-asnaf yang terlibat di dalam program-program ini dan golongan-golongan yang memerlukan. Ini juga akan memudahkan pihak Majlis Agama untuk memperbaiki beberapa kelemahan atau halangan yang timbul dalam program-program ini serta merancang program-program baru yang mungkin memerlukan peruntukan yang lebih besar dari setiap tahun ke tahun disebabkan kenaikan kos perbelanjaan yang sentiasa meningkat.

#### **4.6 KESIMPULAN**

